

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.09/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.09/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.08/2013 bertarikh 29 Ogos 2013.
4. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 4.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.09/2013 .
 - 4.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.09/2013.
 - 4.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.09/2013.
 - 4.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.09/2013.
 - 4.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.09/2013.
 - 4.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.17/2013.
 - 4.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.18/2013.
7. Ucapan Penangguhan oleh Tuan Razali Bin Ramly.
8. Penutup.

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.09/2013**

KANDUNGAN

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.08/2013.
2. Lampiran-lampiran :-
 - 4.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.09/2013 .
 - 4.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.09/2013.
 - 4.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.09/2013.
 - 4.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.09/2013.
 - 4.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.09/2013.
 - 4.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.17/2013.
 - 4.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.18/2013.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 8/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 29 OGOS 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob
Yang DiPertua Majlis | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Jafrien bin Muhammad | - | " |
| 4. | Tn. Abdul Latif bin Shaari | - | " |
| 5. | Tn. Hamsah bin Djabir | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 7. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 8. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 9. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 10. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 11. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 12. | Tn. Chua Yew Choong | - | " |
| 13. | Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 14. | Tn. Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | " |
| 15. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 16. | Tn. Hj. Ali bin Ismail | - | " |

- | | | | |
|-----|-------------------------------|---|-------------|
| 17. | Tn. Hj. Mat Jusoh bin Dollah | - | Ahli Majlis |
| 18. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad | - | " |
| 19. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 20. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 21. | Tn. Mohamad bin Samat | - | " |
| 22. | Tn. Abd Hamid bin Hussain | - | Setiausaha |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Tn. Hj. A. Yazid bin Alias
Ahli Majlis, MPAJ

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarodin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Johari bin Atli
Jabatan Undang-Undang
3. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
4. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia dan Masyarakat
5. En. Addy Hissham bin Elias
Jabatan Penguatkuasa
6. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Jabatan Perbendaharaan
7. En. Mohd Fazrin bin Rahman
Bahagian Audit Dalam
8. Pn. Rosliza binti Mohd
Jabatan Perancangan Korporat

9. En. Mohamed Yusuf bin Sulaiman
Jabatan Khidmat Pengurusan
10. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
11. En. Khairul Azmi bin Abd. Rahman
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
12. Pn. Zuraina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
13. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail
Bahagian COB
14. Pn. Rohana binti Md Nor
Bahagian OSC
15. Pn. Norhayati binti Ahmad
Jabatan Perancangan Korporat (PRO)
16. Pn. Mastura binti Ishak
Bahagian Ukur Bahan
17. Pn. Norlela binti Kamsi
Bahagian Urusetia - Urusetia
18. Pn. Noryani binti Roslan
Bahagian Urusetia - Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan

2. MAJLIS PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN (ANGKAT SUMPAH) SEBAGAI AHLI MAJLIS SESI 2013

Tuan Chua Yew Choong menerima jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi sesi 2013 mulai 1 Ogos 2013 hingga 31 Disember 2013. Tuan Chua Yew Choong turut melafazkan Aku Janji Integriti dan menandatangani Surat Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972.

3. UCAPAN Pengerusi

Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob, Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2013.

Y. Bhg. Dato' Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

- 3.1. Dato' Pengerusi mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kehadiran seorang lagi Ahli Majlis Baru iaitu Tuan Chua Yew Choong, 34 tahun yang mewakili parti DAP. Beliau berharap semoga kerjasama daripada semua pihak terutama Ahli-Ahli Majlis yang dilantik akan dapat lebih memantapkan pengurusan dan pentadbiran MPAJ dan bekerja sebagai satu pasukan.

- 3.2. Majlis Perbandaran Ampang Jaya akan menerima kunjungan lawatan Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang pada 1 Oktober 2013 (Selasa) jam 9.30 pagi. Sebagai makluman, Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang ini akan dilaksanakan bermula pada 17 September 2013 – 11 Oktober 2013 dan disertai oleh 40 jabatan/agensi kerajaan di Negeri Selangor.
- 3.3. Dimaklumkan bahawa Majlis Jamuan Hari Raya Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 2013 akan diadakan pada hari ini selepas berakhirnya Mesyuarat Penuh ini. Pihak Majlis mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir untuk memeriahkan lagi Majlis tersebut.
- 3.4. Dato' Pengerusi mengambil kesempatan memaklumkan kepada semua yang hadir bahawa Mesyuarat Penuh hari ini adalah mesyuarat terakhir beliau sebagai Yang DiPertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Selepas ini beliau akan memulakan perkhidmatan beliau sebagai Yang Dipertua, di salah sebuah PBT di Selangor mulai dari 2 September 2013. Dengan rendah hati, beliau menyusun sepuluh jari memohon maaf sekiranya ada sebarang keterlanjuran, salah dan silap sepanjang beliau berkhidmat di MPAJ. Doa beliau semoga MPAJ akan terus sukses dan cemerlang selalu.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 7/2013

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2013 bertarikh 31 Julai 2013 disahkan tanpa pindaan. Minit mesyuarat dicadangkan disahkan oleh Puan Sian Keng Eng dan disokong oleh Tuan Wong Khai Pun.

5. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

6. KERTAS CADANGAN KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA KECIL UNTUK TUAN CHUA YEW CHOONG, AHLI MAJLIS BAGI SESI 2013

Mesyuarat Penuh Majlis, bersetuju dan meluluskan keahlian Tuan Chua Yew Choong, Ahli Majlis menganggotai 3 Jawatankuasa Kecil Majlis iaitu:

- 6.1. Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan
- 6.2. Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin; dan
- 6.3. Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran

Makluman

7. PERTIMBANGAN LAPORAN**7.1. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2013 bertarikh 29 Ogos 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 8/2013 yang telah diadakan pada 15 Ogos 2013 tanpa

pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Mohamad bin Samat.

MAKLUMAN

7.2. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2013 bertarikh 29 Ogos 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 8/2013 yang telah diadakan pada 19 Ogos 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramanya a/l Sinnapayal dan disokong oleh Tuan Abdul Aziz bin Ahmad.

MAKLUMAN

7.3. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2013 bertarikh 29 Ogos 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 8/2013 yang telah diadakan pada 21 Ogos 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramanya a/l Sinnapayal dan Tuan Jafrien bin Muhammad dan disokong oleh Tuan Mohamad bin Samat.

MAKLUMAN

7.4. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2013 bertarikh 29 Ogos 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 8/2013 yang telah diadakan pada 22 Ogos 2013 dengan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadangkan disahkan oleh Tuan Hj. Abdul Jalil bin Hasan dan disokong oleh Tuan Wong Khai Pun.

7.4.1. Perkara 2.2.10. di muka surat 129 – Sampah Haram

Tuan Hamsah bin Djabir memohon supaya pemilik tanah kosong di Jalan 6/11 dan Jalan 6/10, Tasik Tambahan memagar kawasan tersebut untuk mengelakkan pembuangan sampah haram yang semakin kritikal.

Dato' Pengerusi menyatakan bahawa kompaun boleh dikenakan ke atas pemilik tanah yang tidak menyelenggara tanah mereka dan bersetuju supaya pemilik tanah diarah memagar kawasan tanah tersebut.

7.4.2. PENGURUSAN SUKAN JKP

Tuan Hj Abdul Jalil bin Hasan mewakili Ahli Majlis mencadangkan supaya pengurusan dan pengelolaan Sukan JKP dilaksanakan oleh Majlis sendiri kerana pihak JKP tidak keupayaan untuk menguruskannya kerana kesuntukan masa.

Dato' Pengerusi menyatakan pengelolaan Sukan JKP lebih sesuai diuruskan oleh pihak JKP sendiri. Sekiranya faktor masa menjadi halangan, Mesyuarat bersetuju pertandingan Sukan JKP pada tahun ini diuruskan oleh Majlis dan pada tahun hadapan diambil alih oleh JKP dengan membuat perancangan awal.

MAKLUMAN

7.5. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2013 bertarikh 29 Ogos 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 8/2013 yang telah diadakan pada 23 Ogos 2013 dengan pindaan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis.

7.5.1. Perkara 2.4.8. di muka surat 158

Mesyuarat Penuh Majlis memutuskan mengekalkan keputusan MMKN berkenaan Skim Perjawatan Pengarah Jabatan di Pihakberkuasa Tempatan Negeri Selangor dilaksanakan melalui insentif di mana mempunyai sekurang-kurangnya lapan (8) tahun pengalaman bekerja iaitu menyandang jawatan yang sama dan kepada Pengarah Jabatan. Cadangan di para 2.4.7 tidak dilaksanakan, kecuali pada yang mematuhi keputusan MMKN tersebut.

MAKLUMAN

SULIT

7.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2013 bertarikh 29 Ogos 2013 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 15/2013 dan bil. 16/2013 bertarikh 16 Ogos 2013 dan 26 Ogos 2013.

MAKLUMAN**8. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN WONG KHAI PUN**

Tuan Wong Khai Pun mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2013 dan Selamat Hari Raya kepada semua yang hadir.

Dalam ucapan penangguhan beliau menyampaikan perkara berikut:

8.1. Beliau mengalu-alukan kedatangan Ahli Majlis baru, Tuan Chua Yew Choong dan berharap beliau dapat menyumbangkan idea-idea baru untuk memajukan pentadbiran MPAJ.

8.2. Beliau membangkitkan bantahan penduduk ke atas pembangunan 51 tingkat di kawasan Pandan Perdana. Hanya tinggal satu kawasan tasek rekreasi di kawasan Majlis iaitu di Pandan Perdana dan Majlis perlu berusaha memelihara kewujudan tasek tersebut untuk kegunaan warga Ampang khususnya penduduk di Pandan Perdana. Beliau mengharapkan Majlis dapat menghadapi cabaran ini dengan mengimbangkan kesejahteraan penduduk dan pembangunan semasa dan mengambil pengalaman semasa pembangunan di AXIS Pandan dahulu.

8.3. Beliau menyentuh isu semasa berhubung tayangan hari pertama filem 'Tanda Putera' pada 29 Ogos 2013 di seluruh Negara dan menyarankan Majlis mempertimbangkan supaya filem tersebut tidak ditayangkan di pawagam di kawasan Ampang sebagaimana keputusan yang dibuat oleh pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

8.4. Akhir kata, beliau mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada Dato' Yang Di Pertua di tempat baru beliau nanti.

9. PENUTUP

Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan tersebut dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.57 pagi.

Disediakan oleh:-


(ABD. HAMID BIN HUSSAIN)

Setiausaha Merangkap Timbalan Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh
.....dan disokong oleh

Pengerusi Mesyuarat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPM 8 2013 – 29.8.2013.



4.1.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN
DAN BINAAN TANPA IZIN BIL.9/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.09/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 10 SEPTEMBER 2013

MASA : 9.30 PAGI – 11.40 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 5. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 6. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 7. | Tn. Chua Yew Choong | - | " |
| 8. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 9. | Tn. Hj Ali Bin Ismail | - | " |
| 10. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |
| 11. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |
| 12. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|----------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias | - | Ahli Majlis |
|----|----------------------------|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.09/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.09/2013 telah diadakan pada 10 September 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PEMBINAAN RESTORAN TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH
REZAB JPS DI LORONG AWAN 14, KUALA AMPANG, MUKIM
HULU KELANG**

Wakil dari Pejabat Tanah Daerah Gombak memaklumkan akan mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan isu tersebut.

**Tindakan:
PTD Gombak**

2.2 BANGUNAN DIBINA BERSEBELAHAN KOLAM IKAN DI TAMAN BUKIT MULIA

Wakil dari Pejabat Tanah Daerah Gombak memaklumkan akan mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan isu tersebut.

Tindakan:
PTD Gombak

2.3 BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG PANDAN (NO.68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)

Mesyuarat dimaklumkan, tempoh pemilik mengemukakan pelan kepada Majlis telah tamat pada 9 September 2013 dan masih belum menerima sebarang maklumbalas dari pemilik rumah. Pihak Jabatan akan menulis surat peringatan terakhir kepada pemilik rumah untuk mengambil tindakan dalam tempoh 14 hari. Sekiranya pemilik masih gagal, tindakan undang-undang akan diambil.

Tindakan:
Jabatan Bangunan & Senibina

2.4 BINAAN TANPA KEBENARAN DI BAWAH REZAB TALIAN RENTIS TNB DARI KG PANDAN KE KG TASEK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan, pihak TNB telah menghantar email pada 4 September 2013 berkenaan tarikh baru bancian iaitu pada 11 September 2013.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

2.5 BANCIAN AKTIVITI PERNIAGAAN DI KG PANDAN DALAM

Mesyuarat dimaklumkan, satu mesyuarat penyelarasan yang akan dipengerusikan oleh YB Tn. Iskandar bin Abdul Samad akan diadakan pada 27 September 2013 bagi membincangkan isu-isu di Kg Pandan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.6 TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Orang Kena Tuduh (OKT) telah membuat rayuan secara lisan agar diberi tempoh selama dua bulan untuk mengalihkan kereta-kereta tersebut. Jabatan Penguatkuasa akan membuat pemantauan dan menyediakan laporan kepada jabatan bagi memohon Perintah Denda Harian di mahkamah.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang/Jabatan Penguatkuasa

2.7 GERAJ HARAM (BANANA CAFE) DI AMPANG WATER FRONT

Mesyuarat dimaklumkan, surat ulangan telah dikemukakan kepada PTD Hulu Langat bagi mendapatkan maklumbalas berhubung cadangan Lebuhraya SUKE.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa/Jabatan Perancang Bandar

2.8 TAMBAKAN TANAH HARAM DI CERUN JALAN WANGSA 5A

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan dalam tindakan mendapatkan izin pendakwaan daripada Timbalan Pendakwa Raya dan tarikh sebutan mahkamah.

Tindakan:
Jabatan Undang-Undang

2.9 STATUS GERAI STATIK DI SEBELAH DEWAN PERMATA

Mesyuarat bersetuju untuk menamatkan permit peniaga tersebut pada kadar segera dan tindakan perobohan dilaksanakan segera.

Tindakan :
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Penguatkuasa**

2.10 PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153, LORONG 8, KG TASIK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan, pada 30 Ogos 2013 struktur tembok penahan rumah di Lot 153 telah runtuh. Pihak jabatan telah mengeluarkan notis kacauganggu kepada pemilik rumah. Pemilik telah mengambil tindakan jangka pendek dengan penutup cerun tersebut dengan 'tarpauline sheet' dan mengalurkan air saliran dengan sempurna. Walau bagaimanapun, pemilik masih belum mengemukakan sebarang cadangan mengenai pembaikan cerun oleh jurutera bertauliah. Pihak jabatan akan membuat pemantauan berkala ke atas cerun tersebut.

Tindakan :
Jabatan Bangunan dan Senibina

2.11 MASALAH TEMPAT LETAK KERETA DI BLOK M14 DAN M 15 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, notis kepada pemilik gerai buah-buahan akan dikeluarkan sebelum tindakan perobohan dilaksanakan pada 20 September 2013.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.12 PEMBINAAN RUMAH TANPA MENGIKUT PELAN KELULUSAN DARIPADA PIHAK MAJLIS DI RUMAH NO.2, JALAN PERDANA 6/9, PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, perbicaraan kes antara En. Lim Koo vs. En. Soo akan berlangsung pada bulan September 2013 di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Pelan akan dikemukakan selepas kes mahkamah selesai.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

2.13 STATUS STOR DI TANAH KOSONG BERSEBELAHAN TOKONG HINDU DI JALAN 9/10 PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah mengeluarkan notis salah guna bangunan kepada pemilik stor tersebut. Mesyuarat bersetuju tindakan perobohan akan diambil bagi struktur 'hoarding' dan kabin tersebut memandangkan TOL tanah tersebut tidak boleh diperbaharui.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.14 KAJIAN DAN CADANGAN PEMULIHAN GERAI/TAPAK GERAI PLB DI TASEK TAMBAHAN 1

Mesyuarat dimaklumkan, kawasan tersebut termasuk dalam rancangan pemutihan gerai yang tertangguh disebabkan permohonan TOL ditangguhkan oleh Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat. Pihak Jabatan Perancang Bandar memaklumkan kawasan tersebut akan dibincangkan dalam Mesyuarat Taskforce Pemutihan Bangunan yang akan diadakan pada 12 September 2013.

Tn. Haji Ali Bin Ismail berpandangan kawasan tersebut boleh dibangunkan seperti Ampang Waterfront. Beliau juga mohon agar pihak Majlis dapat membangunkan kawasan tersebut.

Tindakan :

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan
/Jabatan Perancang Bandar**

2.15 BINAAN TIANG DAN BANGUNAN BARU DI BLOK B, BLOK C DAN DI WAKAF SUMBANGAN YB ISKANDAR

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan telah dilaksanakan pada 27 Ogos 2013. 3 struktur binaan lagi telah dikeluarkan notis dan akan dirobohkan selepas tamat tempoh notis tersebut.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa / Jabatan Bangunan & Senibina

2.16 GERAJ TOMYAM DAN GERAJ BURGER DI BAHU JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan akan mengeluarkan notis untuk merobohkan struktur wakaf, tiang dan bumbung di tepi Jalan F, Kg. Pandan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.17 SEMAKAN STATUS PERMOHONAN MENGECAJ SEMULA BANGUNAN DI PANGSAPURI ANGGERIK

Mesyuarat dimaklumkan, permohonan tersebut masih di bawah tindakan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Tindakan :

Bahagian COB

2.18 KEDAI SAP SAM YEW DI HUJUNG JALAN BUNGA TANJUNG 8 (PASAR PAGI) MELETAK KERUSI DAN MEJA DI TEMPAT LETAK KERETA

Mesyuarat dimaklumkan, Jabatan Penguatkuasa telah mengeluarkan lebih 30 kompaun di bawah Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133). Tuan Pengerusi mohon Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan mengalihkan penjaja di depan restoran tersebut.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa / Jabatan Perkhidmatan Perbandaran &

Kesihatan

2.19 GERAJ DURIAN DI JALAN MAWAR

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan mengeluarkan notis tempoh 30 hari untuk peniaga memberhentikan perniagaan di lokasi tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.20 GERAJ HARAM DI JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, satu mesyuarat penyelarasan yang akan dipengerusikan oleh YB Tn. Iskandar bin Abdul Samad akan diadakan pada 27 September 2013 bagi membincangkan isu-isu di Kg Pandan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.21 ISU PENEROKAAN DAN PENAMBAKKAN KAWASAN LAPANG DI JALAN 2/1 DAN 2/1B TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan, semakan mendapati status tapak adalah rezab kawasan lapang yang masih dalam proses pewartaan seluas 3.7 ekar. Di tapak terdapat bangunan tanpa izin(stor) dan tempat pembuangan sampah. Pihak Jabatan Perancang Bandar telah mengeluarkan surat kepada PTD Hulu Langat bertarikh 6 Ogos 2013 untuk tindakan penguatkuasaan.

Jabatan Belia dan Masyarakat diminta membuat perancangan ke atas kawasan lapang tersebut sebagai kawasan rekreasi.

Tindakan :

**Jabatan Perancang Bandar/
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.22 STATUS BINAAN DI ATAS LOT-LOT PERSENDIRIAN DI JALAN MERDEKA (KAWASAN PERUMAHAN BARU DI SEBELAH SEK.MEN. BANDAR BARU AMPANG)

Mesyuarat dimaklumkan hasil semakan pihak Jabatan, kawasan ini merupakan kampung tradisi tetapi status di dalam Rancangan Tempatan (RT) telah diwartakan sebagai lot perniagaan. Lot 532 telah membina gudang tanpa kelulusan dan notis telah dikeluarkan namun tidak dipatuhi dan dalam proses sebutan di mahkamah. Notis juga telah dikeluarkan pada Lot 531, 533 (belakang Lot 536).

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.23 GERAJ MAKAN DI TEMPAT LETAK KERETA RUMAH PANGSA TAMAN NIRWANA

Mesyuarat dimaklumkan, notis 14 hari telah dikeluarkan pada 9 September 2013. Selepas tempoh notis tamat tindakan penguatkuasaan akan diambil.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.24 SEMAKAN UBAHSUAIAN TANPA KEBENARAN DI TAMAN KELAB UKAY, TAMAN BUKIT UTAMA DAN TAMAN PUNCAK UTAMA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik rumah yang tidak mempunyai kelulusan ubahsuai.

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina

2.25 VAN BURUK DI PASAR PAGI, TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, notis telah dikeluarkan pada 10 Ogos 2013 untuk tempoh 3 hari. Pemilik telah datang ke pejabat dan membuat rayuan untuk menangguhkan tindakan bagi memindahkan van tersebut.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

2.26 PEMBERSIHAN LORONG DAN 'AWNING EXTENSION' DITURUNKAN DI JALAN BUNGA TANJUNG 8,9 DAN 10, TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan pada 6 September 2013. Jabatan Bangunan & Senibina telah mengeluarkan notis kepada pemilik kedai untuk menurunkan 'awning extension'. Tindakan perobohan akan dilaksanakan sekiranya pemilik kedai gagal mematuhi notis tersebut.

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina

2.27 RUMAH NO. 2, JALAN 9, TAMAN PUTRA DIJADIKAN STOR

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik rumah tersebut yang menjadikan bahagian tepi rumah (corner lot) sebagai stor menyimpan alat-alat pembinaan.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.28 BILLBOARD TELAH DIROBOHKAN DI KG CHERAS BARU

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan tidak mempunyai maklumat samada billboard tersebut dirobohkan atau dicuri. Walau bagaimanapun, pihak jabatan telah melaporkan kepada Pegawai Media Menteri Besar, Tn. Nazuri bin Tn. Ismail kerana billboard tersebut milik Menteri Besar Integrated.

Tindakan :

Makluman

3.0 HAL-HAL LAIN**TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS****3.1 STATUS TERKINI TAPAK TOL RESTORAN MILLENIUM, TAMAN NIRWANA FASA 1**

Beliau mohon disemak status terkini tapak TOL Restoran Millenium, Taman Nirwana Fasa 1 dan 2 buah bangunan yang berada di kawasan tersebut.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR**3.2 SEMAKAN TAPAK DI SEBELAH TAMAN PUNCAK BUKIT UTAMA**

Beliau mohon semakan tapak di sebelah Taman Puncak Bukit Utama di mana terdapat kerja-kerja tanah sedang dilaksanakan. Penduduk Puncak Bukit Utama membuat bantahan jika tapak ini dijadikan stor atau sebagainya. Difahamkan projek dari Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KETTHA). Mohon ditanggungkan permohonan penggunaan tapak ini.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan / Jabatan Perancang Bandar

TN. LIM FONG LEN**3.3 SEMAKAN TANAH KOSONG YANG DIJADIKAN TEMPAT PARKING DI JALAN BUNGA TANJUNG 8, TAMAN MUDA**

Beliau mohon pihak Majlis membuat semakan ke atas tanah kosong yang telah dijadikan tempat parking di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Muda samada mendapat kelulusan dari MPAJ atau tidak.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

TN. CHUA YEW CHOONG**3.4 STATUS STRUKTUR TELEKOMUNIKASI DI SEBAHAGIAN JALAN WAWASAN 3, BANDAR BARU AMPANG**

Beliau mohon semakan berkenaan struktur telekomunikasi di sebahagian kawasan tapak kolam pam air, Jalan Wawasan 3, Bandar Baru Ampang (berhampiran Tokong Tian Di Gong).

Merujuk surat daripada Maxis kepada pihak MPAJ bahawa pihak Maxis akan mengalihkan struktur pemancar tersebut selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2012. Mohon semakan jabatan terlibat.

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina

3.5 RUMAH IBADAT DI TEPI JALAN PERDANA 6/3, PANDAN PERDANA

Beliau mohon tindakan ke atas rumah ibadat (warna kuning) bersaiz mini yang terletak di tepi Jalan Perdana 6/3, Pandan Perdana bersebelahan Golf Driving Range.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

3.6 PERNIAGAAN CUCI KERETA DI DALAM KAWASAN DEWAN CHERAS INDAH (PUSAT GIANT KOMUNITI BAKTI NUSA)

Beliau mohon tindakan segera ke atas perniagaan cuci kereta di dalam kawasan Dewan Cheras Indah (Pusat Giat Komuniti Bakti Nusa), Jalan Indah, Taman Cheras Indah.

(Minit mesyuarat dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan)

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID**3.7. 5 KELUARGA MYANMAR DI KAWASAN BINAAN TANPA IZIN DI BAWAH RINTISAN TNB DI PANDAN JAYA UTARA**

Beliau mendapat aduan daripada penduduk berdekatan tentang kehadiran 5 keluarga Myanmar di kawasan binaan tanpa izin di bawah rintisan TNB di Pandan Jaya Utara. Tidak ada maklumat samada mereka pemilik atau penyewa binaan tersebut. Mohon tindakan susulan dari jabatan terlibat.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar**

TN. HAJI ALI BIN ISMAIL**3.8. SEMAKAN SALAH GUNA BANGUNAN DI SELURUH KAWASAN MPAJ**

Beliau mendapati banyak rumah-rumah kediaman di lot tepi menyalahgunakan rumah tersebut dengan menjalankan perniagaan cuci kereta. Mohon semakan dan tindakan penguatkuasaan khususnya di Tasek Tambahan.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina / Jabatan Penguatkuasa**

TN. HAJI MAT JUSOH BIN DOLLAH**3.9. KABIN HARAM DI KG BUKIT SUNGAI SEPUTEH**

Beliau mohon tindakan perobohan ke atas kabin haram di depan Lot 1, Jalan Seputeh Saidina Abu Bakar, Kg Bukit Sungai Seputeh.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina**

3.10. PENYERAHAN DEWAN DI KG SUNGAI SEPUTEH

Beliau menerima aduan daripada penduduk kampung berkenaan dengan dewan orang ramai yang ditadbir oleh seseorang individu. Dewan tersebut perlu diserahkan kepada JKKK. Mohon pihak Majlis mengeluarkan surat kepada individu tersebut untuk membuat penyerahan kepada JKKK.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

TN. HO AH NGOH**3.11 CANTAS POKOK-POKOK DI SIMPANG MASUK KE RUMAH PANGSA TAMAN CAHAYA INDAH**

Beliau menerima aduan daripada penduduk meminta mencantas pokok-pokok yang berada disimpang masuk ke rumah pangsa tersebut. Kerap kali dahan-dahan pokok tersebut jatuh dan kena pada cermin kereta. Mohon tindakan segera.

(Minit mesyuarat dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

Tindakan :

Jabatan Belia & Masyarakat

TN. MOHAMAD BIN SAMAT**3.12 AKTIVITI KILANG HARAM DI JALAN TERATAI 1/9B, TAMAN BUKIT TERATAI**

Terdapat aktiviti kilang haram di tepi-tepi parit/sungai yang menimbul kacauganggu di Jalan Teratai 1/9B, Taman Bukit Teratai. Beliau mohon tindakan penguatkuasaan dengan memberhentikan operasi kilang tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar / Jabatan Penguatkuasa

3.13 KEPERLUAN TEMPAT LETAK KERETA DAN LANDSKAP DI KAWASAN MEDAN IKS, JALAN TERATAI 1/16, TAMAN BUKIT TERATAI

Beliau mohon diadakan tempat letak kereta dan keindahan landskap di kawasan Medan IKS, Jalan Teratai 1/16, Taman Bukit Teratai.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar / Jabatan Belia & Masyarakat

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
13SEPTEMBER2013*

4.2.
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.9/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.09/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 18 SEPTEMBER 2013

MASA : 9.30 PAGI – 12.25 TENGAHARI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abd. Latif bin Shaari | - | " |
| 4. | Tn. Jafrien bin Muhammad | - | " |
| 5. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 7. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 8. | Tn. Mohamad Bin Samad | - | " |
| 9. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 10. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad | - | " |
| 11. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 12. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Haji Ali Bin Ismail | - | Ahli Majlis |
|----|-------------------------|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.09/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar Dan Kemasyarakatan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 09/2013 telah diadakan pada 18 September 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. KERTAS MAKLUMAN PELANTIKAN KETUA ZON JAWATANKUASA
PENDUDUK (JKP) BAGI SESI 2012/2013 MAJLIS PERBANDARAN
AMPANG JAYA.**

2.2.1. Mesyuarat dibentangkan dengan kertas cadangan pelantikan Ketua Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) bagi Zon 18.

2.2.2. Pada 19 Jun 2013, Ahli Majlis Zon 20 telah ditamatkan perkhidmatan sebagai Ahli Majlis MPAJ. Mesyuarat

Penuh Majlis Bil 7/2013 bersetuju Tn. Wong Khai Pun menjalankan tugas sementara di JKP 20 mulai 1 Julai 2013. Mulai 18 Julai 2013, beliau telah mengambilalih tugas sebagai Pengerusi JKP Zon 20 dan memangku tugas di Zon 18 sehingga Ahli Majlis baru dilantik.

2.2.3. Tuan Chua Yew Choong telah dilantik sebagai Ahli Majlis MPAJ melalui Majlis Pengakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) bertarikh 29 Ogos 2013 bagi sesi 2013. Sehubungan dengan itu, dicadangkan Tuan Chua Yew Choong dilantik sebagai Ketua Zon JKP bagi Zon 18 yang meliputi kawasan Taman Pandan Mewah, Taman Muda dan Taman Lembah Maju.

2.2.4. Mesyuarat menerima dan bersetuju Tuan Chua Yew Choong dilantik sebagai Ketua Zon JKP 18 meliputi kawasan seperti di para 2.2.3. di atas berkuatkuasa 1 September 2013.

2.2. KERTAS CADANGAN PENYERAHAN PENGURUSAN DATARAN ANAK MUDA KEPADA JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP)

2.2.1. Mesyuarat dikemukakan bagi cadangan penyerahanan pengurusan Dataran Anak Muda kepada Jawatankuasa Penduduk (JKP).

2.2.2. Dataran Anak Muda merupakan projek Kerajaan Negeri yang diserahkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah untuk dibangunkan dengan menggunakan bajet Geran Selangorku.

2.2.3. Pembinaan Dataran Anak Muda dibuat mengikut DUN. Sebanyak 5 lokasi telah dibangunkan Dataran Anak Muda. Lokasi adalah seperti berikut:-

- a. Jalan H12, Taman Melawati (DUN HULU KELANG)
- b. Jalan 1, Ampang Jaya (DUN BUKIT ANTARABANGSA)
- c. Jalan 6/11, Taman Tasek Tambahan (DUN LEMBAH JAYA)
- d. Jalan Persiaran Pandan 7, Taman Pandan Jaya (DUN CEMPAKA)
- e. Jalan Bunga Melati 1A, Taman Maju Jaya (DUN TERATAI)

2.2.4. Hanya 1 lokasi yang telah diserahkan kepada pihak Majlis iaitu Dataran Anak Muda Jalan H12, Taman Melawati. Selebihnya masih belum diserahkan kepada Majlis. Majlis telah menerima permohonan daripada Tn. Hj. A. Yazid bin Alias (JKP 1) untuk menguruskan Dataran Anak Muda Jalan H12, Taman Melawati.

2.2.5. Mesyuarat bersetuju menyerahkan Dataran Anak Muda Jalan H12, Taman Melawati kepada Tn. Hj. A. Yazid B. Alias Jawatankuasa Penduduk (JKP1) dengan mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya seperti di **Lampiran 1 dan penggunaan masa tidak melebihi pukul 1.00 pagi dan penggunaan bersama bagi JKP yang tiada disediakan Dataran Anak Muda.**

2.3. KERTAS MAKLUMAN CADANGAN LOKASI PADANG CERGAS MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA.

2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan bertarikh 9 Julai 2013 telah mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor untuk melaksanakan Projek Pembinaan Padang Cergas.

2.3.2. Pihak PBT diminta menyediakan adang cergas dalam tempoh 5 tahun dengan perbelanjaan sendiri dan pihak Unit Perancangan Negeri (UPEN) hanya membantu menyediakan signboard setelah PBT melengkapkan semua peralatan padang cergas. Komponen peralatan adalah seperti berikut:

-	Lampu Solar	1 unit
-	Pondok berbumbung kayu	1 unit
-	Kerusi batu	5 unit
-	Star spring rider	1 unit
-	Dino spring rider	1 unit
-	Bird spring rider	1 unit
-	Rocking Pony spring rider	1 unit
-	Sky walker	1 unit
-	Multi function gym	1 unit
-	Arm Cyclers	1 unit
-	Steering junior spring	1 unit

2.3.3. PBT diminta mendapatkan cadangan lokasi daripada pihak Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan masing-masing. Pihak Majlis telah mengeluarkan surat kepada semua ADUN di kawasan Majlis bagi mengemukakan

cadangan lokasi tersebut. Sehingga kini hanya dua (2) ADUN di kawasan Majlis yang telah mengemukakan cadangan kepada Jabatan bagi cadangan lokasi padang cergas iaitu DUN Hulu Kelang dan DUN Cempaka. Cadangan lokasi padang cergas untuk MPAJ seperti berikut:-

DUN	BIL	LOKASI PADANG PERMAINAN	Catatan
Hulu Kelang	1. 2.	Padang Permainan di Jalan AU 3/1,Taman Desa Keramat. Padang permainan di Jalan J 10,Taman Melawati.	Cadangan lokasi yang di Adun Hulu Kelang.
Bukit Antarabangsa	1. 2.	Padang Permainan di Jalan Nirwana 46, Taman Nirwana. Padang Permainan di Jalan 3,Bandar Baru Ampang.	
Lembah Jaya	1. 2.	Padang Permainan di Jalan Utama,Taman Bukit Indah. Padang Permainan di Jalan Kosas 3/5,Taman Kosas.	
Cempaka	1. 2.	Padang Permainan di Flat Fasa 2A, Taman Dagang. Padang Permainan di Persiaran Pandan 3,Taman Pandan Jaya.	Cadangan lokasi yang di Adun Cempaka
Teratai	1. 2.	Padang Permainan di Pandan Lake Club,Taman Pandan Perdana Padang Permainan di Jalan Teratai 2/7, Taman Bukit Teratai.	

2.3.4. Mesyuarat menerima projek padang cergas di PBT yang disarankan oleh Kerajaan Negeri dan Jabatan Belia dan Masyarakat diminta menyelaraskan semula lokasi di 3 DUN iaitu DUN Bukit Antarabangsa, Lembah Jaya dan Teratai.

2.4. KERTAS CADANGAN PENUBUHAN PASUKAN 'COMBI' MENGIKUT DUN NEGERI

2.4.1. Mesyuarat dimaklumkan ' Penubuhan Pasukan COMBI (Communication For Behavioural Impact)' atau " Komunikasi Untuk Perubahan Tingkahlaku mengikut Dun Negeri (DN) yang akan melibatkan 24 Jawatankuasa Penduduk (JKP) di dalam kawasan pentadbiran MPAJ dalam mencegah dan mengawal kejadian penyakit demam denggi.

2.4.2. Objektif pelaksanaan Program Combi adalah :

- a) Memperkasa peranan komuniti dalam mengubah tingkah laku masyarakat ke arah penjenamaan pasukan COMBI yang proaktif
- b) Menurunkan kadar kejadian penyakit demam denggi
- c) Menggalakkan penglibatan pelbagai agensi kerajaan, swasta, badan sukarela, pertubuhan bukan kerajaan, rukun tetangga da lain- lain agensi serta meningkatkan usahasama dalam mencegah dan mengawal penyakit demam denggi.

2.4.3. Program COMBI ini akan diketuai oleh seorang pengerusi bersama di antara Jabatan PBK dan Jabatan BM yang akan diwakili samada oleh wakil Jabatan PBK, BM ataupun daripada JKP yang terlibat. Pengerusi ini adalah bertanggungjawab sebagai koordinator (**one stop coordinating centre**) dari segi teknikal, latihan dan perunding kepada Skuad Combi untuk setiap aktiviti yang akan dijalankan. Proses kerja bagi penubuhan Skuad COMBI seperti di **Lampiran 2**.

2.4.4. Terdapat 5 DN di dalam kawasan pentadbiran Majlis dan setiap JKP akan mewakili DN masing-masing. Manakala pembahagian lokaliti wabak adalah berdasarkan Lokaliti Denggi (LD) mengikut DN.

2.4.5. Dicadangkan 10 lokaliti wabak (MERAH) yang akan dijalankan aktiviti COMBI mengikut DN dan LD. Setiap JKP akan menjalankan 2 aktiviti COMBI di 2 lokaliti wabak yang terpilih berdasarkan lokaliti berpotensi dan wabak berulang. 2 lokaliti wabak terpilih mengikut DN:

a) DN Hulu Kelang

LD 99 JKP 3 – Taman Sri Keramat Tengah, AU 4
Taman Keramat Zon 3

LD 55 – JKP 2 – Taman Ukay Bistari Zon 1

b) DN Bukit Antarabangsa

LD 237 JKP 9 – Permai Putri Kondo, Taman Dato'
Ahmad Razali

LD 201 JKP 8 – Flat Sri Nilam

- c) DN Lembah Jaya
LD 343 JKP 12 – Jalan Dagang 8, 10, 12, Taman
Dagang Jaya
LD 291 JKP 11 – Chansellor Kondo, Taman Kosas
- d) DN Cempaka
LD 500 JKP 19 – Pangsapuri Sri Inai
LD 525 JKP 19 – Flat Pandan Indah Blok AA-JJ
- e) DN Teratai
LD 572 JKP 21 – Jalan Bukit Permai, Jalan Permai
1 - 5
LD 555 JKP 20 – Jalan Pandan Perdana 6/1-9,
Pandan Perdana

2.4.6. Senarai semak peralatan bagi melaksanakan program ini seperti di **Lampiran 3**.

2.4.7. Anggaran kos keseluruhan bagi program ini adalah sebanyak RM 55,600.00 meliputi kos bagi acara perasmian / pelancaran program (one off), latihan lawatan serta pelaksanaan program COMBI di semua DN. Setiap JKP akan mengeluarkan anggaran kos perbelanjaan sebanyak RM 2,316.00.

2.4.8. Mesyuarat menerima dan bersetuju cadangan penubuhan pasukan 'COMBI' mengikut DUN Negeri dan kos perbelanjaan bagi setiap JKP berdasarkan program.

3. **MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-**

3.1 **ASPEK KESIHATAN**

3.1.1 **PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR AMPANG JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan bagi kes denggi sehingga minggu Epid ke 38 sehingga 18 September 2013, dilaporkan 967 kes denggi di mana 959 Demam Denggi dan 8 Demam Denggi Berdarah. Terdapat 11 lokasi wabak denggi terkawal iaitu di Taman Ukay Bistari, Taman Ukay Perdana (Appt Sri Raya) dan Sri Hijauan, Taman Mega Jaya (Jln Mega 1-8), Taman Ukay Perdana (Appt Sri Baiduri), Taman Ukay Bistari (Rumah Kongsi Ukay Bistari), Taman Pinggiran Ukay (Tmn Pinggiran Ukay), Taman Keramat AU4, Pandan Mewah (Flat A7-12), Bandar Baru Ampang (Flat Sri Nilam) dan Taman Keramat .

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sebanyak 14 JKP yang telah mengadakan taklimat denggi dan sebanyak 7 pasukan Combi yang aktif dari 8 pasukan yang telah ditubuhkan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.2 KEMPEN TANGKAP TIKUS

Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 37 ekor tikus terkumpul di sekitar Medan Selera Taman Bukit Indah pada 21-24 Ogos 2013. Pihak Majlis juga memohon kerjasama penduduk agar dapat memaklumkan kepada pihak Majlis jika didapati tikus-tikus yang telah mati merata agar dapat diambil dengan segera. Kawalan akan diteruskan terutamanya di lokasi tumpuan aduan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat dimaklumkan sehingga Ogos 2013 sebanyak 658 premis diperiksa, 186 premis adalah Gred A, 299 Gred B dan manakala Gred C 173 premis seperti di **Lampiran 4**. Sebanyak 72 kompaun telah dikeluarkan. Penutupan premis tak suci akan diteruskan. Mesyuarat mencadangkan agar premis yang menerima gred yang bersesuaian dicatat perkataan bersih atau kurang bersih dan dipamerkan di premis bagi pelanggan jelas memilih ke premis restoran mana yang diingini. Kegiatan operasi ini hendaklah dihebahkan kepada media agar semua pihak mendapat maklum terutama kepada peniaga agar pentingnya menjaga kebersihan premis terutama premis makanan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan
/ Jabatan Perancangan Korporat

3.2. ASPEK ALAM SEKITAR

3.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan peringatan penyediaan tong sampah kepada pemilik premis telah dikeluarkan. Sehingga bulan Ogos 2013, sebanyak 3,499 notis dan 139 kompaun telah dikeluarkan. Bagi bulan Ogos sahaja sebanyak 17 kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik premis yang gagal mematuhi notis.

Meyuarat juga meminta supaya Majlis mengkaji cadangan setiap rumah kediaman (kecuali berstrata) dibekalkan tong sampah untuk diajukan kepada Kerajaan Negeri.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.2. KAWASAN LAPANG DI ANTARA JALAN BUNGA TANJUNG 9 DAN BUNGA TANJUNG 8A DAN 8B (TANAH PEMAJU METROPLEX)

Mesyuarat dimaklumkan kawasan tersebut telah dibersihkan dan tapak tersebut dijadikan tempat letak kereta. Hasil semakan Jabatan Perancang Bandar dan merujuk pelan Kelulusan Jabatan Perancang

SULIT

Bandar Desa (JPBD) B7/98/78/A/PD bertarikh 22 Ogos 1986 tapak diluluskan sebagai pasar. Manakala semakan ke atas RT MPAJ (BPK 1.6), tapak dizonkan bagi kegunaan perniagaan dan perkhidmatan.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

3.2.3. PAPAN TANDA AMARAN LARANGAN MEMBUANG SAMPAH DI JALAN H, JALAN J DAN JALAN PERMAI A, TASEK PERMAI.

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan berpandangan untuk tidak memasang papan tanda amaran di Tasek Permai kerana tindakan penguatkuasaan dan pemantauan dilakukan secara berterusan dan berkala.

Makluman

3.2.4. PEMBERSIHAN KAWASAN TAPAK PEMAJU METROPLEX DI TAMAN KOSAS

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan telah mengiklankan sebutharga pada 28 Ogos 2013 dan ditutup pada 12 September 2013 bagi cadangan projek Taman Dusun Bandaraya di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.2.5. PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN PEMAJU TAMAN MESTIKA

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan di sebahagian kawasan tersebut dan mesyuarat mencadangkan agar kawasan tersebut perlu dipasang 'hoarding' oleh pemilik.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.6. SAMPAH HARAM

Mesyuarat dimaklumkan sampah haram di lokasi tanah kosong Jalan 6/11 dan Jalan 6/10, Tasik Tambahan disenaraikan dalam sampah longgok, pemantauan serta tindakan penguatkuasaan dibuat sedara berkala dan kerja-kerja pembersihan dijalankan mengikut jadual.

Makluman

3.2.7. BANGUNAN KITAR SEMULA DI JALAN 4M

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Jabatan telah bersetuju memberi kebenaran kepada Persatuan Penduduk di Jalan 4M bahawa bangunan kitar semula sebagai kegunaan pejabat dan keperluan penduduk.

Makluman

3.2.8. SAMPAH TIDAK DIKUTIP MENGIKUT JADUAL

Kerja-kerja kutipan sampah telah dilaksanakan pada 4 September 2013 di Apartment Bistaria.

Makluman

3.2.9 LONGKANG TERSUMBAT MENYEBABKAN BERLAKU BANJIR

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan longkang di persimpangan Jalan AU2A dan Jalan Enggang Timur telah dilakukan oleh kontraktor kawasan pada 24 Ogos 2013 dengan menggunakan 'High Pressure Tank' (HPT) namun tidak dapat diselesaikan kerana keadaan longkang. Perkara ini dipanjangkan ke Jabatan Kejuruteraan untuk tindakan selanjutnya dan diselesaikan segera.

Tindakan:

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/
Jabatan Kejuruteraan**

3.2.10. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MENGIKUT JADUAL

Pembersihan longkang monsun di sepanjang Taman Puncak Bukit Utama sehingga Taman Bukit Mulia masih belum dilaksanakan. Pihak jabatan perlu memastikan kontraktor PPA menyelenggarakan mengikut jadual.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.2.11.SAMPAH POKOK

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja kutipan sampah pokok di dalam kawasan padang Taman Maju Jaya Fasa 3 dan di belakang Sekolah Agama Al Huda telah dilaksanakan pada 5 September 2013 oleh kontraktor PPA 44.

Makluman

3.2.12. SAMPAH BINAAN

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan di simpang Jalan 14 dan Jalan 19, Taman Putra dilaksanakan secara berperingkat dengan menggunakan 'backhoe'.

Makluman

3.2.13 SAMPAH HARAM

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja kutipan sampah haram di Jalan Bukit Permai Utama 2, telah dilaksanakan oleh kontraktor PPA 47 pada 29 Ogos 2013.

Makluman

3.2.14.PERJUMPAAN BERSAMA KONTRAKTOR PPSP DAN PPA ZON 21

Mesyuarat bersama kontraktor PPSP dan PPA Zon 21 telah diadakan pada 24 Ogos 2013 di Pejabat JKP Zon 21.

Makluman

3.2.15 LONGKANG TERSUMBAT DAN SEMAK SAMUN DI TAMAN DAGANG FASA 1

Pembersihan di kawasan Taman Dagang Fasa 1 telah dilaksanakan pada 6 September 2013.

Makluman

3.2.16 RUMAH KOSONG TERBIAR DAN DIPENUHI SEMAK SAMUN

Notis pembersihan ke atas rumah kosong diberikan kepada pemilik rumah di Taman Kelab Ukay, Taman Bukit Utama, Taman Bukit Jaya dan Taman Bukit Antarabangsa untuk membersihkan kawasan mereka. Jika tiada tindakan, Majlis akan membersihkan mengikut jadual iaitu 3 – 4 bulan sekali.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.3. ASPEK KEMASYARAKATAN

3.3.1. GELANGGANG SEPAK TAKRAW DI TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan masih belum menerima surat penyerahan tapak daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat walau bagaimanapun kerja-kerja penyelenggaraan telah siap dilaksanakan. Longkang akan dibuat setelah penyerahan tapak diterima.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.2. PERMOHONAN TUKAR GUNA GELANGGANG BOLA KERANJANG KEPADA FUTSAL DI JALAN KOSAS 2/6

Mesyuarat dimaklumkan permohonan tukar guna gelanggang bola keranjang kepada futsal di Jalan Kosas 2/6 masih dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.3. POKOK BESAR

Kerja-kerja mencantas dan menebang pokok di hadapan rumah No. 3 Jalan Bunga Melati 3 akan dilaksanakan pada bulan September atau Oktober 2013.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.4. PADANG FUTSAL

Mesyuarat dimaklumkan lokasi untuk cadangan sebuah padang futsal dibina di Taman Kencana masih belum diputuskan oleh Ahli Majlis kawasan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.5 NAIK TARAF PADANG

Mesyuarat dimaklumkan Padang Awam di Jalan Cahaya 18, Taman Mewah Ampang di dalam tindakan penyelenggaraan jabatan

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.6. NAIK TARAF PADANG AWAM DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih menunggu maklum balas daripada pihak PTD Hulu Langat.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.7 TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK/ GELANGGANG SKATE BOARD

Mesyuarat dimaklumkan pihak Majlis bersetuju untuk mengadakan gelanggang skate board di Dataran Anak Muda, Ampang Jaya.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.8. TUNGGUL POKOK

Mesyuarat dimaklumkan tunggul-tunggul pokok di Jalan Mulia 2/5 telah dibersihkan dan sebanyak 6-7 tunggul di Jalan Mulia 1/1 pula telah dipungut dan dibersihkan. Jabatan akan menyemak semula kerana dimaklumkan terdapat tunggul pokok yang dibuang berhampiran kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.9. POKOK MATI

Kerja-kerja pemotongan pokok mati di Taman Bukit Utama 2 telah selesai dilaksanakan.

Tindakan:
Makluman

3.3.10. GARISAN GELANGGANG BOLA KERANJANG DI PADANG PERBANDARAN

Mesyuarat dimaklumkan, Jabatan sedang menunggu keputusan Kerajaan Negeri untuk dibuat sebutharga semula bagi kerja-kerja membuat semula garisan gelanggang bola keranjang di Padang Perbandaran.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.11.CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di sekitar Ampang Point dalam tindakan pihak kontraktor.

Makluman

3.3.12.GELANGANG FUTSAL

Kos pembinaan gelanggang futsal di Taman Maju Jaya Fasa 3 adalah tinggi dan pihak jabatan sedang mencari alternatif sementara untuk menyediakan kemudahan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.13. POKOK HAMPIR REBAH

Kerja memotong pokok tersebut telah dilaksanakan di Jalan 19 Taman Putra.

Makluman

3.4. LAIN-LAIN ASPEK

3.4.1. PAPAN TANDA LARANGAN BERNIAGA DI KAWASAN PERMAI COURT 1, TAMAN DATO' AHMAD RAZALI

Mesyuarat dimaklumkan bahawa papan tanda tersebut di dalam proses pemasangan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

SULIT

3.4.2. BILIK KHAS UNTUK AHLI MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sebuah bilik khas kemudahan Ahli Majlis masih dalam perancangan mencari bilik yang lebih sesuai.

Tindakan:

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

3.4.3. BENDERA PARTI POLITIK

Pihak Jabatan telah menjalankan operasi di Taman Melawati dan Taman Dagang pada 18 September 2013 sehingga kini, pihak Jabatan telah menjalankan operasi di seluruh kawasan MPAJ.

Makluman

3.4.4. PENYEMBELIHAN AYAM

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Majlis dalam usaha mencari tempat yang sesuai bagi pusat penyembelihan ayam di kawasan pentadbiran Majlis. Penyembelihan ayam tidak dibenarkan dibuat di pasar.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar/

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.4.5. GERAI-GERAI HARAM

Mesyuarat memutuskan tindakan penguatkuasaan yang tegas perlu diambil ke atas peniaga asing yang masih berniaga di Taman Bukit Permai dan sub-station TNB, Bukit Permai walaupun tindakan sitaan pernah diambil ke atas gerai-gerai haram ini.

Tindakan:

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Penguatkuasa**

3.4.6. KREN DI DEWAN TAMAN KENCANA

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan telah mengemukakan surat kepada pemilik kren dalam tempoh 14 hari supaya mengalihkan kren tersebut.

Makluman

3.4.7. KERETA BURUK

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan telah mengambil tindakan keatas dua buah kereta di Jalan Teratai 1/2, Taman Bukit Teratai Ampang.

Makluman

3.4.8. ISU DI PANGSAPURI BUKIT SEGAR A1

Mesyuarat dimaklumkan semakan telah dijalankan pada 18 Jun 2013 semasa kerja-kerja pemantauan berkala (audit). Jabatan telah mengeluarkan arahan untuk mengadakan AGM bagi Pangsapuri Bukit Segar A1 memandangkan tempoh AGM telah melebihi 12 bulan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.4.9. GERAI HARAM

Mesyuarat dimaklumkan Jabatan akan menyemak gerai haram di hadapan pintu masuk Residensi Apartment Bistaria yang menyebabkan kesesakan lalu lintas. Mohon supaya papan tanda dilarang berniaga diletakkan di lokasi tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.4.10 STATUS BANGUNAN TNB DI APARTMENT BISTARIA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan akan membuat semakan bersama pemaju dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.4.11.JADUAL KERJA KONTRAKTOR PPSP DAN PPA

Mesyuarat dimaklumkan pihak kontraktor telah memasang papan tanda jadual kerja untuk makluman kepada masyarakat. Jadual kutipan sampah telah diberikan kepada setiap Ahli Majlis.

Makluman

4. HAL-HAL LAIN

4.1. ASPEK KESIHATAN

TUAN LIM FONG LENG

4.1.1. NYAMUK

Terdapat nyamuk aedes di Flat Taman Muda mohon semburan nyamuk di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan

4.2 ASPEK ALAM SEKITAR

TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD

4.2.1 PUNGUTAN SAMPAH

Sampah tidak dipungut mengikut jadual dan lori yang digunakan tidak mengikut kriteria @ standard . Aduan adalah di Taman Ukay Bestari, Apartment Bestaria dan Flat Mulia Dahlia.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

TUAN ABDUL JALIL BIN HASAN**4.2.2 KONTRAKTOR ZON 19**

Mohon agar Syarikat Kontraktor di Zon 19 ditegur agar membuat pembersihan dengan sempurna iaitu tidak meniggalkan sampah-sampah kecil.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.2.3 SAMPAH BERTABURAN

Didapati sampah bertaburan di padang permainan Jalan 3/4 Pandan Indah. Tiada kerja-kerja sapuan disitu.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

TUAN LIM FONG LEN**4.2.4 KUTIPAN SAMPAH MENGIKUT JADUAL**

Aduan berulang daripada penduduk di Jalan 31, Taman Putra mendapati kontraktor sampah tidak menjalankan tugas mengutip sampah mengikut jadual iaitu 3 hari dalam seminggu.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.2.5 LONGKANG TERSUMBAT

Air longkang tidak mengalir di Pasar Pagi Taman Muda kerana didapati longkang tersebut tersumbat dan perlu dibersihkan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR

4.2.6. TANAH TERBIAR DIJADIKAN TEMPAT BUANGAN

Mohon Jabatan mengambil tindakan keatas pemilik tanah, di Jalan Mulia 1/1 (tapak Kelab Riverdale) agar membersihkan kawasan dan memasang holding kerana didapati kawasan tersebut sering menjadi tempat buangan sisa sampah pukal dan semak samun.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

TUAN FONG TECK KEONG

4.2.7. LONGKANG TERSUMBAT

Longkang di Jalan Besar Ampang , Pekan Ampang tersumbat menyebabkan banjir berlaku apabila hujan lebat.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR**4.2.8. SIKAP KONTRAKTOR**

Kontraktor baru PPSP di Zon 5 tidak membuat pungutan sampah mengikut jadual, terdapat aduan ada kalanya melebihi 3 hari dan ini berlaku bermula dari 1hb September 2013 dengan alasan dari kontraktor, pusat perlupusan sampah perlu berbaris panjang, lori rosak dan lori penuh. Alasan ini tidak seharusnya diberi oleh kontraktor.

Tindakan:**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan****TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL****4.2.9. PEMBUANGAN SAMPAH**

Beliau membangkitkan berkenaan sebuah pasaraya di Bukit Permai yang membuang sampah di hujung jalan premis dan mohon diambil tindakan.

Tindakan :**Jabatan Penguatkuasa**

4.3. ASPEK KEMASYARAKATAN**TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD****4.3.1. BAIK PULIH DEWAN**

Dewan di kawasan permainan Fasa 3 Taman Kosas perlu dibaiki.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.3.2. TAMAN PERMAINAN DI KG TENGAH

Beliau memohon disemak semula permohonan taman permainan kanak-kanak di Kg Tengah yang dahulunya tidak dipertimbangkan kerana berada di bawah talian elektrik.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

TUAN HAMSAH BIN DJABIR**4.3.3 CANTAS POKOK**

Pokok-pokok di sekitar Flat Taman Dato Ahmad Razali perlu dicantas.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR**4.3.4 PENYELENGGARAN POKOK**

Pokok-pokok hiasan di tepi jalan dan kawasan taman permainan perlu dibaja dan dipelihara setiap 2 bulan didapati ada pokok-pokok tidak dipelihara di:

- a) Jalan Bukit Antara Bangsa dari Impian Selatan
- b) Taman Bukit Mulia
- c) Taman Bukit Utama
- d) Taman Bukit Jaya

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

TUAN MOHAMAD BIN SAMAT**4.3.5. POKOK MATI**

Terdapat pokok mati yang perlu ditebang dan dibersihkan di Taman Permainan/Padang Jalan Teratai 2/7, Taman Bukit Teratai Ampang.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

TUAN ABDUL LATIF BIN SHAARI**4.3.6. PADANG FUTSAL**

Penduduk Taman Tun Abdul Razak mohon dibuat padang futsal di atas padang permainan di Jalan 1, Taman TAR.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

4.4. LAIN-LAIN ASPEK**FONG TECK KEONG****4.4.1. LAMPU JALAN TIDAK MENYALA**

Lampu jalan di sepanjang Jalan Mewah 18, taman Ampang Mewah dan Jalan Wawasan 3, Bandar Baru Ampang tidak menyala.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

4.4.2. KEPERLUAN LAMPU JALAN

Mohon agar dipasang lampu Jalan di Hadapan Lot 316A Jalan 17, Kampung Baru Ampang.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

TUAN MOHAMAD BIN SAMAT**4.4.3. PENYELENGGARAAN CERUN**

Pembersihan dan penyelenggaraan kawasan cerun sekitar Taman Saga, Taman Melur dan Taman Bukit Teratai.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

TUAN LIM FONG LEN**4.4.4 VAN ROSAK**

Terdapat sebuah van rosak perlu dialihkan, van tersebut berwarna putih yang diletakkan di hadapan pasar Taman Muda.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

TUAN ABDUL LATIF BIN SHAARI**4.4.5. LAMPU JALAN DAN JALAN ROSAK**

Lampu jalan dan jalan rosak di Jalan 3/1, Taman Mulia Jaya.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD**4.4.6. PENIAGA HARAM**

Terdapat gerai-gerai yang telah didirikan di Tapak Pasar Juadah Taman Melawati .

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan)

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
20/9/2013

SULIT

**4.3.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.9/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.09/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 24 SEPTEMBER 2013

MASA : 9.30 PAGI – 12.45 TENGAHARI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | '' |
| 4. | Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | '' |
| 5. | Pn. Sian Keng Eng | - | '' |
| 6. | Tn. Wong Khai Pun | - | '' |
| 7. | Tn. Chua Yew Choong | - | '' |
| 8. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | '' |
| 9. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | '' |
| 10. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | '' |
| 11. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | '' |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias | - | '' |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.09/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.09/2013 telah diadakan pada 24 September 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 RAYUAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN
PUSAT HIBURAN AWAM – SNUKER**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan Rayuan Pembaharuan Lesen Hiburan dan Tempat Hiburan Pusat Hiburan Awam – Snuker .

2.1.2 **Pusat Hiburan Awam** : pusat hiburan di bawah kategori ini mesti mempunyai komponen ruang yang selesa dan luas.

Pengunjung-pengunjungnya melakukan aktiviti-aktiviti seperti tarian, mendengar muzik, makan dan minum serta aktiviti riadah.

2.1.3. **Snuker** bermaksud sejenis permainan dalaman (**indoorgame**) di mana bola-bola (sebiji bola putih, 15 biji bola merah dan 6 biji berlainan warna) diletakkan di atas meja berukuran empat segi tepat yang mempunyai hujung berkusyen dan ditolak menggunakan kayu panjang dan tirus (the cue).

2.1.4 Masa operasi bagi pusat hiburan awam dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja. Wang cagaran adalah sebanyak RM20,000.00.

2.1.5 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan Rayuan Pembaharuan Lesen Hiburan dan Tempat Hiburan Pusat Hiburan Awam – Snuker oleh Chung Tien Snuker bagi tahun 2013 dan 2014 seperti di **Lampiran 1**.

2.2 **PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN - PUSAT HIBURAN ISTIREHAT - PUB & KAFE**

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan Permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Istirehat – Pub & Kafe bagi tahun 2013.

2.2.2 **Pusat hiburan istirehat** : ruang untuk berehat serta disediakan makan dan minum sambil diiringi oleh persembahan muzik.

- 2.2.3 **Kafe** bermaksud restoran atau 'coffee house' yang sederhana yang terdapat juga minuman beralkohol.
- 2.2.4 Masa operasi bagi pusat hiburan istirehat dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja. Wang cagaran sebanyak RM10,000.00.
- 2.2.5 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan –pusat hiburan istirehat – Pub& Kafe oleh Like Bistro dengan pindaan pada alamat iaitu no. 8,10,12,Gf Jalan Perdana 10/8 Pandan Perdana bagi tahun 2013 dan 2014 seperti di **Lampiran 2.**

2.3 PERMOHONAN BARU LESEN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT SIBER / KAFE SIBER

- 2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan baru lesen premis perniagaan pusat siber /Kafe siber.
- 2.3.2 **Pusat Siber** adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet.
- 2.3.3 **Kafe Siber** adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan.
- 2.3.4 Masa operasi bagi pusat siber dan kafe siber dihadkan dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja.

- 2.3.5 Pengunjung bawah umur 12 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber sehingga jam 10.00 malam sahaja.
- 2.3.6 Mesyuarat memutuskan bagi permohonan baru lesen premis perniagaan pusat siber /kafe siber untuk mengambil kira perkara-perkara berikut:
- i. Semua kertas perbincangan bagi lesen pusat siber/ kafe siber bermula bulan hadapan hendaklah secara lebih terperinci mengikut kawasan.
 - ii. Melihat semula bilangan pusat siber/kafe siber dalam kawasan majlis.
- 2.3.7 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan bagi permohonan baru lesen premis perniagaan pusat siber /kafe siber adalah seperti berikut dan **Lampiran 3**:
- i. **Talk Box Internet (Pandan Mewah) - Tangguh** untuk jelaskan bayaran kompaun.
 - ii **Talk Box Internet (Lembah Maju) - Tangguh** untuk jelaskan bayaran kompaun
 - iii. **Net Mision – Lulus** untuk tahun 2013 dan 2014 dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun.
 - iv. **Xpressnet Cyber café – Lulus** untuk tahun 2013 dan 2014.

2.4 RAYUAN PEMBAHARUAN LESEN 2013 PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN – AKTIVITI REFLEKSOLOGI

2.4.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan rayuan pembaharuan lesen 2013 pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan – Aktiviti Refleksologi.

2.4.2 Pusat kecantikan - mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau dandanan rambut tetapi tidak termasuk hospital atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971, rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establisymen lain yang sama dengannya.

2.4.3 Pusat penjagaan kesihatan – mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan.

Jenis rawatan :-

- Rumah urut
- Urutan tradisional
- Urutan orang kurang upaya
- Refleksologi
- Aromaterapi
- Urutan moden menggunakan alat
- Fisioterapi
- Akupunktur
- Bekam
- Sauna/spa dan jakuzi
- Aerobik / fitness centres / gymnasium

- Pusat Meditasi
- Lain-lain rawatan kesihatan

2.4.4 Perenggan 5.1 (b), Dasar Dan Garis Panduan Pemberian Lesen Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan di Kawasan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:KT bil 4/2007 menetapkan lokasi premis hendaklah berjauhan daripada kawasan sensitif (kediaman, rumah ibadat dan sekolah). Jarak minima yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya 500 meter.

2.4.5 Semakan jabatan ke atas premis perniagaan **Footmarksence Reflexology Sdn.Bhd.** pada 19 September 2013 masih beroperasi.

2.4.6 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan bagi permohonan rayuan pembaharuan lesen 2013 pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan – Aktiviti Refleksologi. oleh **Footmarksence Reflexology Sdn.Bhd. (Lampiran 4)** adalah seperti berikut:

- i. Lesen diluluskan bagi tahun 2013 sahaja.
- ii. Permohonan/rayuan bagi tahun 2014 tidak akan dipertimbangkan.

2.4.7 Jabatan juga diminta untuk memperkemas maklumat kepada pemohon-pemohon lesen untuk lesen risiko/lesen yang perlu mematuhi garis panduan (rujuk lokasi dan sebagainya). Makluman awal juga perlu dibuat kepada orang awam.

2.5 PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BAZAR JUALAN ANJURAN TETUAN FALAH SOURCES DI TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN (TANAH MILIK HABIB JEWEL SB) BERSEBELAHAN AMPANG POINT

2.5.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan permit sementara bazar jualan anjuran Tetuan Falah Sources di tempat letak kereta persendirian (tanah milik Habib Jewel SB) bersebelahan Ampang Point.

2.5.2 Permohonan untuk menganjurkan bazar jualan oleh Syarikat Falah Sources telah diterima pada 4 Julai 2013.

2.5.3 Lokasi tapak penganjuran adalah di Tempat Letak Kereta Persendirian bersebelahan Pusat Membeli Belah Ampang Point.

2.5.4 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan permit sementara bazar jualan anjuran **Tetuan Falah Sources** seperti di **Lampiran 5** untuk tempoh satu bulan sahaja bermula 1 Oktober 2013 hingga 31 Oktober 2013. Pemohon juga perlu menyediakan petugas lalu lintas yang mencukupi (nyatakan bilangan petugas minimum dalam surat kelulusan).

2.6 KERTAS PERTIMBANGAN BAGI CADANGAN PENYUSUNAN SEMULA GERAI PENJAJA DI FLAT TAMAN DAGANG FASA 2A/3, MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.6.1 Mesyuarat dikemukakan dengan cadangan penyusunan semula gerai penjaja di Flat Taman Dagang Fasa 2A/3, Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.6.2 Semakan telah di buat dan mendapati sebanyak 18 struktur gerai yang didirikan tanpa kebenaran yang telah beroperasi lebih dari 15 tahun. Berikut adalah status aktiviti gerai gerai tersebut:-

i) Makanan /Minuman	- 10
ii) Kedai Runcit	- 2
iii) Mencuci Kenderaan	- 1
iv) Stor/Bengkel	- 5
	<u>18</u>

2.6.3 Memandangkan ianya telah beroperasi sekian lama, pihak Jabatan telah mengambil beberapa tindakan bagi membuat kawalan kebersihan persekitaran .

i. Operasi pemeriksaan kebersihan gerai & penjaja makanan telah dilakukan pada 5 Jun 2013. Hasilnya adalah seperti berikut :

Gred A - 1

Gred B - 2

Gred C - 7

- ii) Gotong Royong kebersihan telah dilaksanakan pada 8 Jun 2013 namun ianya tidak mendapat sambutan dari penjaja dan penduduk.
- iii) Lawatan bersama Ahli Majlis JKP Zon 15 juga telah dibuat pada 4 September 2013 bagi membuat kawalan dengan mengenal pasti struktur /binaan tanpa izin yang baru yang perlu dirobuhkan.

2.6.4. Jabatan juga turut mengenal pasti beberapa isu dan masalah seperti berikut:

- i) Struktur yang didirikan adalah tidak selamat dan membahayakan kepada pengunjung gerai di mana ianya dibina tanpa kelulusan Majlis dan penyambungan sumber utiliti yang tidak mendapat izin dari agensi yang berkaitan.
- ii) Status lokasi pembinaan struktur yang sedia ada adalah di tanah lapang/hijau yang sedang dalam proses pewartaan.
- iii) Pihak Majlis mendapat aduan mengenai kacau ganggu dengan pembinaan gerai di situ dari pelbagai pihak terutamanya penduduk setempat berkaitan isu kebersihan makanan dan persekitaran yang tidak diurus dengan sempurna di mana ianya mendatangkan masalah lain iaitu kehadiran tikus, lalat dan lipas di kawasan terbabit.

2.6.5 Memandangkan status tanah yang dicadangkan adalah kawasan hijau / lapang yang sedang dalam proses pemertanian, adalah disyorkan supaya Majlis dapat menarik balik proses pemertanian dan disyorkan untuk Majlis memohon sebahagian tanah yang ada daripada Kerajaan Negeri untuk membuat penyusunan semula penjaja di kawasan tersebut.

2.6.6 Terdapat dua pilihan yang boleh dicadangkan oleh Jabatan iaitu:

- i) Penyusunan penjaja berkelompok iaitu cara konvensional yang diamalkan di mana sejumlah gerai yang akan dibina ditempatkan pada satu lokasi;
- ii) Penyusunan penjaja secara berasingan di mana gerai-gerai dibina secara individual atau Semi-D di sepanjang kawasan hijau dan diselaraskan dengan persekitaran serta landskap yang menarik.

2.6.7 Mesyuarat bersetuju meluluskan cadangan penyusunan semula gerai penjaja di Flat Taman Dagang Fasa 2A/3, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan peruntukkan pembangunan MPAJ 2014 atau daripada peruntukan ADUN Kawasan / Kerajaan Negeri.

2.7 KERTAS PERTIMBANGAN BAGI CADANGAN MENGADAKAN PESTA JUALAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.7.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas pertimbangan bagi cadangan mengadakan pesta jualan buah-buahan tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.7.2 Pesta Jualan Buah-buahan Tempatan MPAJ 2013 ini diadakan bagi mempromosikan buah-buahan tempatan yang berada di pasaran sekarang ini seperti durian, rambutan, langsung dan lain-lain lagi dengan kerjasama pihak FAMA.

2.7.3 Tujuan Pesta Jualan Buah-buahan adalah :

- a) Memberi peluang kepada penduduk Ampang membeli pelbagai buah-buahan tempatan di lokasi yang ditetapkan dengan harga yang berpatutan.
- b) Mengurangkan bilangan peniaga buah yang kerap kali menjalankan aktiviti perniagaan di bahu-bahu jalan dan jalan-jalan utama di mana keselamatan peniaga dan pengunjung tidak dapat di jamin oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- c) Membantu pekebun kecil buah-buahan memasarkan hasil tanaman mereka semasa lambakan buah-buahan tempatan.

2.7.4 Tapak yang dicadangkan bagi melaksanakan Pesta Jualan Buah-buahan Tempatan dan pelaksanaannya seperti berikut:

2.7.4.1 Cadangan lokasi :

i) Tempat Letak Kereta (TLK) Padang Perbandaran Pandan Indah

ii) TLK bersebelahan Pusat Membeli belah Galaxy Ampang (milik pemaju)

iii) TLK Pandan Mewah (milik pemaju) iv) TLK Melawati (milik pemaju)

2.7.4.2 Tempoh / Masa

i) Dua (2) bulan iaitu 1 Oktober 2013 sehingga 30 November 2013.

ii) Masa perniagaan adalah dari jam 3.00 petang hingga 10.00 malam dan peniaga wajib membuka perniagaan tanpa gagal.

2.7.4.3 Saiz tapak gerai

Saiz bagi satu tapak gerai ialah 20' X 20' dan penjaja dibenarkan untuk menyewa maksimum 2 tapak sahaja.

2.7.4.4 Bayaran Permit

Fi Lesen Penjaja Sementara Buah-buahan Bermusim – RM300.00 sebulan

2.7.4.5 Kebersihan

- i) Cagaran kebersihan akan dikenakan iaitu sebanyak RM200.00 dan akan dipulangkan sekiranya lokasi bersih selepas tamat perniagaan selama dua bulan.
- ii) Semua syarat permohonan permit penjaja sementara perlu dipatuhi dan peniaga dikehendaki memastikan lokasi perniagaan bersih pada setiap hari dan melupuskan sampah perniagaan mereka sendiri. Bagi tujuan ini penjaja diwajibkan berurusan dengan kontraktor panel MPAJ.

2.7.4.6 Pihak jabatan akan mempromosi program ini di saluran media seperti di laman web MPAJ dan banner sebelum program di jalankan.

2.7.5. Mesyuarat bersetuju dan meluluskan cadangan mengadakan pesta jualan buah-buahan tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Jabatan diminta untuk memastikan pelaksanaan dapat diuruskan dengan teratur termasuklah keseragaman perniagaan, masa perniagaan, kanopi dan sebagainya.

2.8 KERTAS PERTIMBANGAN BAGI CADANGAN MEMBUKA PASAR TANI DI KG. CHERAS BARU DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.8.1 Mesyuarat dikemukakan dengan cadangan membuka pasar tani di Kg. Cheras Baru di Majlis Perbandaran Ampang Jaya .

2.8.2 Pihak Jabatan telah menerima surat daripada pihak FAMA Selangor mencadangkan untuk membuka pasar tani di Kg. Cheras Baru pada tarikh 10 Mei 2013 bagi kemudahan penduduk untuk mendapatkan barangan keperluan yang segar seperti sayur, ayam, ikan dan barangan kampung.

2.8.3 Operasi Pasar Tani ini adalah pada setiap hari Ahad dengan masa operasi antara 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

2.8.4 Lokasi yang dicadangkan adalah di jalan hadapan Masjid Nurssaadah (bersebelahan Jalan Kuari). Ianya tidak akan mengganggu lalulintas serta telah mendapat persetujuan daripada pihak masjid (**Lampiran 6**).

2.8.5. Pihak Jabatan juga telah mendapatkan ulasan daripada Jabatan teknikal seperti Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Penguatkuasa yang pada dasarnya tiada halangan atas cadangan tersebut dan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang akan ditetapkan oleh Majlis.

2.8.6. Jabatan turut memberikan beberapa syor dan cadangan seperti berikut:

- i) Pasar Tani ini diuruskan sepenuhnya oleh pihak FAMA
- ii) Hanya 50 lot petak sahaja yang dibenarkan
- iii) Sewaan adalah RM1.00 sepetak.
- iv) Bagi tujuan kebersihan pihak FAMA hendaklah memastikan sampah yang dihasilkan dari aktiviti pasar tani dilupuskan di tapak pelupusan yang dibenarkan.
- v) Bagi tujuan keselamatan pihak FAMA hendaklah memastikan kelancaran lalulintas dengan menempatkan anggota Keselamatan sama ada daripada anggota RELA atau pun pegawai RELA sendiri.
- vi) Tidak dibenarkan sebarang struktur dibina atau ditinggalkan di lokasi Pasar Tani sebelum atau selepas masa yang ditetapkan.

2.8.7. Mesyuarat bersetuju untuk menangguhkan kertas cadangan membuka pasar tani di Kg. Cheras Baru di Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Jabatan diminta untuk merujuk cadangan ini dengan pihak JKP bagi memastikan perlaksanaan yang lebih baik. Walau bagaimanapun pada dasarnya pihak JKP tiada halangan terhadap cadangan tersebut.

2.9 KERTAS MAKLUMAN MENGENAI GERAI STATIK DI JALAN BUNGA TANJUNG 18, TAMAN SERAYA DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.9.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas makluman mengenai status terkini gerai statik di Jalan Bunga Tanjung 18, Taman Seraya di Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.9.2 Surat daripada Pejabat MB (Pemerbadanan) rujukan G.S.Sel.241/10-2012/infra bertarikh 9 Oktober 2012 / kelulusan semula pelebaran jalan dengan syarat kos tidak melebihi daripada kos awal iaitu RM 42,010.00

2.9.3 Pihak Majlis telah mengeluarkan surat penangguhan kerja kepada Farmer Green Engineering bertarikh 9 Januari 2013 atas arahan Kerajaan Negeri bahawa sebarang perobohan gerai adalah ditangguhkan sementara waktu sehingga dimaklumkan kemudian.

2.9.4 Jabatan mengesyorkan semua gerai beroperasi seperti biasa dan pada 2 Ogos 2013 pihak Jabatan Kejuruteraan telah mengeluarkan surat kepada Y.B Puan Tiew Way Keng (ADUN Teratai) memohon pandangan beliau berhubung perkara ini.

2.9.5 Pihak jabatan juga mengesyorkan projek pelebaran jalan ini dapat diteruskan demi memberi kemudahan lalulintas dan dapat mengatasi masalah kesesakan

lalulintas di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Seraya dan notis akan dikeluarkan kepada peniaga yang terlibat.

2.9.6 Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum kertas makluman mengenai gerai statik di Jalan Bunga Tanjung 18, Taman Seraya di Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

3. **MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
SEPERTI BERIKUT :**

3.1. **KEDAI TANPA LESEN DI PERSIMPANGAN JALAN MULIA DAN
JALAN MULIA 1/1**

Semakan jabatan mendapati syarat nyata tanah yang menjadi lokasi peniaga gerai statik di persimpangan Jalan Mulia dan Jalan Mulia 1/1 ialah bangunan kediaman. Peniaga tersebut telah mengemukakan permohonan lesen sementara berdasarkan borang hakmilik sementara 11 AK (pajakan selama 99 tahun). Mesyuarat meminta supaya pihak jabatan mengeluarkan notis atas kesalahan salah guna bangunan.

Tindakan:

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.2. TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAJ

Pihak Majlis sedang menunggu keputusan MMKN berkenaan tapak cadangan untuk dijadikan tapak berniaga di Ampang Campuran di simpang empat menuju Ampang Avenue merupakan tapak kosong dan tidak direzabkan lagi.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3 RUMAH SAMPAH UNTUK DIJADIKAN KIOSK PERNIAGAAN

Lima peniaga telah menerima tawaran dan menjelaskan semua pembayaran dan telah mula berniaga pada 1 September 2013 di kiosk di Flat Ukay Perdana. Sesi temu duga akan dibuat untuk 2 kiosk yang masih kosong. Terdapat beberapa isu yang berbangkit untuk tindakan jabatan iaitu:

- i. Sokongan kepada agensi utiliti iaitu pihak Syabas dan TNB supaya dapat diberi dari awal, semasa tawaran lagi untuk memudahkan penjaja.
- ii. Penjaja yang tidak mengikut peraturan dengan membuat pengubahsuaian tanpa kebenaran pihak Majlis supaya diambil tindakan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.4 KAJI SEMULA GERAI KOSONG DI FLAT 610, PANDAN INDAH

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik gerai no 16,18 dan 20 Flat 610 Pandan Indah pada 21 Ogos 2013 dan tindakan sitaan telah dilaksanakan pada 17 September 2013 terhadap 2 struktur gerai. Tindakan pengisian telah dilaksanakan berdasarkan permohonan yang diterima.

Makluman

3.5 SESI PENDENGARAN AWAM ISU PASAR MALAM

Jabatan masih lagi dalam proses perbincangan bersama Ahli Majlis kawasan iaitu Tuan Razali Ramly berhubung isu penutupan semua pasar malam di AU1 Keramat. Terdapat 2 isu yang perlu diambil tindakan oleh operator pasar malam iaitu aspek kebersihan dan lalu lintas. Pihak Jabatan diminta untuk memantau 2 isu tersebut sebelum dibenarkan pasar malam tersebut terus beroperasi. Mesyuarat juga turut mencadangkan supaya semakan semula dibuat terhadap yuran pengurusan pasar malam yang dikenakan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.6 GERAI HARAM DI PANGSAPURI MERANTI

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada penjaja-penjaja gerai haram di hadapan Pangsapuri Meranti Cheras Hartamas pada 12 Ogos 2013 atas kesalahan mendirikan struktur di tempat awam dalam tempoh 14 hari. Tindakan penyitaan gerai telah dilaksanakan pada 23 September 2013 di mana 4 struktur telah diangkat.

Makluman

SULIT

3.7 AKTIVITI PENJUALAN CD HARAM

Tindakan telah dilaksanakan pada 13, 15, 19, 21 Ogos 2013 dan 3, 6, dan 10 September 2013. Sebanyak 2300 keping CD/DVD pelbagai tajuk serta lucah telah disita atas kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (MPAJ) 2007 di lokasi seperti berikut:

- i. Bandar Baru Ampang (hadapan Seven Eleven)
- ii. Bandar baru Ampang (hadapan Maybank)
- iii. Taman Kosas (Hadapan Seven Eleven)

Pada 21 Ogos 2013, pihak jabatan telah mengemukakan aduan kepada Kementerian Dalam Negeri Caw. Selangor (Bahagian Penapisan Filem Dan Penguatkuasaan) untuk mengambil tindakan bersama.

Makluman

3.8 MOHON SEMAKAN LESEN PERNIAGAAN

Jabatan telah mengeluarkan sebanyak 18 kompaun terhadap perniagaan di Mydin Mart di Pandan Utama 2 yang berniaga tanpa lesen. Semakan mendapati semua kompaun telah dibayar. Tindakan sitaan dibuat pada 23 Ogos 2013 (no. Inventori A 15436). Pemilik telah membuat permohonan lesen pada 24 Ogos 2013 dan pihak jabatan juga telah meluluskan permohonan tersebut.

Makluman

3.9 PUSAT SIBER CAFE HARAM

Tindakan sitaan telah dilaksanakan pada 15 Januari 2013, 11 Mac 2013, 20 Mei 2013, 11 Jun 2013 dan 18 Julai 2013 terhadap siber café haram di no. 30 Jalan Perdana 4/3, Pandan Perdana. Pemantauan yang dijalankan pada 4 dan 9 September 2013 mendapati premis tersebut ditutup.

Makluman

3.10 PENIAGA BESI BURUK

Sitaan (payung) telah dilaksanakan pada 23 Ogos 2013 terhadap peniaga besi buruk di kawasan lapang di Jalan 6/2 Pandan Perdana (hadapan Restoren Saujana). Pemantauan susulan yang dijalankan pada 27 Ogos 2013 dan 9 September 2013 mendapati tiada sebarang aktiviti dijalankan.

Makluman

3.11 SIBER CAFE HARAM

Pihak jabatan telah mengambil tindakan ke atas 11 buah pusat siber yang menjalankan aktiviti tanpa lesen di Jalan Mewah 4, Pandan Mewah Ampang bagi Januari hingga Ogos 2013 yang melibatkan 15 sitaan.

Makluman

3.12 HALANGAN TEMPAT LETAK KERETA

Tindakan sitaan telah dilaksanakan pada 21 Ogos 2013 dan 9 September 2013 terhadap halangan tempat letak kereta di Jalan Perdana 4/1, Pandan Perdana.

Makluman

3.13 KUTIPAN DUIT SEWA DI KAWASAN RUMAH KEDAI

Aduan berhubung aktiviti mengutip duit sewa di kawasan rumah kedai di Pandan Perdana (berhampiran pejabat Lim Ah Chai) oleh pihak-pihak tertentu untuk tujuan penyelenggaraan kawasan dan insurans kedai dipanjangkan ke Bahagian COB untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan:
Bahagian COB**

3.14 'PARKING' DI 'KERB' JALAN

Pada 4 dan 9 September 2013 pihak Jabatan Penguatkuasa telah mengeluarkan kompaun di bawah perenggan 4, Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MPAJ 2007 terhadap pemilik yang meletakkan kenderaan di atas 'kerb' di jalan 6/2 Pandan Perdana. Mesyuarat memohon pihak polis supaya membuat pemantauan dari masa ke semasa.

**Tindakan:
PDRM**

SULIT

3.15 PENGGUNAAN WANG KERTAS PALSU

Semakan dan siasatan yang dijalankan oleh pihak polis terhadap aktiviti penggunaan wang kertas palsu di sekitar Pandan Perdana, mendapati tiada lagi aktiviti tersebut dijalankan.

Makluman

3.16 KHEMAH PENIAGA DI TEMPAT LETAK KERETA

Premis-premis perniagaan di Taman Permata dan Taman Melawati yang meletakkan khemah di kawasan tempat letak kereta mempunyai permit berniaga sementara yang diluluskan majlis. Mesyuarat meminta jabatan melihat kesesuaian lokasi semasa kelulusan permit sementara di kawasa-kawasan yang padat.

Makluman

3.17 AKTIVITI PENJUALAN CD HARAM SECARA TERBUKA DI PANDAN JAYA

Tindakan sitaan CD haram yang dijual secara terbuka telah dilaksanakan pada 4 dan 9 September 2013 di sekitar Pandan Jaya. Sebanyak 850 keping CD/DVD pelbagai tajuk telah disita. Aduan juga telah dikemukakan kepada KDN.

Makluman

3.18 ADUAN BUNYI BISING

Pemeriksaan premis telah dijalankan pada 18 September 2013 jam 4.48 petang dan mendapati premis terlibat adalah KEIN YEONG GINSENG S/B alamat No.21, Jalan Mawar 15, Taman Mawar, Ampang.

Premis tersebut berlesen dan menjalankan aktiviti kedai ubat dan stor (menyimpan ubat herba). Terdapat pemasangan alat 'compressor aircond' di hadapan premis untuk kegunaan bilik sejuk bagi penyimpanan ubat herba. Pemasangan menghasilkan bunyi yang agak kuat. Pemegang lesen tidak memasang 'compressor aircond' di belakang premis kerana di belakang adalah kawasan perumahan. Premis bersebelahan adalah premis perniagaan 'air-cond' dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 9.00 malam.

Pemilik premis telah berurusan dengan pembekal aircond untuk cadangan 'compressor' yang lebih sesuai dan tidak menghasilkan bunyi yang kuat.

Makluman

4.0 HAL –HAL LAIN

TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD

4.1 RUMAH KEDIAMAN DIJADIKAN 'CARWASH'

Beliau memaklumkan terdapat rumah kediaman yang dijadikan pusat cuci kereta iaitu 'Car wash Achik' berhadapan Stesyen Minyak Shell Taman Permata, Hulu Klang.

Tindakan:

Jabatan Bangunan dan Senibina

4.2 PENIAGA HARAM DI FLAT AR RIDHUAN

Ramai peniaga Indonesia telah mendirikan gerai haram dan berniaga di dalam lot kedai di kawasan flat tersebut. Mohon semakan dan tindakan diambil.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.3 GERAI HARAM DI SEKITAR TAMAN PERMATA

Terdapat gerai menjual makanan yang telah banyak didirikan secara haram oleh peniaga tanpa lesen di hadapan pasaraya Giant dan Seven Eleven Taman Permata. Mohon tindakan diambil.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

TUAN HJ A. JALIL BIN HASAN**4.4 RESTOREN MELETAKKAN KERUSI DAN MEJA DI LUAR**

Mohon pihak majlis untuk memeriksa dengan lebih teliti lagi mengenai restoren-restoren di sekitar Jalan Pandan Indah 4/4 yang meletakkan kerusi dan meja di luar kedai samada mempunyai kelulusan untuk berbuat demikian.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan

TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**4.5 TINDAKAN PENGUATKUASAAN PENDATANG TANPA IZIN**

Mohon tindakan penguatkuasaan diambil terhadap pendatang tanpa izin Myanmar yang semakin ramai di sekitar flat lama Flat Taman Mestika.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

TUAN RAZALI BIN RAMLY**4.6 GERAI HARAM DI AU3/1 TAMAN KERAMAT**

Beliau memaklumkan operasi dan tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan terhadap gerai haram yang beroperasi di tapak letak kereta AU3/1 Taman Keramat. Sitaan kerusi dan meja telah dibuat namun peniaga masih lagi meneruskan

perniagaan seperti biasa. Maklumat yang diperolehi juga mendapati pemilik gerai telah menyewakan tapak tersebut kepada peniaga lain sejak mula ia beroperasi. Mohon jabatan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih berat dengan menyita kanopi peniaga tersebut dan sebagainya.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.7 STATUS PENYUSUNAN KEANGGOTAAN PENGUATKUASA

Mohon pihak jabatan untuk membuat pembentangan berkenaan status keanggotaan penguatkuasa dan tugas yang dijalankan untuk makluman mesyuarat.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

PUAN SIAN KENG ENG

4.8 SIBER KAFE DI PANGSAPURI CEMARA TAMAN BUKIT SEGAR

Mohon jabatan untuk menyemak semula status siber kafe di Pangsapuri Cemara kerana didapati premis tersebut telah menanggalkan papan tanda perniagaan namun masih beroperasi.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
25 September 2013

1. CHUNG TIEN SNOOKER

- Nama pemohon : Chan Chee Hoo
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No.24,26,28,30,32, Jln Pandan Indah 1/23D,
Pandan Indah, 55100 K.Lumpur
- Kawasan : Pandan Indah
- Lokasi : Kedai
- Aktiviti : Snuker
- Ulasan Polis : Disokong pada 13.6.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 8.1.2013
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
12.4.2013 Permohonan membaharui lesen diterima
3.7.2013 Permohonan membaharui lesen ditolak kerana premis
mempunyai 3 rekod kompaun yang tertunggak.(rujukan surat MPAJ 01-
06/2/6-10072H(25)
17.7.2013 Bayaran bagi 2 kompaun telah diterima (no siri 2004000367F
dan 2004001836H dan mengemukakan permohonan untuk
membatalkan 1 kompaun
26.8.2013 Permohonan membatalkan kompaun ditolak.(ruj MPAJ L.660-
8/1/1/9(2)
13.9.2013 Byaran kompaun no siri Enakmen 6(1)no siri : 2004001307F
telah diterima.
17.9.2013 Pemohon mengemukakan rayuan untuk membaharu lesen
2013
- Syor : Dikemukakan untuk pertimbangan mesyuarat
- Keputusan : Lulus lesen 2013 dan 2014.

LAMPIRAN 2

1. LIKE BISTRO (6-22405 H)

- Nama pemohon : Koh Peng Chin
- Jawatan : Pengarah
- Alamat premis : No.8, 10, 12 Gf, Jalan Perdana 10/8
Taman Pandan Perdana 55300 Kuala Lumpur
- Kawasan : Pandan Perdana , Teratai
- Lokasi : Kedai
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Disokong pada 30.5.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 29.3.2013
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen tahun 2012 atas nama syarikat
22 Special Cafe Sdn Bhd
- Kompaun : Tiada
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan
- Keputusan : Lulus 2013 dan 2014

1. TALK BOX INTERNET 6-23236(KS)

- Nama pemohon : Lai Chuan Loy
- Jawatan : Pemilik syarikat
- Alamat premis : A1-G-13, Jalan Mewah 4, Taman Pandan Mewah, 68000 Ampang, Selangor
- Kawasan : Pandan Mewah, Teratai
- Lokasi : Rumah Kedai
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 16 November 2012
- Ulasan Bomba : Disokong pada 11 Oktober 2012
- Ulasan BPL :
- Catatan : Telah menghadiri taklimat Garispanduan Pusat Siber/Kafe Siber pada 15 Mei 2013
- Kompaun : 7
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan. Kelulusan adalah bagi lesen tahun 2013 dan 2014
- Keputusan : Tangguh untuk menjelaskan bayaran kompaun

2. TALK BOX INTERNET 6-23237(KS)

- Nama pemohon : Lai Chuan Loy
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No.16G, Blok F, Jalan Maju 3/3, Taman
Lembah Maju
- Kawasan : Lembah Maju, Cempaka
- Lokasi : Rumah Kedai
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 16 November 2012
- Ulasan Bomba : Disokong pada 11 Oktober 2012
- Ulasan BPL :
- Catatan : Telah menghadiri taklimat Garispanduan
Pusat Siber/Kafe Siber pada 15 Mei 2013
- Kompaun : 7
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan
Kelulusan adalah bagi lesen tahun 2013
dan 2014
- Keputusan : Tangguh untuk menjelaskan bayaran
kompaun

3. NET MISSION (6-23325 KS)

- Nama pemohon : Teo Sheng Hsiung
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No.13G Jalan Pandan Jaya 2/2, Pandan Jaya
- Kawasan : Pandan Jaya, Cempaka
- Lokasi : Rumah Kedai
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 16 Januari 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 12 November 2012
- Ulasan BPL :
- Catatan : Telah menghadiri taklimat Garispanduan Pusat Siber/Kafe Siber pada 15 Mei 2013
- Kompaun : 1
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan dan menjelaskan kompaun yang tertunggak no siri 2004017228E, UUK 8(1) Kelulusan adalah bagi lesen tahun 2013 dan 2014
- Keputusan : Lulus untuk lesen 2013 & 2014 dengan menjelaskan bayaran kompaun

4. XPRESSNET CYBER CAFÉ 6-23235 (KS)

- Nama pemohon : Ling Siam Khing
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No 32, Jalan Pandan Indah 1/23A,
Pandan Indah
- Kawasan : Pandan Indah, Cempaka
- Lokasi : Rumah Kedai
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 16 Januari 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 5 Oktober 2012
- Ulasan BPL :
- Catatan :
- Kompaun : Tiada
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan
Kelulusan adalah bagi lesen tahun 2013
dan 2014
- Keputusan : Lulus untuk 2013 & 2014

1. FOOTMARKSENSE REFLEXOLOGY SDN. BHD. (6-20520)

1.1 Nama pemohon : Chua Kian Leong

1.2 Jawatan : Pengarah

1.3 Alamat premis : No. 2 - L1, L2, Jalan Ampang Putra, Tmn.
Ampang Hilir, 68000 Ampang.

1.4 Kronologi permohonan lesen :

1.4.1 6.7.2010 - Permohonan lesen aktiviti refleksologi daripada pemohon.

1.4.2 14.7.2010 - Pemeriksaan premis mendapati terdapat **aktiviti urutan badan**.

1.4.3 11.8.2010 - Ulasan PDRM - **Tidak menyokong** kerana **premis ini berhadapan dengan masjid yang akan didirikan seperti dalam perancangan**. Jika MPAJ berhasrat untuk mengeluarkan lesen, disyorkan supaya premis syarikat tersebut berpindah dan ianya tidak terletak berhampiran dengan masjid.

1.4.4 12.11.2010 - **Surat tolak kerana tidak mendapat sokongan PDRM dan arahan untuk memberhentikan perniagaan**.

1.4.5 3.1.2011 - Surat rayuan daripada pemohon

- 1.4.6 2.2.2011 - Surat sokongan PDRM.
- Pemohon telah membuat rayuan juga di PDRM agar diluluskan dengan alasan belum ada sebarang kerja- kerja pembinaan masjid sedang dijalankan.
-IPD Ampang Jaya menyokong permohonan pembaharuan lesen premis ini dengan syarat pemohon akan menutup premis perniagaannya sebaik masjid tersebut memulakan operasinya.
- 1.4.7 17.2.2011 - **Surat tolak rayuan kepada pemohon** kerana tiada jaminan penutupan premis apabila masjid mula beroperasi. Arahan memberhentikan aktiviti.
- 1.4.8 22.2.2011 - **SURAT RAYUAN DARIPADA PEMOHON DAN BERJANJI AKAN MENUTUP PREMIS SEBAIK MASJID MEMULAKAN OPERASI DAN SIAP DIBINA DAN MENJAMIN SEGALA PERUNTUKAN ATAS KERUGIAN YANG BAKAL DITEMPUHI UNTUK MENUTUP PREMIS PERNIAGAAN. MOHON KERJASAMA MAJLIS KERANA TELAH BANYAK MENGELUARKAN PERBELANJAAN UNTUK PENGUBAHSUAIAN. DIHARAP DAPAT MENGURANGKAN KERUGIAN.**
- 1.4.9 20.5.2011 - **Surat kelulusan lesen 2011** kepada pemohon bagi aktiviti refleksologi dengan syarat :
i. **Kelulusan lesen refleksologi dan papan iklan diluluskan secara tahun ke tahun (yearly basis) dengan mematuhi syarat-syarat semasa Majlis.**

- ii. Pihak Majlis berhak membatalkan lesen dan pemohon dikehendaki menghentikan semua aktiviti perniagaan sebaik sahaja masjid tersebut siap dibina.
- iii. Pemohon dikehendaki menandatangani akujanji.

1.4.10 23.5.2011 - Pemohon menandatangani akujanji.

1.4.117.12.2011 -Permohonan pembaharuan lesen 2012 daripada pemohon.

1.4.12 23.12.2011- Pemeriksaan semula premis oleh PBK mendapati terdapat aktiviti urut kaki, urut badan dan bekam (tingkat 1 - urut kaki, tingkat 2 - urutan badan dan bekam).

1.4.13 9.2.2012 - Surat sokongan PDRM.

1.4.14 24.4.2012 - Surat kelulusan lesen 2012 – dengan syarat menjalankan aktiviti refleksologi sahaja.

1.4.15 11.7.2012 - **Notis Arahan untuk menghentikan aktiviti-aktiviti urutan badan.**

1.4.16 13.7.2012 - Pemeriksaan semula premis oleh Jabatan mendapati pemegang lesen masih gagal mematuhi arahan Majlis. Penyerahan notis tunjuk sebab pembatalan lesen. Lesen digantung dan lesen premis perniagaan asal 2012 diambil oleh pihak Majlis.

- 1.4.17 16.7.2012 - Terima surat rayuan mendapatkan semula lesen premis perniagaan 2012 daripada pemohon. Pemohon telah mengosongkan tingkat atas. Katil-katil telah dikeluarkan.
- 1.4.18 18.7.2012 - Terima permohonan tambah aktiviti bekam, 'ear-candling', 'scrapping' dan rawatan kecantikan.
- 1.4.19 31.7.2012 - Pemeriksaan semula premis oleh Jabatan mendapati pemohon telah mengeluarkan tilam-tilam dan aktiviti urutan badan telah dihentikan.
- 1.4.20 10 .8.2012 - Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan bil. 8/2012 – kertas makluman pembatalan lesen pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan - aktiviti refleksologi ke atas pemohon.
- Keputusan - mesyuarat bersetuju pemulangan lesen dengan amaran dan pemantauan berterusan.
- 1.4.21 31.1.2013 - Terima permohonan pembaharuan lesen 2013 daripada pemohon.
- 1.4.22 14.2.2013 - Pemeriksaan premis oleh PBK.
Premis menjalankan aktiviti urutan kaki, bekam danurut bahu. Tingkat bawah - urutan kaki (10 kerusi) , tingkat atas - bekam dan urutan bahu.

1.4.23 5.3.2013 - Surat sokongan PDRM.

1.4.24 8.3.2013 - **MASJID MULA BEROPERASI – SOLAT JUMAAT.**

1.4.25 20.3.2013 - Pembaharuan lesen 2013 **DITOLAK** kerana selaras dengan surat akujanji dan jaminan akan menghentikan perniagaan sebaik sahaja masjid tersebut beroperasi.

1.4.26 16.4.2013 - **Surat rayuan pembaharuan lesen 2013 daripada pemohon.**

- Memaklumkan **terpaksa menandatangani surat** tersebut pada masa itu.

- **Tidak wajar syarat begini dikenakan sedangkan perniagaan ini tiada sebarang hubungkait dengan keagamaan islam.**

- Perniagaan ini telah menelan **pelaburan beratus ribu ringgit** dan jika dihentikan semata-mata masjid telah beroperasi akan amat merugikan pemohon.

1.4.27 29.4.2013 - Permohonan rayuan lesen 2013 ditolak selaras dengan Dasar dan Garispanduan Pemberian Lesen Pusat Kecantikan dan Kesihatan PBT Negeri Selangor dan akujanji pemohon sendiri yang telah dibuat atas kerelaan pemohon semasa mengemukakan rayuan pada 22.2.2011.

1.4.28 24.6.2013 - Terima surat daripada Ahli Majlis, MPAJ - Tuan Wong Khai Pun – mohon rayuan pembaharuan lesen 2013 pemohon dibawa ke mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

- Syor - Dikemukakan untuk perbincangan dan pertimbangan ahli mesyuarat.
- Keputusan - **LULUS** bagi lesen 2013 sahaja.

SULIT

MAKLUMAT SYARIKAT DAN BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

1. FALAH SOURCES (002241281-H)

- a) Nama Pemohon : Pn. Norlinda Binti Samat
- b) Nama Syarikat : Falah Sources (002241281-H)
- c) Jenis Perniagaan : Pengurusan acara
- d) Alamat Syarikat : No 10, Jalan 8, Taman Usaha Jaya, 52100
Kepong
- e) Pengalaman syarikat : Berpengalaman sebagai penganjur
semenjak tahun 2007 antaranya Ekspo
Jualan Thai, Ekspo Kraftangan Malaysia
dan Jualan Bazar Raya di Carrefour
Subang Jaya dan Tesco Kajang
- f) Tempoh beroperasi : 1 Oktober 2013 hingga 31 Oktober 2013
- g) Waktu operasi : Bermula jam 10.00pg – 11.00 mlm
- h) Jumlah Peniaga : 28 peniaga
- i) Aktiviti : Bazar Jualan (pakaian, aksesori dan
perkhidmatan)

2. MAKLUMAT LOKASI

- a) Lokasi : Tempat letak kereta bersebelahan Ampang Point (tanah Habib Jewel)
- b) Pemilik : Persendirian
- c) Status : Tempat Letak Kereta Awam

3. RINGKASAN KIRAAN UNTUNG RUGI PERNIAGAAN DARI PENGANJURAN BAZAR RAYA

Pendapatan

a) Pendapatan Syarikat = RM 85,000.00

***kutipan sewa dari peniaga [RM 5,000.00 peniaga x 17 unit khemah (20' x 20') x 1 bulan dan RM 2,500.00 peniaga x 11 khemah(10' x 18') x 1 bulan**

Kos

b) Bayaran kepada Majlis

i) Caj Penganjur = RM 2,400.00

ii) Permit Jualan = RM 150.00 x 28 peniaga x 1 bulan = RM 4,200.00

iii) Bayaran sewa tapak = Perlu membayar kepada pihak HJSB

iv) Cagaran Penganjur = RM 2,400.00

JUMLAH = RM 9,000.00

=====

c) Perbelanjaan lain = RM 54,120.00

***pemasaran, pengurusan, kanopi, utiliti, gaji, insurans, kos luar jangka dll**

JUMLAH KEUNTUNGAN SYARIKAT : a – [b + c]= RM 21,880.00

4.4.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.9/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.09/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 25 SEPTEMBER 2013

MASA : 9.30 PAGI – 12.50 TEANGAHARI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abdul Latif Bin Shaari | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 5. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 6. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 7. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 8. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 9. | Tn. Chua Yew Choong | - | " |
| 10. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 11. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 12. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |
| 13. | Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad | - | " |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.09/2013**

LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.09/2013 telah diadakan pada 25 September 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 OGOS 2013**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Ogos 2013 ialah sebanyak RM92.90juta dan tunggakan cukai sebanyak RM12.53juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 334,239 bil bagi tempoh penggal kedua (2) dalam tahun 2013.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Ogos 2013 ialah sebanyak RM74.02juta. Pencapaian kutipan semasa cukai taksiran adalah RM65.29juta; 70.28% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM8.73juta; 69.65%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 31 Ogos 2013 dan 31 Ogos 2012.

Perbandingan kutipan cukai taksiran			
Perkara	01/01/13 – 31/08/13	01/01/12 – 31/08/12	Ulasan
Kutipan cukai semasa	RM65.29juta	RM63.88juta	Peningkatan kutipan cukai semasa RM1.41juta; 2.16%
Kutipan tunggakan cukai	RM8.73juta	RM9.08juta	Penurunan kutipan tunggakan cukai RM0.35juta; 3.85%
Jumlah	RM74.02juta	RM72.96juta	Peningkatan kutipan keseluruhan RM1.06juta; 1.43%

2.1.4. Laporan Tunggakan Cukai Taksiran 1 Januari 2013 sehingga 31 Ogos 2013 dan senarai 50 pemaju serta 100 individu Tunggakan Cukai Taksiran adalah seperti di **Lampiran 1**.

2.1.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 31 Ogos 2013 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK			
Jenis cukai taksiran	Sasaran kutipan arahan SUK	Pencapaian Majlis	Kekurangan sasaran
Cukai semasa	RM83.61juta	RM65.29juta	RM18.32juta
Tunggakan cukai	RM8.77juta	RM8.73juta	RM0.04juta

2.1.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu setiap minggu bermula 18 November 2006 yang lalu.
- c) Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
- d) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.

- e) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- f) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.
- g) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.
- h) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke **Convergent Technologies Operating System (CTOS)**.

2.1.7. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Ogos 2013.**

2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 OGOS 2013

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi bajet 2013 sehingga 31 Ogos 2013.

2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2013 adalah sebanyak RM118juta dengan perbelanjaan RM60.97juta atau 51.67% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan dengan peruntukan berjumlah RM1juta bagi tahun 2013.

2.2.3. Laporan Prestasi Perbelanjaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dari 1 Januari hingga 31 Ogos 2013 seperti di **Lampiran 2**.

2.2.4. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis sehingga 31 Ogos 2013 berjumlah RM19.59juta dengan perbelanjaan RM18.73juta atau 95.57%. Laporan Perincian Perbelanjaan daripada Peruntukan Khas Tahun 2011 - 2013 bagi bulan 1 Januari 2011 hingga 31 Ogos 2013 seperti di **Lampiran 3**.

2.2.5. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Ogos 2013.**

2.3. LAPORAN PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 HINGGA 31 OGOS 2013

- 2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan penyata pendapatan dan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2013 hingga 31 Ogos 2013.
- 2.3.2. Pendapatan bagi hasil cukai adalah sebanyak RM74.02juta dan pendapatan bagi hasil bukan cukai adalah sebanyak RM0.88juta. Jumlah pendapatan bagi hasil cukai dan hasil bukan cukai Majlis sehingga 31 Ogos 2013 berjumlah RM74.90 juta. Perbelanjaan Majlis sehingga 31 Ogos 2013 berjumlah RM 69.05 juta. Lebihan pendapatan Majlis sehingga 31 Ogos 2013 berjumlah RM5.85juta.
- 2.3.3. Laporan simpanan tetap sehingga 31 Ogos 2013 adalah sebanyak RM66juta dan telah ditetapkan sebagai komitmen perbelanjaan Majlis.
- 2.3.4. Perincian laporan pendapatan, perbelanjaan dan simpanan tetap adalah seperti di **Lampiran 4**.
- 2.3.5. Majlis masih kekurangan aliran wang tunai sebanyak RM20juta untuk perbelanjaan September hingga Disember 2013 termasuk AKB Januari 2014.
(Baki peruntukan vot Majlis tanpa emolumen - simpanan tetap baki peruntukan perbelanjaan Majlis)= (RM58juta - RM11juta) - M27juta = RM20juta.

2.3.6. Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 hingga 31 Ogos 2013.

2.4. LAPORAN MESYUARAT PENYELESAIAN ISU-ISU TEMPAT LETAK KERETA DI BAWAH SELIAAN SUASA EFEKTIF (M) SDN. BHD.

2.4.1. Mesyuarat dibentangkan mengenai keputusan yang dibuat dalam mesyuarat penyelesaian isu-isu tempat letak kereta di bawah seliaan Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd.

2.4.2. Mesyuarat telah bersidang pada 28 Ogos 2013 bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pengoperasian tempat letak kereta (TLK) yang aktif di bawah pengawasan Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. (SEMSB) sehingga menjadi pertikaian berkaitan dengan tuntutan tunggakan sewa bulanan.

2.4.3. Tunggakan sewaan bulanan TLK oleh SEMSB sehingga 31 Julai 2013 berjumlah RM376,817.22. Sehingga bulan September 2013, jumlah tunggakan menjangkau kepada RM 404,000.00. Isu-isu yang dituntut sebagai halangan oleh SEMSB dari September 2012 hingga Julai 2013 berjumlah RM205,964.70. Walau bagaimanapun, Majlis hanya meluluskan sebanyak RM25,094.80 dari jumlah tuntutan.

2.4.4. Isu-isu halangan yang dituntut adalah seperti berikut :

2.4.4.1. Halangan disebabkan penggunaan TLK sebagai tapak pasar malam.

2.4.4.2. Halangan disebabkan penggunaan TLK sebagai tapak pasar pagi.

2.4.4.3. Halangan disebabkan ketiadaan nombor pada TLK selepas proses penurapan jalan.

2.4.5. Perjanjian Penyeragaman Tempat Letak Kereta Antara Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Suasa Efektif (M) Sdn Bhd memperuntukan:-

2.4.5.1 Para 2.5.1 (a) Pengantungan Sementara

"Dengan ini dipersetujui bahawa sekiranya berlaku apa-apa kerja atau aktiviti yang dijalankan oleh pihak ketiga dengan atau tanpa kelulusan Majlis atau apa-apa kerja atau aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan oleh Majlis selain daripada aktiviti-aktiviti yang disediakan di bawah 2.5.1 (b) di sini menyebabkan tempat letak kereta atau tempat letak kenderaan tidak boleh digunakan oleh pelanggan, **Majlis dengan ini mengeneipkan Sewa Bulanan bagi setiap tempat letak kereta yang diberikan tidak boleh digunakan,** pembahagian dengan bilangan hari yang berlaku pengantungan itu".

2.4.5.2 Para 2.5.1 (b);

2.4.5.2.1. Pasar malam, pasar tani, pasar lambak/ pasar tani;

2.4.5.2.2. Gerai/ penjaja beredar; dan

2.4.5.2.3. Semua acara, majlis, perayaan atau fungsi lain sebagaimana yang dianjurkan atau diluluskan oleh Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan termasuk Rakan Muda,

dijalankan oleh Majlis atau dengan kebenaran Majlis yang boleh menyebabkan mana-mana tempat letak kereta tidak boleh digunakan dalam apa-apa masa aktiviti yang dijalankan **tidak boleh menyebabkan Majlis bertanggungjawab untuk membayar** apa-apa pampasan kepada Syarikat dan juga **tidak membenarkan Syarikat untuk mendapatkan pengecualian atau pengurangan sewa bulanan** atau sebaliknya perkadaran yang bersamaan dengan bilangan jam atau hari yang penggantungan itu berlaku.

2.4.6. Pihak Jabatan menyesorkan penolakan halangan berjumlah RM165,337.90 seperti yang dipohon oleh SEMSB dari September 2012 hingga Julai 2013.

2.4.7. Mesyuarat bersetuju dengan syor penolakan halangan berjumlah RM165,337.90 seperti yang dipohon oleh SEMSB dari September 2012 hingga Julai 2013 dengan asas nombor pada TLK adalah rujukan asas bagi operasi penguatkuasaan TLK. Kompaun TLK yang dikeluarkan oleh Penguatkuasa MPAJ yang tiada catatan nombor petak TLK boleh dipertikaikan dan meluluskan permohonan Syarikat dengan mengambil kira tempoh sepatutnya kerja-kerja penurapan lengkap. Mesyuarat juga mohon SEMSB menyelesaikan tunggakan bil sehingga 30 September 2013.

2.5. KERJA-KERJA MEMBAIKI HAKISAN CERUN SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN TEBERAU 2/3, UKAY HEIGHT, SELANGOR DARUL EHSAN

2.5.1. Mesyuarat dikemukakan kerja kecemasan yang telah dilaksanakan yang melebihi RM20,000.00.

2.5.2. Pihak jabatan telah menerima aduan melalui penduduk di sekitar Ukay Height berkaitan terdapat hakisan tanah yang berlaku di Jalan Teberau 2/3, Ukay Height. Hasil semakan mendapati terdapat hakisan tanah dengan keluasan 30 meter panjang dan 10 meter tinggi di kawasan tersebut yang berhampiran dengan jalan.

2.5.3. Sekiranya ia tidak diambil tindakan dengan segera ia akan membahayakan pengguna Jalan Teberau 2/3 tersebut kerana hakisan berlaku kurang dari 1 meter daripada jalan. Jalan Teberau 2/3 merupakan satu-satu jalan yang menghubungkan penduduk di Jalan

Teberau 2/3 untuk ke jalan utama dan ke Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2).

2.5.4. Majlis telah mengambil tindakan melantik kontraktor Akhlah Enterprise untuk menjalankan kerja berasaskan peruntukan Seksyen 30, AKTA 171.

2.5.5. Berikut adalah butiran bagi kerja-kerja pembaikan yang perlu dilaksanakan :

TAJUK KERJA	SKOP KERJA & KOS (RM)	NAMA SYARIKAT	STATUS KERJA (%)
Kerja-kerja membaiki hakisan cerun serta lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan Teberau 2/3, Ukay Height. No. Fail: MPAJ.KEJ.C.720-1/114/13	- Kerja Awalan termasuk kerja pengukuran rezab - Kerja-kerja penstabilan cerun - kerja-kera longkang 'cascade drain' jenis 'insitu'. <u>Kos</u> RM 124,086.50	Akhlah Enterprise	80%

2.5.5. Mesyuarat **bersetuju** kerja-kerja membaiki hakisan cerun serta lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan Teberau 2/3, Ukay Height, Selangor Darul Ehsan dilaksanakan oleh Syarikat Akhlah Enterprise dengan kos RM124,086.50.

2.6. LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA TASKFORCE KHAS BILLBOARD DAN MENARA TELEKOMUNIKASI BIL.5/2013 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.6.1. Mesyuarat dikemukakan laporan Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.5/2013 untuk memaklumkan perkembangan perkara yang telah dibincangkan dan cadangan serta syor yang telah dikemukakan seperti di **Lampiran 5**.

2.6.2. Laporan Tawaran 43 tapak billboard lulus selaras dengan syor jabatan seperti di **Lampiran 6**.

2.6.2. Mesyuarat **mengambil maklum dan meluluskan syor yang dibentangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.5/2013 seperti di Lampiran 5. Slogan yang di persetujui adalah seperti berikut :**

- a) Jaga Kebersihan Persekitaran Anda
 - b) Beretika dan Berbudi Bahasa Amalan Kita
 - c) Cukai Taksiran Tanggungjawab Bersama
 - d) Sila jelaskan Cukai Taksiran Elakkan Harta Dari Disita
- Slogan `Ampang Jaya Bersih, Selesa dan Hijau` ditangguhkan untuk semakan semula.

2.7. LAPORAN JAWATANKUASA KECIL TASKFORCE TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN JANUARI HINGGA JUN 2013

2.7.1. Mesyuarat dikemukakan laporan prestasi dan pencapaian Jawatankuasa Kecil Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran (Jawatankuasa Kecil) daripada Januari hingga Julai 2013.

2.7.2. Jawatankuasa kecil dimaklumkan oleh Unit Tunggakan Cukai Taksiran (UTCT) bahawa UTCT ini bercadang untuk mengambil tindakan ke atas akaun hartanah yang mempunyai tunggakan melebihi 15 tahun ke atas.

2.7.3. Terdapat 20 individu yang mempunyai tunggakan cukai untuk tanah yang mempunyai bangunan melebihi 15 tahun ke atas seperti di **Lampiran 7**.

2.7.4. Jawatankuasa kecil dimaklumkan oleh UTCT 6 daripada 50 pemaju yang mempunyai tunggakan cukai taksiran, hanya hartanah yang mempunyai data dan maklumat lengkap syarikat akan diambil tindakan seperti di **Lampiran 8**.

2.7.5. Tindakan penyelesaian yang digunakan adalah seperti berikut :

2.7.5.1. Penghantaran notis peringatan

2.7.5.2. Pengiklanan

2.7.5.3. Tindakan Undang-undang di bawah Seksyen

218, Akta Syarikat 1956 (Akta 125)

- 2.7.5.4. Tindakan Undang-undang di bawah Seksyen 151, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 133)
- 2.7.5.5. Tindakan penjualan hartanah penghutang untuk membayar tunggakan cukai taksiran (kontra)
- 2.7.5.6. Tindakan untuk memasukkan nama-nama penghutang ke Sistem CTOS.

2.7.6. Hasil dari tindakan penyelesaian yang diambil, pencapaian adalah seperti berikut :

2.7.6.1. Penghantaran notis peringatan oleh Unit Tunggakan Cukai Taksiran (UTCT) dari tahun 2010 sehingga ke Julai 2013 adalah sebanyak 85,742 keping dan jumlah tunggakan yang dapat dikutip adalah sebanyak RM 1,652,102.55.

2.7.6.2. Melalui tindakan Unit Tunggakan Cukai Taksiran (UTCT) dari tahun 2010 sehingga Julai 2013, bagi 50 pemaju/syarikat sebanyak RM 1,652,102.55 berjaya dikutip.

2.7.6.3. Menerusi tindakan UTCT juga sebanyak RM 995,203.53 berjaya dikutip daripada 100 individu yang mempunyai tunggakan cukai taksiran.

2.7.6.4. Menerusi tindakan di bawah peruntukan Seksyen 151, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 133), tindakan sedang dilaksanakan ke atas individu (tanah kosong) iaitu Choo Lim Cheong bagi perintah jualan.

2.7.6.5. Pencapaian CTOS.

2.7.6.6. Laporan media.

2.7.7. Mesyuarat **bersetuju dengan cadangan yang disyorkan seperti berikut :**

- a) Tindakan ke atas senarai 20 individu yang mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi 15 tahun ke atas.
- b) Tindakan ke atas 6 syarikat yang mempunyai tunggakan cukai taksiran dan melebihi 10 tahun ke atas.
- c) Mengadakan lawatan ke PBT-PBT lain bagi pelaksanaan kutipan cukai taksiran.
- d) Mengadakan borang (senarai semak) untuk memudahkan tindakan dan kajiselidik sebelum lawatan ke tapak dilaksanakan.

2.8. LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA TASKFORCE PEMUTIHAN BANGUNAN PERNIAGAAN TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH KERAJAAN DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL 1/2013

2.8.1. Mesyuarat dikemukakan laporan Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Pemutihan Bangunan Perniagaan Tanpa Kebenaran Di Atas Tanah Kerajaan Di Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2013 untuk memaklumkan perkembangan perkara yang telah dibincangkan dan cadangan serta syor yang telah dikemukakan seperti di **Lampiran 9**.

2.8.2. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta diminta untuk memproses sewaan dan permit bagi gerai yang dibina di Jalan Kosas Utama 2. Memandangkan tapak yang terlibat merupakan tapak gerai, proses sewaan dan

permit boleh mengikut prosedur sebagaimana yang dilakukan untuk Medan Selera Bukit Indah di Taman Bukit Indah.

2.8.3. 3 tapak baru untuk disenaraikan dalam program pemutihan bagi dibentangkan di mesyuarat taskforce akan datang iaitu :

- a) Kawasan Flat Taman Dato' Ahmad Razali
- b) Kawasan Flat Taman Dagang
- c) Kawasan Flat Taman Berembang

2.8.4. Mesyuarat **mengambil maklum dan meluluskan syor yang dibentangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Pemutihan Bangunan Perniagaan Tanpa Kebenaran Di Atas Tanah Kerajaan Di Dalam Kawasan MPAJ Bil.1/2013 seperti di Lampiran 9 kecuali bagi perkara berikut :-**

2.8.4.1. Tapak bangunan perniagaan tanpa kebenaran di Jalan Pandan 5, Taman Pandan Jaya tidak diputihkan.

2.8.4.2. Tapak bangunan perniagaan tanpa kebenaran di Jalan Pandan 9, Taman Pandan Jaya tidak diputihkan.

2.8.5. Ahli Mesyuarat juga bersetuju laporan ini dibincangkan dalam Mesyuarat Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-**3.1 TUNGGAKAN BAYARAN SYARIKAT SUASA EFEKTIF SDN. BHD.**

Mesyuarat dimaklumkan, tunggakan hutang Syarikat Suasa Efektif Sdn. Bhd. sehingga Ogos 2013 adalah sebanyak RM 372,998.53. Dimaklumkan pada 13 September 2013, pihak Syarikat Suasa hanya membayar tunggakan berjumlah RM75,571.07.

Tindakan :
Jabatan Perbendaharaan

3.2. ISU TANAH YAP AH LOY DI PEKAN AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) bahawa perkara ini telah dipanjangkan ke Unit Hakmilik Hilang/Rosak/Hancur dan masih menunggu maklumbalas serta tindakan dari pihak PTGS. Pihak Jabatan Undang-Undang dikehendaki membuat susulan dengan pihak PTGS mengenai perkara ini.

Tindakan :
Jabatan Undang-Undang

3.3. STATUS DEWAN JALAN H, KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, dewan tersebut telah siap sepenuhnya dan boleh disewa dari Majlis. Pemberitahuan penggunaan dewan telah dihebahkan melalui banner. Kadar penggunaan dewan seperti kadar sediaada yang telah ditetapkan oleh Majlis.

Makluman

3.4. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, iklan tender akan dibuka pada 30 September 2013.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.5. SENARAI DAN JUMLAH GERAI B.O.T MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan, terdapat 12 lokasi gerai BOT di kawasan Majlis. Jumlah gerai BOT adalah sebanyak 312 unit di mana 208 unit aktif, 134 unit tidak aktif, 183 unit berlesen dan 25 unit tidak berlesen. Pihak jabatan dalam tindakan untuk melesenkan 25 peniaga yang tidak berlesen.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.6. TAPAK BARU BAGI LOKASI MEDAN SELERA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan dalam tindakan pemilihan tapak-tapak yang bersesuaian selaras dengan peruntukan bajet untuk tahun 2014.

Tn. Razali Bin Ramly mohon kawasan AU2, Taman Keramat disenaraikan dalam cadangan tapak baru bagi lokasi Medan Selera. Beliau juga mohon garispanduan bagi projek penswastaan.

Tindakan :

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

3.7. TUNTUTAN PAMPASAN BERHUBUNG PENURUNAN BILLBOARD DAN PEMOTONGAN POKOK BAGI PROJEK BESRAYA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak konsesi BESRAYA telah disyaratkan memberikan gantirugi/pampasan kepada MPAJ bagi semua perkara yang perlu dirobohkan/dibuka sebarang binaan dari aset Majlis. Ianya meliputi pokok, billboard, papan tanda, struktur kemudahan awam dan tempat letak kereta. Konsesi BESRAYA telah sedia maklum berurusan secara terus dengan jabatan-jabatan dalam MPAJ meliputi Jabatan Kejuruteraan, Bahagian Belia & Masyarakat, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Kewangan.

Mesyuarat bersetuju Jabatan Kejuruteraan yang akan menyelaraskan tindakan susulan berkaitan tuntutan gantirugi dari pihak konsesi BESRAYA. Jabatan Kejuruteraan akan mengadakan sesi perbincangan bersama jabatan dalam MPAJ pada awal Oktober 2013 sebelum perbincangan diadakan bersama pihak Konsesi BESRAYA, Ahli Majlis kawasan dan Ahli Jawatankuasa Taskforce Billboard. Hasil dari perbincangan itu, Jabatan Kejuruteraan akan membentangkan kertas kerja bagi isu tersebut di Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 10 yang akan datang.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.8. ELAUN MESYUARAT 'PRE COUNCIL' DAN JAMUAN MESYUARAT

Tn. Pengerusi memaklumkan semua Pihak Berkuasa Tempatan tidak membuat sebarang pembayaran elaun bagi mesyuarat 'pre council' kepada Ahli-Ahli Majlis.

Makluman

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
26.9.2013

4.5.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.9/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN
KEMUDAHAN AWAM
BIL.09/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 25 SEPTEMBER 2013

MASA : 2.30 PETANG –5.15 PETANG

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 4. | Tn. Abd. Latif Bin Shaari | - | " |
| 5. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 6. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 7. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 8. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 9. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 10. | Tn. Haji Ali Bin Ismail | - | " |
| 11. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |
| 12. | Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad | - | " |

- | | | | |
|-----|-------------------------------|---|-------------|
| 11. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | Ahli Majlis |
| 12. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|----------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias | - | Ahli Majlis |
|----|----------------------------|---|-------------|

SULIT

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 09/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 09/2013 telah diadakan pada 25 September 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERMOHONAN PERTUKARAN JALAN SEHALA KEPADA JALAN DUA HALA DI AMPANG UTAMA

2.1.1 Pihak jabatan telah menerima permohonan dari Taman Ampang Utama Owners Residents Association (TAURA) berhubung dengan permohonan untuk menjadikan jalan dari Jalan 5 menghala ke Jalan Ampang Utama 2/2 sebagai jalan dua hala

- 2.1.2 Semakan di tapak mendapati, pada masa ini pengguna dari Jalan 5 tidak boleh masuk ke Jalan Ampang Utama 2/1 kerana terdapat papan tanda No Entry memandangkan Jalan dari Jalan Ampang Utama ke Jalan 5 merupakan jalan sehalu.
- 2.1.3 Jalan Ampang Utama 2/2 merupakan Jalan rizab 66 kaki (20.1 m) dan merupakan kawasan komersial.
- 2.1.4 Sebahagian jalan tersebut merupakan jalan dua hala (di hadapan kedai dan kondominium) manakala sebahagian jalan yang di sambung ke Jalan 5 merupakan jalan sehalu.
- 2.1.5 Penduduk/pengguna yang menggunakan Jalan 5 sekiranya hendak ke Jalan Ampang Utama 2/2 perlu melalui Jalan 1 terlebih dahulu sebelum tiba ke lokasi berkaitan.
- 2.1.6 Jabatan telah mengenalpasti beberapa punca dan masalah dalam cadangan tersebut seperti berikut:
- i) Kesyakan berlaku kerana Jalan 5 merupakan jalan untuk keluar ke Jalan Ampang dan sekitarnya.
 - ii) Terdapat banyak kenderaan yang diletakkan di bahagian bahu jalan di Jalan 5 tersebut. Pihak Jabatan telah memasang "No Parking" di lokasi berkaitan. Walaubagaimanapun, tiada sebarang tindakan penguatkuasaan dilakukan menyebabkan masih terdapat kenderaan yang diletakkan di bahu jalan tersebut.

iii) Penduduk /pengguna dari Jalan 5 perlu melalui Jalan 1 sebelum pergi ke Jalan Ampang Utama 2/2.

2.1.7 Bagi mengatasi masalah kesesakan berterusan, pihak Jabatan mencadangkan:

i) Permohonan dari Taman Ampang Utama Owners Residents Association (TAURA) untuk menjadikan jalan tersebut jalan dua hala dipertimbangkan.

ii) Pihak jabatan juga telah mendapatkan ulasan dari Jabatan Perancang dan pihak Jabatan Perancang menyatakan tiada halangan dengan cadangan tersebut.

2.1.8 Bagi cadangan penukaran jalan sehalu kepada jalan dua hala, beberapa kerja perlu dilaksanakan di tapak yang mana ianya meliputi:

i. Kerja-kerja pelebaran jalan memandangkan lebar jalan sediaada di tapak adalah 4 m sahaja

ii. Kerja-kerja menutup longkang

iii. Kerja-kerja memasang railing

iv. Kerja-kerja mengecat tanda jalan

v. Kerja-kerja memasang papan tanda berkaitan

2.1.9 Kos bagi kerja-kerja tersebut dianggarkan sebanyak RM 32,000.00.

2.1.10 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan pertukaran jalan sehalu kepada jalan dua hala di Ampang Utama dari Taman Ampang Utama Owners Residents Association (TAURA).

2.2 KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT TUTUP/KOREK/GUNA JALAN BAGI CADANGAN KERJA-KERJA PEMASANGAN LURANG J9(PRECAST) DAN JAJARAN SESALUR (1 LALUAN) UNTUK KERJA NAIKTARAF RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI SEDIA ADA (DIGI) DI JALAN BUKIT PERMAI UTAMA, JALAN BUKIT PERMAI, JALAN BUKIT PERMAI 1 & 5, TAMAN BUKIT PERMAI, MUKIM AMPANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN

2.2.1 Digi Telecommunications Sdn Bhd telah mengemukakan permohonan permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 2750 meter bagi kerja-kerja menaiktaraf rangkaian telekomunikasi sedia ada.

2.2.2 Cadangan jajaran kerja-kerja korekan jalan meliputi Jalan Bukit Permai Utama, Jalan Bukit Permai, Jalan Bukit Permai 1 & 5, Taman Bukit Permai.

2.2.3 Kerja-kerja pengorekan jalan ini melibatkan jalan kawasan perumahan dan jalan utama di Taman Bukit Permai.

2.2.4 Pihak jabatan telah mengeluarkan surat ulasan kepada pemohon untuk mengemukakan bayaran wang cagaran dan bayaran yuran proses melalui surat no ruj.MPAJ.KEJ.KB.720-2/03B/13(3) bertarikh 13hb Jun 2013.

2.2.5 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 1,419,625.00 dan yuran proses sebanyak RM 1370.00 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan.

2.2.6 Berdasarkan kepada semakan, pihak pemohon telah mengemukakan pematuhan terhadap ulasan dengan mengemukakan bayaran wang cagaran dalam bentuk jaminan bank berjumlah RM 1,419,625.00 dan yuran proses sebanyak 1370.00 kepada pihak jabatan melalui surat no ruj. TMNBUKITPERMAI-TMNCHERASSHOPL0T12A/MPAJ/08/2013/02 bertarikh 2hb Ogos 2013.

2.2.7 Cadangan permohonan permit korekan ini melibatkan sebahagian jajaran jalan utama dan melibatkan kerja pengorekan jalan yang panjang. Sehubungan dengan itu, pihak jabatan telah mengambil inisiatif untuk membentangkan permohonan ini bagi memaklumkan kepada Mesyuarat untuk perbincangan bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

2.2.8 Pihak Jabatan juga akan mengambil tindakan seperti syor dan keputusan Mesyuarat bagi memastikan keadaan jalan yang terlibat dengan kerja-kerja pengorekan dapat dilaksanakan pembaikan/penurapan dengan baik dan sempurna bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Kerja-kerja pembaikan perlu dilaksanakan dalam

tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Sepanjang tempoh berkenaan, pihak pemohon adalah bertanggungjawab membaiki keadaan jalan di kawasan berkenaan agar diselenggara dengan baik.

2.2.9 Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-

- a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- b) Pemohon perlu mengemukakan cadangan pengurusan lalulintas dan pengurusan trafik di kawasan keseluruhan cadangan pengorekan jalan.
- c) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.
- d) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan bagi keseluruhan jajaran yang terlibat.

- e) kerja-kerja penanaman rumput dan memperbaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan dibuat pada bahu jalan.
- f) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
- g) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan pelaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.

2.2.10 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan permit tutup/korek/guna jalan bagi cadangan kerja-kerja pemasangan lurang J9(precast) dan jajaran sesalur (laluan) untuk kerja naiktaraf rangkaian telekomunikasi sedia ada (digi) di Jalan Bukit Permai Utama, Jalan Bukit Permai, Jalan Bukit Permai 1 & 5, Taman Bukit Permai, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

2.3 KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN BAGI KERJA-KERJA RASIONALISASI 17 LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI KAWASAN KERAMAT

2.3.1 Suhati Sdn Bhd telah mengemukakan permohonan permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 1336 meter bagi kerja-kerja menaiktaraf dan membina sistem rangkaian paip pembedungan.

2.3.2 Cadangan jajaran kerja-kerja korekan jalan melibatkan Jalan AU4, Jalan AU5, Jalan AU5C/6, Jalan Permata 9, Jalan AU5D/1 dan Jalan Persiaran Permata 2, di Taman Permata dengan menggunakan kaedah pengorekan terbuka sepanjang 482 meter dan kaedah 'pipe jacking' sepanjang 854 meter.

2.3.3 Kerja-kerja pengorekan jalan ini melibatkan jalan kawasan perumahan dan jalan yang baru diturap oleh pihak majlis.

2.3.4 Pihak jabatan telah mengeluarkan surat ulasan kepada pemohon untuk mengemukakan bayaran wang cagaran dan bayaran yuran proses melalui surat no ruj.MPAJ.KEJ.KB.720-03/10C/13(3) bertarikh 6hb Ogos 2013.

2.3.5 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 145,050.15 dan yuran proses sebanyak RM 668.00 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan.

- 2.3.6 Pihak pemohon telah mengemukakan bayaran wang cagaran dan yuran proses kepada pihak jabatan pada 29hb Ogos 2013. Berdasarkan kepada semakan, permohonan ini telah lengkap dan telah mematuhi ulasan jabatan.
- 2.3.7 Cadangan permohonan permit korekan ini melibatkan sebahagian jajaran jalan utama dan melibatkan kerja pengorekan jalan yang panjang serta kaedah pengorekan 'pipe jacking' yang melibatkan jalan baru. Sehubungan dengan itu, pihak jabatan telah mengambil inisiatif untuk membentangkan permohonan ini bagi memaklumkan kepada Mesyuarat untuk bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.
- 2.3.8 Pihak Jabatan juga akan mengambil tindakan seperti syor dan keputusan mesyuarat bagi memastikan keadaan jalan yang terlibat dengan kerja-kerja pengorekan dapat dilaksanakan pembaikan/ penurapan dengan baik dan sempurna bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Kerja-kerja pembaikan perlu dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Sepanjang tempoh berkenaan, pihak pemohon adalah bertanggungjawab membaiki keadaan jalan di kawasan berkenaan agar diselenggara dengan baik.

2.3.9 Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-

- a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- b) Pemohon perlu mengemukakan cadangan pengurusan lalulintas dan pengurusan trafik di kawasan keseluruhan cadangan pengorekan jalan.
- c) Pemohon perlu mengemukakan kaedah kerja atau 'Method Of Statement' bagi kerja - kerja pengorekan dan pembaikan yang akan dilaksanakan
- d) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.
- e) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan bagi keseluruhan jajaran yang terlibat.
- f) Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan dibuat pada bahu jalan.

- g) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
- h) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan pelaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.

2.3.10 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan permit korekan jalan bagi kerja-kerja rasionalisasi 17 loji rawatan kumbahan di kawasan keramat.

2.4 KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN DI JALAN MULIA 1/1, TAMAN BUKIT ANTARABANGSA, MUKIM HULU KELANG, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN

2.4.1 Kota Menara Ufuk Sdn Bhd telah mengemukakan permohonan permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 700.45 meter bagi kerja-kerja menaiktaraf dan membina sistem rangkaian paip pembetulan.

- 2.4.2 Cadangan jajaran kerja-kerja korekan jalan melibatkan Jalan Mulia 1/1, di Taman Bukit Antarabangsa dengan menggunakan kaedah pengorekan terbuka sepanjang 514.9 meter dan kaedah 'pipe jacking' sepanjang 185.55 meter.
- 2.4.3 Kerja-kerja pengorekan jalan ini melibatkan jalan kawasan perumahan dan jalan utama di Taman Bukit Antarabangsa.
- 2.4.4 Pihak jabatan telah mengeluarkan surat ulasan kepada pemohon untuk mengemukakan bayaran wang cagaran dan bayaran yuran proses melalui surat no ruj.MPAJ.KEJ.KB.720-03/11C/13(3) bertarikh 30hb Ogos 2013.
- 2.4.5 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 449, 472.59 dan yuran proses sebanyak RM 430.23.00 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan.
- 2.4.6 Cadangan permohonan permit korekan ini melibatkan sebahagian jajaran jalan utama dan melibatkan kerja pengorekan jalan yang panjang serta kaedah pengorekan 'pipe jacking' yang dalam dengan kedalaman kira-kira 8.0m. Sehubungan dengan itu, pihak jabatan telah mengambil inisiatif untuk membentangkan permohonan ini bagi memaklumkan kepada Mesyuarat untuk perbincangan bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

2.4.7 Pihak Jabatan juga akan mengambil tindakan seperti syor dan keputusan mesyuarat bagi memastikan keadaan jalan yang terlibat dengan kerja-kerja pengorekan dapat dilaksanakan pembaikan/ penurapan dengan baik dan sempurna bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Kerja-kerja pembaikan perlu dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Sepanjang tempoh berkenaan, pihak pemohon adalah bertanggungjawab membaiki keadaan jalan di kawasan berkenaan agar diselenggara dengan baik.

2.4.8 Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-

- a) Pemohon perlu mengemukakan bayaran wang cagaran berjumlah RM 499, 472.59 dan bayaran yuran proses berjumlah RM 430.23.
- b) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- c) Pemohon perlu mengemukakan cadangan pengurusan lalulintas dan pengurusan trafik di kawasan keseluruhan cadangan pengorekan jalan.
- d) Pemohon perlu mengemukakan kaedah kerja atau 'Method Of Statement' bagi kerja - kerja pengorekan dan pembaikan yang akan dilaksanakan.

- e) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.
- f) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan bagi keseluruhan jajaran yang terlibat.
- g) Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan dibuat pada bahu jalan.
- h) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
- i) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemetongan wang cagaran dibuat dan pelaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.

2.4.9 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan permit korekan jalan di jalan mulia 1/1, Taman Bukit Antarabangsa, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan oleh Kota Menara Ufuk Sdn Bhd.

3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :

3.1. KAJIAN PENYELESAIAN TRAFIK DI JALAN DAGANG DAN SUSUR MASUK BALAI POLIS AMPANG

Pihak JKR memaklumkan kerja-kerja pemasangan lampu isyarat di Jalan Dagang dan susur masuk ke Balai Polis Ampang akan dilaksanakan oleh JKR Ibu Pejabat (Bahagian Elektrik) pada akhir tahun 2013.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.2. KAJIAN ALIRAN TRAFIK

Kerja-kerja menaiktaraf bagi mengatasi masalah aliran trafik di hadapan Masjid Bandar Baru Ampang dan Flat Sri Nilam di dalam pelaksanaan pihak kontraktor dan dijangka siap pada Bulan Oktober 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.3. MENAIKTARAF JALAN SUSUR DI MRR2 (BERHAMPIRAN JALAN F KG PANDAN)

Kerja-kerja penambahbaikan di jalan susur di MRR2 (berhampiran Jalan F Kg Pandan) dalam proses penyediaan sebutbarga dan kerja akan dilaksanakan pada akhir Bulan Oktober 2013. Jabatan diminta menyemak semula di lokasi kerana terdapat bekas jalan dipotong yang menyebabkan risiko keselamatan terutama kepada penunggang motosikal.

Tindakan :
JKR Ibu Pejabat

3.4. PEMBUKAAN JALAN

Pihak jabatan telah menerima maklumbalas dari Jabatan Perhutanan Selangor bahawa pembukaan jalan dari markas tentera ke Jalan Cheras Hartamas (berhadapan pangsapuri Kempas) adalah bersifat sementara dan jalan tersebut akan ditutup selepas kerja-kerja siap sepenuhnya. Pemantauan susulan akan dilaksanakan oleh pihak jabatan dari masa ke semasa.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.5. PELEBARAN JALAN

Pihak pemaju akan melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di persimpangan keluar Jalan Cheras Hartamas dan Jalan DBKL. Kerja-kerja dijangka akan dilaksanakan pada November 2013.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.6. KEJADIAN BANJIR DI JALAN F TAMAN MELAWATI

Mesyuarat penyelarasan bersama pihak JPS dan jabatan-jabatan dalaman majlis telah diadakan pada 23 Ogos 2013 bagi membincangkan berkenaan isu pembinaan perangkap sampah di 'monsun drain' berhampiran di Jalan F Taman Melawati sehingga menyebabkan banjir kilat. Pihak jabatan telah mengeluarkan surat ulasan kepada pihak JPS pada 2 September 2013. Surat memohon ulasan telah dikeluarkan kepada Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan pada 2 September 2013.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan/
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.7. KEJADIAN BANJIR KILAT

Sebut harga bagi menaiktaraf 'culvert' untuk mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Jalan 1D, Kg. Lembah Jaya Selatan dijangka akan diiklankan pada bulan Oktober 2013.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.8. PERMOHONAN BONGGOL

Kerja-kerja pembinaan bonggol di Jalan 49 (berhampiran Apartment Glenview Villa) menuju ke pejabat JKP telah dilaksanakan.

Makluman

3.9. KEPERLUAN 'RAILING'

Kerja-kerja meletakkan 'railing' di selekoh masuk ke Jalan Cempaka dari MRR2 (Taman Bakti) telah siap dilaksanakan pada bulan Jun 2013. Kerja-kerja membaiki railing di Jalan A telah rosak akibat dilanggar oleh kenderaan juga telah dilaksanakan.

Makluman

3.10. MOHON PEMBINAAN 'RAILING'

Berdasarkan semakan ditapak iaitu di Jalan Pandan Ilmu, Pandan Indah ruang pejalan kaki mempunyai kelebaran lebih 3m. Diantara jalan dan ruang pejalan kaki dipisahkan oleh 'kerb' setinggi 300mm. Oleh yang demikian keperluan untuk pemasangan railing tidak mendesak buat masa kini dan disyorkan untuk Program Bandar Selamat.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.11. PENYELENGGARAAN SUNGAI KONGSI 8

Pihak JPS memaklumkan jabatan dalam proses penyediaan tender bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Kongsi 8 di Taman TAR. Tender bagi kerja-kerja tersebut telah ditutup pada 25 Julai 2013. Anggaran kos bagi kerja-kerja tersebut adalah sebanyak RM 4 juta. Lantikan kontraktor dijangka pada bulan September 2013. Jabatan Kejuruteraan diminta menyemak semula keadaan semasa ditapak memandangkan kos penyelenggaraan yang agak tinggi.

Tindakan:
JPS Gombak

3.12. PENYELENGGARAAN LONGKANG DI LORONG-LORONG KG PANDAN DALAM

Kerja-kerja pembersihan di laksanakan oleh kontraktor kawasan mengikut jadual iaitu 15 hari untuk satu pusingan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.13. PEMBAIKAN BAHU JALAN DAN LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan bahu jalan di tepi Pangsapuri Cengal yang terhakis adalah akibat aliran 'run off' yang tinggi telah dilaksanakan.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.14. HAKISAN TANAH

Pihak jabatan memaklumkan kerja-kerja pembaikan tebing akibat hakisan tanah di Riana Ukay dan Kg Sering Ukay telah dilaksanakan oleh pihak JPS namun pihak jabatan belum mendapat makluman berkenaan status keutuhan tebing tersebut. Jabatan sedang menunggu maklumbalas dari pihak JPS untuk melaksanakan kerja-kerja penurapan semula jalan tersebut.

Tindakan:

JPS Gombak

3.15. TEBING RUNTUH

Sebuttharga bagi kerja kerja pembaikan tebing runtuh (monsun drain) di Jalan Enggang 13 dijangka akan diiklankan pada Bulan Oktober 2013.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.16. LAMPU JALAN

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan di Jalan Ampang telah dilaksanakan.

Jabatan diminta untuk menyemak semula dengan pihak JKR berhubung kerja-kerja pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana kawasan tersebut gelap. Dalam mesyuarat yang lepas, pihak JKR memaklumkan kos untuk menyediakan lampu jalan mencecah RM 3 juta.

Tindakan :

**JKR Hulu Langat
Jabatan Kejuruteraan**

3.17. MOHON TUKAR TIANG LAMPU

Kerja-kerja penggantian tiang lampu lama (tiang kayu) kepada tiang konkrit di Kg. Cheras Baru dalam tindakan pihak TNB.

Tindakan :

TNB/

Jabatan Kejuruteraan

3.18. LORONG TEPI RUMAH YANG BERPAGAR

Berhubung isu lorong tepi rumah antara rumah No. 21 dan 23 Jalan Melur 11, Taman Melur yang telah dipagar dan dijadikan hak individu oleh pemilik rumah, pihak jabatan dalam proses penyelarasan untuk operasi meroboh struktur tersebut bersama Jabatan Penguatkuasa. Operasi perobohan tersebut telah dilaksanakan pada 17 September 2013.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

Jabatan Undang-Undang

3.19. PENYELENGGARAAN KAWASAN LAPANG

Pihak TNB memaklumkan akan merujuk kepada bahagian berkenaan berhubung tindakan pembersihan bagi kawasan lapang di bawah kabel TNB di sekitar Lorong Enggang 15 dan Jalan Enggang Timur 1 yang ditumbuhi semak samun dan belukar.

Tindakan:

TNB

SULIT

3.20. PENYELENGGARAAN DI PENCAWANG ELEKTRIK TNB

Pihak TNB memaklumkan akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pencawang-pencawang elektik TNB di sekitar Taman Keramat terutama di AU 1B, AU 1A, AU 3/1 Keramat Permai yang telah dipenuhi rumput dalam waktu terdekat.

Tindakan :

TNB

3.21. SEMAK SAMUN BERSEBELAH SEKOLAH RENDAH PANDAN INDAH

Jabatan memaklumkan kerja-kerja pembersihan tanah yang bersemak samun bersebelahan Sekolah Rendah Pandan Indah telah dilaksanakan pada 7 Julai 2013 oleh pihak Majlis. Kerja-Kerja pembersihan akan dilaksanakan semula dalam tempoh 4 bulan akan datang iaitu pada bulan November 2013. Jabatan akan menghantar surat kepada Pejabat Pelajaran Daerah untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.22. PENYELENGGARAN KAWASAN DI HADAPAN HOTEL FLAMINGO

Mesyuarat berkenaan isu persempadanan kawasan berhadapan Hotel Flamingo yang tidak diselenggara dengan baik bersama jabatan luar yang berkaitan telah diadakan pada 05 September 2013 namun hanya pihak JKR

Hulu Langat sahaja yang hadir. Satu mesyuarat lain akan diadakan untuk membincangkan perkara ini bersama pihak DBKL dan JKR Gombak. Kerja-kerja pembersihan kawasan akan dilaksanakan oleh kontraktor majlis buat sementara waktu sehingga isu persempadanan ini selesai.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.23. MENUTUP TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH

Pihak jabatan berpendapat isu pembuangan sampah haram di laluan masuk ke Flat Pandan Indah 3/6 berhampiran rumah teres Jalan 3/6 adalah disebabkan sikap penduduk yang suka membuang sampah merata-rata. Walabagaimana pun pihak kontraktor tetap menjalankan kerja-kerja kutipan sampah dilokasi tersebut mengikut jadual serta mengutip sampah yang bertaburan. Pemohonan pemasangan 'boomgate' masih dalam pertimbangan pihak LT.

Makluman

3.24. PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI PANDAN UTAMA

Pihak jabatan berpandangan pemasangan papan tanda tidak menyelesaikan masalah pembuangan sampah haram di kawasan rumah kedai Pandan Utama Fasa 1 tersebut. Jabatan akan memantau kawasan tersebut dari masa ke semasa dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

Makluman

3.25. RUMAH SAMPAH BERBAU BUSUK DI FLAT PANDAN UTAMA

Lawatan bersama ahli majlis kawasan En Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis telah diadakan pada 10 September 2013 untuk melihat lokasi yang dicadangkan untuk mengalihkan rumah sampah yang terletak di Flat Pandan Utama. Pihak jabatan dimaklumkan cadangan rekabentuk rumah sampah tersebut telah siap. Jabatan Bangunan dan Senibina diminta untuk menghubungi pihak pemaju Sriwijaya untuk pembinaan rumah sampah tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.26. ISU LORONG BELAKANG DI AMPANG POINT

Berhubung isu premis yang mempunyai struktur 'awning' dan struktur yang terletak di rezab parit dan jalan (yang menghalang laluan) di lorong belakang Ampang Point pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada 6 buah premis di bawah Akta 72 (1) (Meroboh) pada 29 Ogos 2013 dan 21 Ogos 2013. Tempoh notis adalah selama 14 hari. Pihak pemilik premis telah membuat rayuan dan jabatan telah memberi tempoh sehingga 30 September 2013 untuk mereka merobohkan sendiri struktur tersebut. Tindakan perobohan akan dibuat selepas tarikh tersebut sekiranya mereka gagal mematuhi arahan yang diberikan.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

Jabatan Penguatkuasa

3.27. TONG KITAR SEMULA TANPA KEBENARAN

Sebanyak 19 permohonan tong kitar semula di atas jalan oleh pemohon iaitu PASS telah diluluskan. Manakala 16 permohonan dari PKMMKS juga telah diluluskan.

Makluman

3.28. PERMOHONAN MENGADAKAN PUSAT JAGAAN KANAK- KANAK

Pihak jabatan telah menghantar permohonan bagi mengadakan tempat pusat jagaan kanak-kanak di Taman Cheras Hartamas kepada pihak Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk mewartakan tapak tersebut sebagai rezab tadika. Jabatan sentiasa menghubungi pihak yang terlibat untuk mendapatkan maklumbalas berhubung status permohonan dari masa ke semasa.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

PTD Hulu Langat

3.29. SETINGGAN DI KG MUHIBBAH

Pihak jabatan telah mengeluarkan surat peringatan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat pada 11 Jun 2013 berkaitan isu setinggan di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah di mana terdapat 4 buah setinggan yang didiami oleh warga

asing (Indonesia) di atas tanah kerajaan. Pihak PTD Hulu Langat telah mengadakan lawatan tapak pada awal Bulan September 2013 dan satu mesyuarat tindakan bersama akan diadakan dalam waktu terdekat.

Tindakan :

PTD Hulu Langat

Jabatan Perancang Bandar

3.30. PEMBINAAN TANGKI AIR

Berhubung isu tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan Fasa 1 dan 2 dan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam, jabatan telah memaklumkan sekali lagi kepada pihak YB Iskandar Bin Abd Samad pada 05 September 2013. YB Iskandar Bin Abd Samad akan menetapkan tarikh untuk perbincangan dengan pihak pemaju.

Tindakan:

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.31. AIR MASUK KE DALAM DEWAN TERUTAMA MUSIM HUJAN DI DEWAN MPAJ KG CHERAS BARU

Jabatan mengesyorkan supaya kawasan dewan MPAJ Kg. Cheras Baru supaya diratakan dan pembinaan longkang dibuat disekeliling dewan. Tindakan selanjutnya oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.32. LIMPAHAN AIR KETIKA HUJAN LEBAT

Kerja-kerja pembersihan longkang di Jalan Ikan Jelawat Ampang Campuran telah dilaksanakan oleh kontraktor kawasan pada 7 September 2013.

Makluman

3.33. KAWASAN TERNAKAN DI LERENG JALAN

Pihak PTD Hulu Langat masih menunggu maklumbalas dari Jabatan Perhutanan berkenaan isu kawasan lereng jalan di Jalan Hulu Langat yang dijadikan kawasan ternakan haiwan seperti rusa, kambing, ayam dan sebagainya kerana terdapat pertindihan sempadan kawasan.

Tindakan :
PTD Hulu Langat

3.34. ISU PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN UKAY PERDANA

Mesyuarat telah diadakan pada 22 Ogos 2013 bersama pihak Kem. Pelajaran Malaysia, JKR Cerun, IKRAM dan jabatan teknikal lain yang berkaitan. Pihak perunding memaklumkan pihak JPS Gombak telah mensyaratkan pembinaan OSD dalam kawasan pembangunan sekolah. Walau bagaimanapun perunding memohon untuk pengecualian pembinaan OSD tersebut. Pihak JPS Gombak menolak rayuan dan mengemukakan perkara tersebut kepada JPS Negeri. Pihak JPS Negeri juga menolak rayuan

dan mengekalkan syarat pembinaan OSD. Pihak perunding telah mengemukakan cadangan pembinaan OSD di tapak kepada JPS Negeri dan sedang menunggu ulasan dan sokongan jabatan tersebut.

Pihak JKR Cerun memaklumkan pihak jabatan dalam proses semakan lanjut ke atas cadangan pembangunan dan menunggu sokongan dan kelulusan pihak JPS Negeri berkaitan pembinaan OSD. Pihak JKR Cerun juga memaklumkan kelewatan jabatan memberi ulasan adalah disebabkan oleh beberapa isu teknikal di tapak yang melibatkan pembinaan cerun potongan dan keadaan rupabumi tapak yang perlu dilihat dengan terperinci agar sekolah yang dibina berada dalam keadaan yang selamat.

Pihak JPS telah memberi sokongan berkaitan OSD. Pihak pemohon iaitu Kementerian Pendidikan dalam proses permohonan tapak sekolah kerana masih berstatus tanah kerajaan. JKR unit cerun memerlukan maklumat dan kajian terperinci kerana tapak terlibat adalah cerun.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar

3.35. KEROSAKAN TAPAK ZON HIJAU

Kerja-kerja pembaikan di tapak zon hijau di Bukit Segar Jaya 2 dan Pangsapuri Cemara yang telah rosak akibat kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak Maxis telah dilaksanakan.

Makluman

3.36. PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS (TASK FORCE)

Lawatan telah dibuat bersama Ahli Majlis di sekitar kawasan Jalan Ikan Jelawat 10, Kg Ampang Campuran yang sering dilanda banjir kilat. Cadangan penubuhan jawatankuasa 'taskforce' banjir akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam akan datang.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.37. PENYELENGGARAAN PADANG

Kerja-kerja penyelenggaraan padang di Taman Dagang Fasa 1 dalam tindakan oleh pihak jabatan.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.38. 'CULVERT' TERSUMBAT

Semakan pihak jabatan mendapati longkang sering tersumbat di Jalan A (Jalan Besar Kg. Pandan) bersebelahan jalan keluar dari Jalan H (Taman hadapan masjid) adalah disebabkan gerai PLB yang telah menutupi longkang. Longkang sering tersumbat berkemungkinan keadaan d bawah longkang telah pecah. Mesyuarat memohon pihak JKR untuk menyemak semula dilokasi memandangkan isu tersebut belum selesai.

Tindakan :
JKR Hulu Langat

3.39 PERMOHONAN LAMPU ISYARAT

Pihak jabatan sedang membuat kajian rekabentuk dan kesesuaian berkaitan permohonan dari penduduk Taman TAR untuk penyediaan lampu isyarat di persimpangan Jalan Kerja Air Lama dan Jalan 4K Ampang Jaya. Kerja-kerja akan disenaraikan dalam perancangan kerja jabatan 2014.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.40 TURAP JALAN

Semakan semula jabatan mendapati pemasangan 'interlocking pavement' dipersimpangan Jalan Pandan Makmur dan Jalan Pandan Ilmu tidak sesuai dilaksanakan. Walau bagaimanapun kerja-kerja turapan telah dilaksanakan.

Makluman

3.41 MOHON PEMBINAAN DEWAN DAN GELANGGANG FUTSAL

Pihak jabatan akan menyemak semula permohonan penduduk supaya dibina sebuah dewan dan gelanggang futsal di tapak tanah kosong di Taman Ampang Saujana. Lokasi tanah yang dicadangkan terletak di hujung bersebelahan kandang kambing. Semakan oleh ahli majlis kawasan ia merupakan rezab dewan dan gelanggang futsal.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.42 MOHON PEMBINAAN LALUAN SIAR KAKI

Berhubung isu pembinaan laluan siar kaki di sepanjang Jalan Teratai 1 /2, Taman Bukit Teratai Ampang, semakan jabatan mendapati ianya adalah rezab JKR. Pihak JKR memaklumkan akan membuat pertimbangan untuk menyediakan keperluan tersebut sekiranya ada peruntukkan. Pihak majlis juga akan membantu sekiranya terdapat keperluan yang mendesak.

Tindakan :
JKR Hulu Langat
Jabatan Kejuruteraan

3.43 KEMALANGAN DARI JALAN HULU LANGAT KE TASIK TAMBAHAN

Kerja-kerja menyediakan bonggol dan 'speedbreaker' untuk penyelesaian masalah kemalangan yang sering berlaku di persimpangan Jalan Hulu Langat (menuruni bukit) ke Tasik Tambahan telah dilaksanakan.

Makluman

3.44 KEMUDAHAN PEJABAT POS DI PANDAN PERDANA

Jabatan telah mengeluarkan surat kepada Pejabat Pos Besar pada 22 Julai 2013 berhubung keperluan Pejabat Pos di Pandan Perdana namun tiada sebarang maklumbalas diterima.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar

3.45 LAMPU JALAN TIDAK BERFUNGSI

Lampu jalan di hadapan Flat Dato Ahmad Razali hingga hadapan Dewan Dato Ahmad Razali adalah di bawah seliaan pihak JKR. Walau bagaimana pun pihak Jabatan Kejuruteraan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan tersebut.

Makluman

3.46 PENIAGA DI MEDAN SELERA SRI TANJUNG

Jabatan akan membekalkan tong sampah kepada peniaga-peniaga di medan selera Sri Tanjung, Ampang Jaya dalam waktu terdekat.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.47 PEMBINAAN BUMBUNG DI GELANGGANG BOLA KERANJANG

Jabatan Bangunan dan Senibina telah menghubungi pihak ICU, JPM berkenaan pembinaan bumbung gelanggang bola keranjang di Kuala Ampang. Pihak ICU telah mengemukakan pelan dan sijil siap kerja pada 19 September 2013.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.48 BENDERA PARTI

Jabatan telah menjalankan operasi menurunkan bendera parti di sekitar kawasan Taman Melawati pada 18 September 2013. Mesyuarat memaklumkan terdapat banyak lagi bendera-bendera parti yang belum diturunkan disekitar kawasan majlis. Pihak jabatan akan meneruskan operasi penurunan bendera ini dan memantau dari masa ke semasa.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.49 PERMOHONAN BONGGOL

Berhubung isu permohonan pembinaan bonggol berhadapan Apartment Sri Melor Ukay Perdana jabatan memaklumkan berdasarkan garis panduan pembinaan bonggol majlis, tiada bonggol dibenarkan untuk dibina di jalan yang mempunyai rizab 66 kaki. Walaubagaimana pun sekiranya terdapat keperluan mendesak, pihak jabatan akan menyediakan kertas kerja khas untuk cadangan pembinaan.

Mesyuarat mencadangkan untuk menyediakan 'speedbreaker' sekiranya pembinaan bonggol kurang bersesuaian. Pihak jabatan akan mempertimbangkan permohonan ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.50 PERMOHONAN TOL

Permohonan pembinaan pondok pengawal dan boom gate oleh Persatuan Penduduk Taman Sering Ukay, Ukay Perdana telah diluluskan pada 19 Julai 2013 dalam Mesyuarat J/K OSC Bil.14/2013. Pihak Persatuan Penduduk sedang menunggu maklumbalas dari Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

Tindakan:
PTD Gombak

3.51 MOHON LINTASAN BELANG DAN 'SPEED BREAKER'

Kerja-kerja menyediakan lintasan belang 'zebra crossing' dan 'speedbreaker' di persimpangan Jalan 1 (lampu isyarat) dan lampu isyarat persimpangan Jalan Tasek Tambahan 1 dengan Jalan Tasek Tambahan untuk keperluan kanak-kanak sekolah melintas jalan akan dilaksanakan pada Bulan Oktober 2013.

Tindakan :
JKR Hulu Langat

3.52 LONGKANG PECAH

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di seberang K Club Taman Melawati (sebelah taska) telah dilaksanakan.

Makluman

3.53 LAMPU LINTASAN KESELAMATAN

Cadangan pemasangan lampu lintasan keselamatan di hadapan Sekolah Agama Lembah Jaya dalam peringkat kajian jabatan dan akan disenaraikan dalam perancangan kerja jabatan 2014.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.54 RUMPUT TIDAK DIPOTONG

Kerja-kerja pemotongan rumput di persekitaran padang futsal Desa Lembah Permai dan Kg. Sg. Seputeh telah dilaksanakan. Pihak jabatan akan membuat pemantauan dari masa ke semasa untuk memastikan kontraktor menjalankan kerja mengikut jadual.

Makluman

3.55 LONGKANG ROSAK

Kerja –kerja pembaikan longkang rosak di Kg. Ampang Indah seperti di lokasi berikut telah dilaksanakan pada 06 September 2013.

- i. Hadapan lot 1318 & 1825, Jalan Indah 8/2.
- ii. Hadapan lot 1311A, Jalan Indah 8/3.

Makluman

3.56 PEMOTONGAN RUMPUT DAN SAPUAN JALAN TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN BAIK

Semakan jabatan mendapati lokasi tersebut adalah di dalam kawasan Flat Ampang Saujana. Kerja-kerja pembersihan di bawah tanggungjawab pihak JMB.

Makluman

3.57 KERETA BURUK

Jabatan memakluman notis telah dikeluarkan terhadap kereta buruk di sekitar Blok A2, Flat Ampang Saujana. Pemantauan yang dijalankan pada 12 September 2013 mendapati kereta tersebut telah dialihkan.

Makluman

3.58 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan di di sepanjang Jalan Indah Permai dan Jalan Indah Permai 1, Kg. Ampang Indah Permai telah dilaksanakan oleh pihak TNB.

Makluman

3.59 KEPERLUAN LAMPU JALAN

Kerja-kerja pemasangan lampu jalan di hadapan Lot 1401 Jalan Indah 9, Kg. Ampang Indah telah dilaksanakan.

Makluman

3.60 TURAP JALAN

Kerja-kerja turapan jalan di Kg. Ampang Indah (masyarakat India) akan dilaksanakan setelah kelulusan tajuk diperolehi dari PWN dengan menggunakan peruntukkan MARRIS.

Makluman

3.61 PAPAN TANDA LARANGAN MEMBUANG SAMPAH

Berhubung permohonan pemasangan papan tanda 'Dilarang Membuang Sampah' di sekitar Jalan watan 29 dan Jalan Watan 24, Taman Watan, jabatan berpandangan pemasangan papan tanda tidak membantu menyelesaikan masalah pembuangan sampah haram tersebut. Lokasi tersebut sering dijadikan tempat pembuangan sampah oleh penduduk sekitar. Pemantauan berterusan akan dilaksanakan oleh jabatan dari masa ke semasa.

Makluman

3.62 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BELUKAR

Pihak jabatan akan menjalankan kerja-kerja cantasan pokok dan pembersihan di Ampang Saujana Elite (sebelah tembok sempadan) setelah mendapat kebenaran dari Jabatan Perhutanan. Jabatan telah memanjangkan isu ini ke Jabatan Perhutanan untuk maklumbalas selanjutnya.

Makluman

3.63 PENGGANTIAN TIANG LAMPU

Kerja-kerja penggantian tiang lampu yang hilang setelah kerja-kerja pelebaran jalan di laksanakan di hadapan zon hijau, Bukit Segar Jaya 2 telah dilaksanakan.

Makluman

3.64 'ROLLER SHUTTER' TERTUTUP

Jabatan Bangunan dan Senibina serta Bahagian COB telah menghubungi pihak pemaju berhubung isu rumah sampah di hadapan kedai Bukit Segar bagi mendapatkan kunci 'roller shutter' rumah sampah tersebut namun pihak pemaju tidak menyimpan kunci tersebut. Pengerusi memohon supaya Jabatan Penguatkuasa memecahkan kunci rumah sampah tersebut supaya ia boleh digunakan.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

Jabatan Penguatkuasa

3.65 PERMOHONAN PEMBUKAAN JALAN KE TAMAN BUKIT SEGAR

Jabatan telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama ahli majlis, Jabatan Perancang Bandar, pihak DBKL dan wakil persatuan penduduk pada 27 Ogos 2013 berkenaan isu sambungan jalan ke kawasan pentadbiran DBKL. Susulan dari itu surat memohon maklumbalas dan ulasan dari pihak DBKL telah dikemukakan pada 30 Ogos 2013 melalui surat no. Ruj.MPAJ.KEJ.KB.720-03-01-1 jld 17 (41) untuk cadangan pembukaan jalan di antara Vista Mas dan Danau Mas serta jalan ke Taman Bukit Segar Jaya 1. Memo

kepada Jabatan Perancang Bandar juga telah dikemukakan untuk mendapatkan ulasan pada 02 September 2013.

Bagi permohonan pembukaan jalan di antara Pangsapuri Kempas dan Pangsapuri Cengal pihak DBKL telah mengemukakan maklumbalas bahawa jalan berkenaan tidak boleh disambungkan kerana ianya adalah lot persendirian (lot 39723).

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.66 PERMOHONAN PADANG

Berkenaan isu permohonan padang ceria untuk penduduk di Zon 24 berhampiran tasik di hadapan Danau Mas atau di tepi surau, Pangsapuri Bukit Segar A1, Jalan Cheras Hartamas jabatan memaklumkan Program Padang Cergas akan dilaksanakan mengikut DUN. Lokasi telah dikenalpasti dan pelaksanaan akan dibuat secara berperingkat dalam tempoh 5 tahun bergantung kepada peruntukkan jabatan.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.67 SEMAKAN KAWASAN LAPANG

Kerja-kerja semakan kawasan lapang di Bukit Segar Jaya 2 kerana di dapati tanah di kawasan tersebut sentiasa basah dan lembap masih dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.68 PEMBAIKAN LONGKANG

Kerja-kerja pembersihan longkang di Bukit Segar Jaya 2 terutamanya longkang di tepi tapak permainan kanak-kanak yang telah pecah telah dilaksanakan. Kerja-kerja pembaikan longkang dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.69 KEPERLUAN KEMUDAHAN DEWAN

Keperluan sebuah dewan orang ramai di Zon 24 untuk kegunaan penduduk akan disenaraikan dalam bajet pembangunan tahun 2014. Jabatan akan mengadakan mesyuarat penyelarasan dalam waktu terdekat.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.70 PEMBINAAN TANDAS HARAM

Pihak jabatan memaklumkan notis telah dikeluarkan pada 20 Ogos 2013 terhadap peniaga yang membina struktur (sangkar besi) tanpa kebenaran di pasar pagi Taman Maju Jaya. Pihak peniaga telah mengemukakan rayuan kepada jabatan serta ke Pejabat Menteri Besar. Peniaga juga memaklumkan struktur tersebut dibina untuk menyimpan barang-barang catering mereka. Jabatan telah mengarahkan peniaga untuk menanggalkan struktur (sangkar besi) tersebut dengan segera sebelum tindakan penguatkuasaan dan perobohan dijalankan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.71 PENDAWAIAN ELEKTRIK HARAM

Bahagian COB telah mengambil tindakan dengan menghubungi pihak yang membuat penyambungan elektrik tanpa kebenaran untuk kegunaan gerai-gerai haram di sekitar kawasan lapang Flat Taman Dagang Fasa 2A namun tiada jawapan. Laporan juga telah dibuat kepada pihak TNB dan Suruhanjaya Tenaga untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan :
Bahagian COB**

3.72 REBAN AYAM

Jabatan telah mengeluarkan notis kepada penduduk yang membina reban ayam di kawasan lapang di Flat Taman Dagang Fasa 2A. Jabatan telah merobohkan struktur tersebut pada 27 Ogos 2013.

Makluman

3.73 KENDERAAN BURUK

Jabatan telah mengeluarkan notis terhadap sebuah kenderaan buruk terbiar di Lorong L Kg. Pandan Dalam yang telah lama diletakkan di tepi jalan. Pemantauan yang telah dibuat pada 12 September 2013 mendapati kereta tersebut telah dialihkan.

Makluman

3.74 CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di lokasi di bawah adalah seperti berikut telah dilaksanakan.

- i. 3 pokok besar di Jalan Mawar 15.
- ii. Jalan Bunga Cempaka 6A .
- iii. Jalan Bunga Mawar 5A .

Makluman

3.75 PELEBARAN JALAN

Berhubung isu pelebaran jalan di Jalan Bunga Melati 8 yang telah ditangguhkan jabatan telah menghantar surat susulan kepada YB ADUN berkaitan perkara ini pada 17 Ogos 2013. Pihak jabatan sedang menunggu maklumbalas dari pihak ADUN. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan diminta untuk meneruskan kerja-kerja memindahkan peniaga di kawasan tersebut untuk memberi ruang kerja-kerja pelebaran jalan yang akan dilaksanakan.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.76 PERSEMPADANAN ZONING SEBAHAGIAN KAWASAN AHLI MAJLIS

Semakan semula berhubung persempadanan zoning kawasan Ahli Majlis bagi Zon 21 dan 22 telah selesai dilaksanakan.

Makluman

SULIT

3.77 MENAIKTARAF LONGKANG

Jabatan memaklumkan sebutharga bagi kerja-kerja menaiktaraf longkang di Jalan 12 Ampang Jaya akan diiklankan pada bulan Oktober 2013 menggunakan peruntukkan jabatan.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.78 TEBING RUNTUH

Jabatan memaklumkan kerja-kerja pembaikan tebing runtuh di sungai Kg Melayu di Jalan Pinang, Kg. Melayu Ampang di bawah tanggungjawab pihak JPS. Surat makluman telah dihantar kepada pihak JPS untuk tindakan.

**Tindakan :
JPS Hulu Langat**

3.79 TURAP JALAN

Kerja-kerja penampalan jalan di sekitar kawasan Public Bank Kg. Melayu telah dilaksanakan.

Makluman

3.80 STATUS TANAH UKRC

Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkara ini telah dibawa ke peringkat negeri dan Majlis menunggu keputusan mesyuarat MMKN berhubung perkara ini dan tindakan selanjutnya. Pihak

Jabatan Belia dan Masyarakat akan mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan jabatan-jabatan terlibat untuk pengambilalihan padang UKRC di Kuala Ampang tersebut dalam waktu terdekat.

Tindakan :

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.81 PROSEDUR PEMBINAAN DI ATAS TANAH MILIK KERAJAAN YANG DISELIA OLEH MAJLIS

Jabatan memaklumkan berdasarkan pekeliling Kerajaan Negeri hanya projek daripada JKR (tanpa melalui perunding) sahaja yang hendak dibangunkan tidak memerlukan kelulusan Kebenaran Merancang. Selain daripada itu perlu melalui proses Kelulusan Kebenaran Merancang.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

3.82 PAPAN TANDA TUNJUK ARAH

Jabatan akan menyemak semula permohonan penduduk Taman Melur memohon supaya di tambah papan tanda tunjuk arah ke Taman Melur. Jabatan tiada masalah untuk membuat penambahan papan tanda di kawasan seliaan majlis mengikut keperluan. Mesyuarat juga memohon supaya papan tanda yang rosak dan dikotori oleh stiker haram supaya dapat dibersihkan.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.83 PERKHIDMATAN KONTRAKTOR SISA PEPEJAL

Jabatan telah memberi teguran kepada kontraktor kawasan iaitu Syarikat S.K.I berhubung isu kontraktor sisa pepejal di kawasan Taman Keramat yang tidak menjalankan tugas dengan baik . Pihak jabatan akan meneruskan pemantauan di kawasan tersebut dari masa ke semasa.

Makluman

3.84 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan di sekitar Ampang Point berdekatan Restoren Rasyid telah dilaksanakan.

Makluman

3.85 KAJIAN TRAFIK DI SEKITAR AMPANG POINT

Jabatan sedang melaksanakan kajian berhubung isu trafik lalu lintas di sekitar kawasan Ampang Point yang sering berlaku kesesakan. Pembentangan kajian akan dibuat dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.86 PEMASANGAN 'INTERLOCKING' DI AMPANG POINT

Kajian telah dilaksanakan oleh jabatan berkenaan isu memasang 'interlocking' di antara pembahagi jalan di kawasan Ampang Point. Kerja-kerja akan dilaksanakan pada bulan Oktober.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.87 MENAIKTARAF JERJI BESI PERANGKAP AIR HUJAN

Kerja-kerja menaiktaraf jerji besi perangkap air hujan di Jalan Saga 5 (persimpangan antara jalan Saga 1 dan Jalan Melur 11 serta Melur 15 dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.88 MOHON PEMBINAAN TANGGA

Lawatan bersama ahli majlis telah dibuat dan mendapati tiada keperluan pembinaan tangga pada cerun dari Jalan Saga 5 ke Jalan Saga 6.

Makluman

3.89 BAS DILETAKKAN DI BAHU JALAN

Pada 23 September 2013, pihak jabatan telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah bas yang diletakkan di bahu jalan di Jalan Taman Mawar. Aduan juga telah dipanjangkan kepada SPAD untuk tindakan lanjut.

Makluman

3.90 PEMBAKARAN TERBUKA

Isu pembakaran terbuka di atas jalan di kawasan Taman Bukit Teratai dan Taman Megah Jaya sehingga menyebabkan premix jalan rosak telah selesai kerana pembakaran tersebut adalah berkaitan dengan aktiviti keagamaan.

Makluman

3.91 LONGKANG ROSAK

Kerja-kerja pembaikan longkang di hadapan Surau Al Huda Taman Maju Jaya Fasa 3 mengalami kerosakan telah dilaksanakan.

Makluman

3.92 MENAIKTARAF DAN PEMBERSIHAN JEJANTAS DI PANDAN INDAH

Jabatan akan melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf jejantas di Pandan Indah.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.93 PERMOHONAN LAMPU LIMPAH

Pihak jabatan akan mengadakan pnyelarasan bersama Jabatan Kejuruteraan berhubung isu permohonan penduduk supaya dipasang lampu limpah di Dewan Taman Bukit Indah.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.94 PERMOHONAN TAMBAHAN LAMPU LIMPAH

Pemasangan lampu jalan tambahan di kawasan Taman Botani Taman Bukit Indah akan dilaksanakan pada Bulan Oktober 2013.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.95 PERMOHONAN BONGGOL

Berdasarkan garis panduan, tiada keperluan pembinaan bonggol di Jalan 12 Taman Muda. Ianya lebih kepada sikap penduduk dan pemandu. Walau bagaimana pun pihak jabatan akan menyemak semula perkara ini dan sekiranya keperluan mendesak kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.96 LONGKANG RUNTUH

Kerja-kerja pembaikan longkang runtuh diantara pasar pagi dan pasar pagi ekspos di Taman Muda dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.97 LONGKANG RUNTUH

Kerja-kerja pembaikan longkang runtuh di Jalan Bunga Tanjung 8 Taman Muda dalam tindakan pihak jabatan.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.98 PAPAN TANDA RUNTUH

Kerja-kerja pembaikan papan tanda nama taman di Jalan 3/1 Taman Pandan Perdana yang runtuh telah dilaksanakan pada 6 September 2013.

Makluman

3.99 PAPAN TANDA ROSAK

Kerja-kerja pembaikan papan tanda 'Jalan Perdana 9/10' yang telah rosak telah dilaksanakan pada 6 September 2013.

Makluman

3.100 JALAN ROSAK

Kerja-kerja pembaikan jalan rosak di Jalan 3/1 Pandan Perdana berhampiran selekoh menghala ke Pandan Height Condo telah dilaksanakan.

Makluman

3.101 PAPAN TANDA DILARANG MELETAKKAN KENDERAAN

Kerja-kerja pembaikan papan tanda 'Dilarang Meletakkan Kenderaan' di Jalan 6/2 Pandan Perdana telah dilaksanakan pada 6 September 2013.

Makluman

3.102 TURAP JALAN

Berdasarkan semakan jabatan, Jalan 12 & 14 Cheras Indah adalah tidak membahayakan. Walau bagaimana pun kerja-kerja penampalan akan dilaksanakan dari masa ke semasa.

Makluman

3.103 PERMOHONAN PENUTUP LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan penutup longkang di kawasan perniagaan Pandan Perdana Jalan 4/1,4/3,4/5 dan 4/8 dalam tindakan kontraktor.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.104 ISU DI RUMAH TERES TAMAN LEMBAH MAJU

Kerja-kerja penyapuan di Jalan Maju 1/2 Lembah Maju dan padang permainan di kawasan rumah teres 2 tingkat Taman Lembah Maju telah dilaksanakan pada 3 September 2013 dan mengikut jadual oleh kontraktor kawasan PPA 43.

Makluman

3.105 KREN PANJANG DILETAKKAN DI BAHU JALAN

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis pada 17 September 2013 terhadap kren panjang yang diletakkan di atas rumput di bahu jalan di Jalan 5/7 Pandan Perdana (belakang tennis court). Pemilik dikehendaki mengalihkan kren tersebut dalam tempoh 3 hari dari tarikh notis.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

3.106 TEBING LONGKANG PECAH

Kerja-kerja pembaikan ke atas tebing longkang pecah dan rosak di Lembah Maju jalan 1/21/4,1/6,1/8,1/5 dan 1/7 dalam tindakan kontraktor.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.107 PEMBAIKAN TIANG GOL

Kerja-kerja pembaikan tiang gol yang telah tumbang di padang awam Jalan Indah 11 Cheras Indah sedang dilaksanakan oleh jabatan dan dijangka selesai pada Bulan Oktober 2013.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.108 BINAAN STRUKTUR HARAM

Pihak jabatan akan menyemak semula berhubung pembinaan struktur haram di hujung Jalan 9/10 Pandan Perdana (belakang kuil hindu).

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.109 'CAR WASH' HARAM

Tindakan sitaan terhadap 'car wash' haram bersebelahan Dewan Cheras Indah telah dilaksanakan pada 29 Ogos 2013.

Makluman

3.110 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Berkenaan isu lampu jalan di sepanjang jalan hadapan Cheras Hartamas fasa 1 tidak menyala dan jalan tersebut juga tidak disapu pihak jabatan akan memanjangkan perkara tersebut kepada pihak MPKj untuk tindakan.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.111 LONGKANG TERSUMBAT

Semakan jabatan ke atas longkang di seluruh kawasan 'Ampang Korea Town' yang tersumbat mendapati terdapat slab penutup longkang jatuh ke dalam longkang dan menyebabkan longkang tersumbat. Jabatan akan

membuat semakan semula dan mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu ini.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.112 PEMBERSIHAN SEMAK SAMUN

Pihak jabatan akan memaklumkan kepada Jabatan Perhutanan supaya menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan belakang Cheras Hartamas fasa 1 (bersebelahan pejabat JKP) yang bersemak samun dan lalang yang tumbuh tinggi.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.113 ISU LORI DITAPAK BINAAN

Jabatan telah mengeluarkan surat arahan kepada pihak pemaju Tetuan Future League Sdn.Bhd. untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan 'interlocking pavement' yang pecah di jalan bulatan hadapan Danau Mas dan Vista Mas, Cheras Hartamas.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.114 PEMASANGAN TIANG LAMPU DI TASEK PERMAI

Pihak jabatan memaklumkan pemasangan struktur tiang lampu di Lot 1200 Kg Tasek Permai telah siap dan jabatan sedang menyelaras bersama pihak TNB untuk bekalan elektrik disalurkan.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.115 'STOP WORK ORDER' KEPADA PEMAJU THE MARKS

Notis telah dikeluarkan kepada pihak pemaju The Marks pada 30 Julai 2013 yang telah menghantar tanah, batu bata ke Taman Bukit Segar. Susulan dari itu, pihak jabatan telah mengemukakan laporan tawaran kompaun kepada Jabatan Undang-undang pada 30 Julai 2013 dan mengemukakan surat kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat pada 30 Julai 2013 untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.116 MOHON LAMPU JALAN

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan di tapak letak kenderaan dan seluruh kawasan Flat Taman Dagang telah dilaksanakan. Kerja-kerja tambahan lampu jalan akan dilaksanakan secara berperingkat.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.117 GERAI HARAM DIDIRIKAN DI ATAS TEMPAT LETAK KENDERAAN

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis terhadap peniaga yang mendirikan gerai di tempat letak kereta Flat Taman Nirwana pada 9 September 2013. Tempoh notis adalah selama 7 hari.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.118 TURAP JALAN

Kerja-kerja turapan jalan di Jalan Cempaka 14 (hadapan 7 Eleven) telah dilaksanakan.

Makluman

3.119 AIR BERTAKUNG

Berhubung isu air bertakung di longkang di hadapan rumah no 45 Jalan F, Kg Pandan Dalam sehingga menyebabkan banjir jabatan memaklumkan keadaan longkang yang kecil tidak dapat menampung kapasiti air apabila hujan lebat pada satu masa. Walau bagaimana pun kerja-kerja pembersihan dilaksanakan mengikut jadual iaitu 15 hari satu pusingan.

Makluman

3.120 MOHON LAMPU DI TAMAN MESTIKA

Semakan jabatan mendapati pemasangan lampu di kawasan flat Taman Mestika adalah di bawah tanggungjawab pihak JMB. Walau bagaimana pun pihak JMB tidak dapat melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kerana tidak mempunyai dana. Bahagian COB bercadang untuk menggantikan ejen pengurusan sediaada dengan yang baru namun perbincangan perlu dibuat bersama ejen sediaada untuk menyelesaikan isu berbangkit yang belum selesai seperti hutang yuran pengurusan, bil utiliti yang tidak dijelaskan oleh pembeli petak dan sebagainya. Mesyuarat mencadangkan supaya tindakan diambil terhadap penyewa dan pembeli petak yang tidak menjelaskan bayaran bil.

Tindakan :
Bahagian COB

3.121 KENDERAAN DI BAHU JALAN

Berhubung isu kenderaan yang di letakkan di kedua-dua belah bahu jalan di Jalan 49, Kg Cheras Baru hadapan Glenview Apartment, pihak jabatan telah mengeluarkan 58 tawaran kompaun kepada pemilik kenderaan di bawah Seksyen 46(1)(g), Akta Jalan parit dan Bangunan 1974. 35 kertas siasatan telah dibuka bagi tujuan pendakwaan.

Makluman

3.122 ISU PEMBINAAN STRUKTUR BANGUNAN DI KUALA AMPANG

Pihak JPS akan menjalankan operasi merobohkan binaan bangunan di tanah rezab JPS di Kuala Ampang (belakang sekolah) pada 30 September 2013.

Tindakan :
JPS Gombak

4. HAL-HAL LAIN**TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD. KAMIS****4.1 ADUAN KEDAI HARAM**

Terdapat aduan dari penduduk sekitar pada 23 September 2013 berkenaan semua kedai haram yang beroperasi di no. 1 Lorong Luas K1 Kg. Pandan Dalam. Mohon ambil tindakan.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan

4.2 PERMOHONAN LAMPU LIMPAH

Mohon jabatan untuk memasang lampu limpah di tapak permainan kanak-kanak di Padang Taman Dagang Fasa 3 serta di tapak permainan kanak-kanak di Flat Pandan Utama.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.3 PAPAN TANDA JALAN ROSAK

Mohon jabatan berkaitan untuk menukar papan tanda jalan serta papan tanda lorong di Taman Dagang fasa 1 yang kebanyakan telah rosak.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

PUAN SIAN KENG ENG

4.4 TRELER PANJANG DILETAKKAN DI BAHU JALAN

Sebuah lori treler panjang di letakkan di bahu jalan di Jalan Cheras Hartamas (berhampiran Pangsapuri Bukit segar dan bus stop) pada waktu malam hingga ke pagi. Treler panjang ini telah merosakkan bahu jalan tersebut. Aduan telah dibuat kepada pihak JPJ namun tiada sebarang tindakan diambil. Mohon ambil tindakan penguatkuasaan.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

4.5 PENUTUP BESI LONGKANG MELINTANGI JALAN

Terdapat penutup besi longkang yang melintang jalan di hadapan Pangsapuri Kempas dan di hadapan The Marks Jalan Cheras Hartamas yang perlu ditukar ke konkrit slab atau sebagainya. Penutup ini berbunyi bising apabila kenderaan lalu di situ. Mohon semakan semula isu ini dan tindakan.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

TUAN WONG KHAI PUN**4.6 TUNGGUL POKOK TIDAK DIANGKAT**

Tunggul pokok yang telah ditebang di hadapan rumah no. 1 Jalan 7/3 Pandan Perdana minta diangkat.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.7 PERMOHONAN PEMBAIKAN BAHU JALAN

Bahu jalan di Jalan 10/8 Pandan Perdana bersebelahan dengan Apartment Pandan Terrace dan Old Town Cafe One Shamelin didapati telah hampir setaraf dengan jalan raya. Mohon kerja-kerja pembaikan dan meninggikan bahu jalan tersebut serta mohon pemasangan railing bagi keselamatan pejalan-pejalan kaki.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.8 PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Terdapat aktiviti pembuangan sampah haram di 2 lokasi iaitu di kawasan lapang tepi loji kumbahan serta kawasan lapang hadapan Restoran Tim Fatt di Jalan 5/7 Pandan Perdana. Mohon dipagarkan kedua-dua lokasi tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

TUAN MOHAMAD BIN SAMAT**4.9 MOHON PENEANGAN POKOK**

Mohon kerja-kerja peneangan pokok dan pembersihan sepenuhnya pokok liar dan tinggi bersebelahan Pejabat Ahli Majlis di Jalan Mega 7, Taman Mega Jaya Ampang.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.10 LONGKANG PECAH DAN TERSUMBAT

Hakisan/gelinciran tanah pada cerun di Jalan Saga 5, Taman Saga Ampang menyebabkan longkang pecah dan tersumbat. Mohon tindakan yang sewajarnya.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.11 ALIRAN AIR LONGKANG TERSEKAT

Aliran air longkang tersekat di Jalan Melur 43 dan 45 Taman Melur Ampang. Mohon semakan dan tindakan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

Jabatan Kejuruteraan

4.12 LONGKANG PERLU DIBAIKI

Mohon kerja-kerja pembaikan longkang di Jalan Teratai 1 /2 (hadapan substation TNB) Taman Bukit Teratai Ampang.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

TUAN A. JALIL BIN HASAN**4.13 MOHON PEMBERSIHAN POKOK MEMANJAT**

Mohon dibersihkan pokok-pokok memanjat yang sedang menutup permukaan tembok nama Padang Perbandaran MPAJ Pandan Indah.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

TUAN MAT JUSOH BIN DOLLAH**4.14 PENUTUP BESI LONGKANG HILANG**

Penutup besi longkang di sekitar Flat Desa Lembah Permai hilang dan perlu digantikan kerana amat merbahaya kepada keselamatan penduduk.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.15 LONGKANG ROSAK DAN PECAH

Longkang rosak dan pecah di belakang rumah Jalan Dagang 3A Taman Dagang Jaya mohon dibaiki.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.16 LONGKANG PERLU DIBAIKI

Longkang pecah dan perlu dibaiki di Jalan Indah 9, Kg. Ampang Indah.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.17 LONGKANG ROSAK

Longkang rosak di tepi lampu isyarat Jalan Dagang 17, Taman Dagang Jaya (Depan Pasti ILMU Taman Dagang Jaya)

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.18 MOHON PAPAN TANDA UNTUK KEDUDUKAN BAS RAPID KL

Beliau memohon supaya diletakkan papan tanda kedudukan bas Rapid KL memandangkan kedudukan bas yang agak bertaburan di sekitar kawasan majlis. Selain itu peletakan papan tanda tersebut juga dapat memberi kemudahan kepada para penumpang. Jabatan memaklumkan pihak syarikat Rapid KL telah membuat permohonan bagi memasang papan tanda tersebut dan jabatan

dalam peringkat penyelarasan. Pada dasarnya pihak majlis tiada halangan bagi pemasangan papan tanda tersebut di lokasi yang bersesuaian.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

TUAN HAJI ALI BIN ISMAI

4.19 MENAIKTARAF JEJANTAS DI TERMINAL LRT

Beliau mencadangkan agar jabatan membuat kajian bagi menambah assori sama ada membina lift atau escalator di jejantas terminal LRT Jalan Ampang untuk memberi keselesaan kepada pejalan kaki yang menggunakan jejantas tersebut. Cadangan kos pembinaan daripada pihak LRT atau syarikat korporat di dalam program CSR. Cadangan ini juga boleh diguna pakai untuk jejantas di Pandan Indah (hadapan Maxisegar) dan jejantas di hadapan Ampang Point. Di samping itu juga ia lebih mesra pengguna kepada golongan OKU.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

TUAN HAMSAH BIN DJABIR

4.20 PEMBAIKAN TANDA NAMA JALAN

Mohon kerja-kerja pembaikan tanda nama jalan di sekitar Taman Sri Ukay, Bukit Antarabangsa.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.21 PEMBERSIHAN JEJANTAS

Mohon kerja-kerja pembersihan jejantas di LRT Ampang.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.22 JALAN BERLUBANG

Jalan berlubang di Jalan Merbau dan Jalan Kempas, Kg. Melayu Ampang dan perlu kerja-kerja penampalan.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

TUAN LIM FONG LEN**4.23 HAKISAN TANAH**

Terdapat hakisan tanah di bawah konkrit longkang yang telah runtuh di persimpangan Jalan Bunga Tanjung 8B, Taman Muda hadapan kedai kopi. Mohon semakan dan tindakan.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.24 JALAN BERLUBANG

Aduan beberapa jalan berlubang dan perlu dibaiki di lokasi-lokasi berikut:

- i. Jalan Bunga Tanjung 7, Taman Muda (hadapan BHP Petrol)
- ii. Persimpangan Jalan Bunga Tanjung 13 dan Jalan Bunga Tanjung 19 Taman Muda
- iii. Jalan Bunga Tanjung 18, Taman Muda

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.25 LONGKANG RUNTUH

Longkang runtuh di hadapan Dewan Orang Ramai Taman Muda, Jalan Bunga Mawar, Taman Muda. Mohon kerja-kerja pembaikan.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.26 LONGKANG TERSUMBAT

Mohon tindakan diambil terhadap longkang yang tersumbat di Jalan Bunga Tanjung 7, Taman Muda. Terdapat binaan struktur di hadapan kedai-kedai di situ sehingga menyebabkan kerja-kerja pembersihan sukar dilaksanakan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

TUAN RAZALI BIN RAMLY**4.27 JAMBATAN BERLUBANG BERHAMPIRAN MASJID AR-RIDHUAN**

Beliau memaklumkan jambatan berhampiran Masjid Ar Ridhuan telah berlubang dan menyebabkan kerosakan pada 'interlocking' di kawasan tersebut. Mohon pihak JPS untuk menyemak perkara ini dan melaksanakan tindakan pembaikan.

**Tindakan:
JPS Gombak**

4.28 PEMBINAAN 'INTERLOCKING' KURANG SEMPURNA DAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

Kerja-kerja pembinaan 'interlocking' di Bulatan AU 3 Keramat kurang sempurna dan tidak mengikut spesifikasi sehingga membahayakan kepada penunggang motosikal dan pengguna lalu lintas yang lain. Selain itu, kontraktor yang menjalankan pembinaan tersebut juga tidak membersihkan sisa-sisa binaan yang digunakan di kawasan tersebut dengan sempurna. Pihak jabatan memaklumkan pihak jabatan telah mengeluarkan arahan kepada kontraktor tersebut untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan 2 minggu yang lalu dan sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja tersebut bayaran hanya akan dibuat untuk kos bahan yang terlibat sahaja. Walau bagaimanapun jabatan memaklumkan kerja-kerja pembaikan telah mula dilaksanakan pada 23 September 2013. Pemantauan dari masa ke semasa akan dilaksanakan bagi memastikan melaksanakan kerja-kerja dengan sempurna.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

SULIT

5. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
27 September 2013

4.6.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT
SETEMPAT (OSC) BIL.17/2013

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 17/2013**

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 11 HB SEPT 2013 (RABU)

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
ARAS 16, MPAJ**

KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT

BIL	HADIR	JABATAN / AGENSI
1.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua (Pengerusi)
2.	Tn. Razali B. Ramly	Ahli Majlis MPAJ
3.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
5.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
6.	En. Mohd Zuwahir B. Wandu	Pej. Tanah & Daerah Gombak
7.	En. Ahmad B. Muhamad Yusoff	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
8.	En. Mohammad Said B. Timon	JPBD Selangor
9.	En. Muhammad Zuhairi B. Zanudin	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
10.	ASP Mohd Saidi Ab. Rashid	PDRM (Daerah Ampang)
11.	Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
12.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
13.	Pn. Hazian Bt. Yaakob	Jab. Alam Sekitar Selangor
14.	Pn. Noor Izzati Bt. Abas	Indah Water Konsortium (IWK)
15.	Pn. Seetha a/p Mariappan	TNB Distribution Sdn. Bhd.
16.	En. Mohd Fauzi B. Embong	POS Malaysia Berhad
17.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
18.	En. ZafrulFazry B. MohdFauzi	Jab. Kejuruteraan MPAJ (Cerun)
19.	Pn. Masni Manja Bt. Md Sidek	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
20.	En. Johari B. Atli	Jab. Undang-Undang MPAJ
21.	En. Khairulazmi B. Abd Rahman	Jab. Penilaian & Pengurusan Harta
22.	Pn. Rohana Bt. Mohd Nor	Ketua Bahagian OSC
23.	Pn. Intan Azuana Bt. Haris	Urusetia OSC Pembangunan
24.	Pn. Rozita Bt. Razali	Urusetia OSC Pembangunan
25.	Pn. Rahah Bt. Jalaludin	Urusetia OSC Pembangunan
26.	En. Arbaie Kadinan	Jab. Penguatkuasa

TURUT HADIR

- | | |
|---|------------------------|
| 1. En. Mohd Azli B. Othman | Jab. Perancang Bandar |
| 2. En. Kamarulnizam B. A. Ghani | Jab. Perancang Bandar |
| 3. Pn. Ruziana Bt. Leemon | Jab. Perancang Bandar |
| 4. Pn. Norizan Bt. Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 5. En. Syed Noornekman B. Syed Abdullah | Jab. Perancang Bandar |
| 6. Pn. Juhaida Bt. Kassim | Jab. Perancang Bandar |
| 7. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah | Jab. Perancang Bandar |
| 8. Pn. Nurul Husna Bt. M. Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 9. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf | Jab. Bangunan Senibina |
| 10. Pn. Maslinda Bt. Mohd Yusuf | Jab. Bangunan Senibina |
| 11. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid | Jab. Bangunan Senibina |
| 12. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak | Jab. Kejuruteraan |
| 13. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil | Jab. Kejuruteraan |
| 14. Pn. Noor Hasliza Bt. Ismail | Jab. Perlesenan |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | |
|--------------------------------------|--------------------|
| 1. Jab. Mineral & Geosains Selangor | TIDAK HADIR |
| 2. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd | TIDAK HADIR |
| 3. Jab. Kerja Raya Gombak | TIDAK HADIR |
| 4. Jab. Kerja Raya Hulu Langat | TIDAK HADIR |
| 5. Jab. Pengairan & Saliran Selangor | TIDAK HADIR |
| 6. SYABAS | TIDAK HADIR |
| 7. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) | TIDAK HADIR |
| 8. SKMM Wilayah Tengah | TIDAK HADIR |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.09/2013**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 17/2013 telah diadakan pada 11 Sept 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Tiga (3) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan dua (2) diluluskan dengan syarat dan satu (1) ditangguhkan.

(LAMPIRAN 1)

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

2.2.1 Dua (2) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan , satu (1) diluluskan dengan syarat dan satu (1) telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 2)

2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG

Dua (2) cadangan Permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan, dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 3)

2.4 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (SESEBUAH)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Sesebuah) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 4)

2.5 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar guna) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 5)

2.6 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (BILLBOARD)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Billboard) telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 6)

2.7 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)

Satu (1) cadangan Kebenaran Merancang (Pelbagai) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

(LAMPIRAN 7)

2.8 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN**(RUMAH SESEBUAH)**

Satu (1) cadangan Pelan bangunan (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dan diluluskan.

(LAMPIRAN 8)

2.9 HAL-HAL LAIN

2.9.1 Sebanyak 38 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 39 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalam telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 17/2013.

2.9.2 Sebanyak 2 Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah Dan Infrastruktur telah diproses, satu(1) diluluskan dan satu (1) dibatalkan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 17/2013.

2.9.3 Sebanyak 1 Permohonan Pelan Lampu Jalan telah diproses dan dibatalkan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 17/2013.

2.9.4 Sebanyak 1 Permohonan Pelan Landskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 17/2013.

(LAMPIRAN 9)

2.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiga (3) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.1 TETUAN JAYA TERNAK SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Jaya Ternak Sdn. Bhd.**
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Sebuah Kompleks Perniagaan 22 Tingkat Yang Mengandungi :
a) 1 Tingkat Tempat Letak Kereta (Basemen)
b) 2 Tingkat Pusat Perniagaan
c) 10 Tingkat Tempat Letak Kereta
d) 2 Tingkat Panggung Wayang Dan
e) 8 Tingkat Hotel
Di Atas Lot 44765 (PT 2819) Dan Lot 39590 (PT 27354), Jalan Mewah Utara, Pandan Mewah, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-21/2013
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/66/11
Perunding : JTC Planners Sdn. Bhd.
ADUN : Y.B. Iskandar B. Abd. Samad (DUN Cempaka)
Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah ditangguhkan di dalam Jawatankuasa OSC Bil. 14/2013 pada 19 Julai 2013 kerana masih belum mematuhi arahan bertulis yang dikeluarkan oleh pihak jabatan serta belum mematuhi lain-lain keperluan jabatan teknikal berkaitan.
ii) Walau bagaimanapun, permohonan ini tidak menerima sebarang bantahan dari penduduk sekitar.
- Ulasan IWK
i) Memaklumkan bahawa pam kolam kumbahan berada di luar bangunan tapak cadangan. Pihak IWK meminta supaya pam kumbahan diserahkan kepada pihak IWK untuk diselenggarakan.

Ulasan Jurutera, MPAJ

- i) En. Zahari mengesyorkan 1 jalan masuk dan 1 jalan keluar disediakan serta ditunjukkan di atas pelan serta pemohon perlu menyediakan laporan TIA.

Ulasan JMG

- i) Memaklumkan bahawa kawasan tersebut merupakan kawasan bekas lombong hasil aktiviti perlombongan yang pernah aktif di kawasan tersebut. Pemohon perlu mengemukakan laporan S.I (Soil Investigation) kepada pihak JMG untuk penilaian dan pihak pemaju adalah bertanggungjawab membuat 'Soil Investigation' secara berkala untuk mengetahui keadaan tanah dari masa ke semasa.

Ulasan Tuan Pengerusi

- i) Tuan pengerusi mengesyorkan permohonan ini dimaklumkan semula kepada pembantah sebelum ini telah membuat bantahan kepada permohonan sebelum ini dan menjelaskan tentang kedudukan terkini bagi perletakan 'sewage pump', tempat letak kereta gantian dan laporan TIA yang perlu diperincikan oleh perunding atau pemohon.

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i) Perlu mengadakan taklimat pembangunan kepada pembantah yang telah membuat bantahan kepada permohonan terdahulu.
- ii) Pemohon meminda TIA selaras dengan keputusan taklimat pembangunan terdahulu dan membuat pembentangan semula pembentangan TIA tersebut.
- iii) Pemohon perlu menyediakan ruang perniagaan atau kiosk sebanyak 5% daripada ruang lantai kasar perniagaan kepada MPAJ.
- iv) Memberi penjelasan cadangan tapak 'water suction tank' sama ada diberi hakmilik berasingan atau sebaliknya.
- v) Menunjukkan dan melabelkan lokasi OSD di dalam pelan susunatur.

- vi) Memperincikan bilangan tempat letak kereta yang disediakan di dalam jadual butiran kegunaan bangunan.
- vii) Menyediakan 10 petak TLK OKU dan meminda kiraan keperluan tersebut.
- viii) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ iaitu:
 - a) Mengemukakan pelan Syif
 - b) Mengemukakan Pelan akui (CP)
 - c) Mengemukakan cadangan menurap jalan di sekeliling tapak pembangunan
 - d) Menunjukkan dengan jelas 'discharge outlet' daripada tapak cadangan hingga ke longkang utama.
 - e) Mengemukakan cadangan bagi menaiktaraf longkang sedia ada.
 - f) Mengemukakan laporan 'Traffic Impact assessment' (TIA) bagi kawasan pembangunan serta kesan terhadap kawasan persekitaran termasuk cadangan dan langkah penyelesaian
 - g) Mengemukakan cadangan pembinaan laluan pejalan kaki di sekeliling tapak pembangunan dengan mengambilkira konsep Bandar Selamat dan Mesra OKU.
- ix) Mematuhi ulasan dan syarat JPBD Negeri Selangor iaitu:
 - a) Mematuhi Dasar Pengenaan Kedai Mampu Milik (Kedai Kos Rendah) bagi kompleks perniagaan iaitu menyediakan 10% daripada keseluruhan ruang lantai kasar sebagai Kedai Mampu Milik dalam bentuk saiz lot kecil atau kiosk untuk disewa.
- x) Mematuhi ulasan dan syarat JPS Hulu Langat iaitu:
 - a) Pemaju hendaklah menyediakan tangki setoran (OSD) yang bersaiz OSD No. 1-1.0m(Witdth) x 6.3m(Length) x 1.0m(Depth) seperti dinyatakan di dalam 'Stormwater Management Report' yang dikemukakan atau sebarang 'detention facilities' yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan Manual saliran Mesra Alam.
- xi) Perlu mengemukakan laporan S.I (Soil Investigation) secara berkala kepada JMG dan

- Jabatan Kejuruteraan MPAJ untuk mengetahui keadaan tanah dari masa ke semasa.
- xii) Mematuhi ulasan dan syarat TNB iaitu menyediakan 1 unit Stesen Suis Utama dengan saiz tapak 8.0m x 7.0m

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.1.2 TETUAN GAPADU HARTA SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Gapadu Harta Sdn. Bhd.**
Tajuk : Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang Secara Serentak Bagi Cadangan Pelan Tatatur Perumahan 'Gated Community' Untuk Tujuan Penyerahan Dan Pemberilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 197/76 Ktn Dan Di Bawah Seksyen 6(1A) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Di Atas Lot Pt 3902 Hingga Lot Pt 4062 (Semuanya 161 Lot Seluas 32.54 Ekar) Dan Sebahagian Tanah Kerajaan (23.47 Ekar) Di Seksyen 2, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-24/2013
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.58.13
- Perunding : BEP Perancang Sdn. Bhd.
ADUN : Y.B. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
i) Pn. Zuraina memaklumkan Permohonan ini telah ditangguhkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 15/2013 pada 2/8/2013 sehingga jabatan-jabatan teknikal berkaitan bersama dengan Pejabat Tanah & Daerah Gombak berbincang bagi menilai serta melihat semula semua aspek merangkumi isu tanah, jalan keluar masuk dan juga keperluan-keperluan teknikal berkaitan
- Ulasan Ahli Majlis, MPAJ
i) Tn. Abdul Jalil mengesyorkan supaya permohonan ini disyaratkan untuk dikenakan tiada pengecualian bagi penyediaan rumah kos rendah, rumah sederhana rendah atau rumah kos sederhana sebanyak 298 unit dan tidak boleh mengemukakan rayuan kepada Kerajaan Negeri untuk pengecualian.

Ulasan Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ

- i) En. Zafrul memaklumkan bahawa perkara yang perlu dipatuhi adalah mengenai jajaran longkang di atas tapak cadangan. Pemohon perlu mendapatkan surat persetujuan daripada Zoo Negara dan Jais.

Ulasan Ahli Majlis, MPAJ

- i) Tn. Abdul Jalil mengesyorkan cadangan jalan baru dibuat untuk mengelakkan kesesakan jalan.

Ulasan PTD Gombak

- i) Memaklumkan pihak Jais perlu membuat penwartaan semula tanah kubur yang terlibat sekiranya pihak Jais bersetuju untuk serahan balik tanah.

- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Pemohon tidak dibenarkan memohon pengecualian pembinaan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah kos sederhana kepada Kerajaan Negeri Selangor.
 - ii) Pemohon perlu memberi penjelasan tentang rezab parit yang melibatkan tanah perkuburan di tanah milik JAIS yang melibatkan pewartaan semula dan lain-lain yang berkaitan dan mendapatkan surat kebenaran daripada JAIS.
 - iii) Pemohon perlu memberi penjelasan mengenai rezab parit yang melibatkan tanah milik Zoo Negara dan mendapatkan surat kebenaran dari pihak Zoo Negara.
 - iv) Mematuhi keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JTPKSAS) Bil. 4/2003 pada 21/5/2013.
 - v) Pemohon perlu melaksanakan pembinaan rumah kos rendah dalam tempoh 2 tahun selepas kelulusan pelan bangunan. Tempoh 2 tahun adalah bermula dari kelulusan pelan dari kelulusan pelan bangunan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana yang telah disahkan oleh Jabatan Bangunan dan Senibina di mana pelan tersebut perlu

- dikemukakan secara serentak dengan lain-lain pelan bangunan di atas tapak.
- vi) Pemohon juga perlu menyelesaikan isu berkaitan serah balik dan bermilik semula tanah dan menjelaskan bayaran premium terlebih dahulu sebelum pelan kerja tanah, pelan infrastruktur dan pelan bangunan dikemukakan. Kelulusan adalah tertakluk kepada kelulusan MMKN berkaitan permohonan serah balik dan bermilik semula tanah.
 - vii) Mengemukakan pelan bangunan dan pelan kejuruteraan bagi cadangan tapak perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana serentak dengan pelan untuk pembangunan perumahan yang lain.
 - viii) Sijil Kelayakan Menduduki (CF) hanya akan diberikan setelah progres menyiapkan rumah kos rendah/ rumah kos sederhana rendah/ rumah kos sederhana mencapai 80%.
 - ix) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan iaitu:
 - a) Mengemukakan laporan analisis kecerunan dan laporan kestabilan cerun.
 - b) Mengemukakan cadangan jalan keluar masuk daripada tapak cadangan agar ia selaras dengan jalan keluar masuk sedia ada.
 - c) Mendapatkan kelulusan dan sokongan dari pihak JPS berkenaan dengan discharge outlet dari kawasan pembangunan ke Sungai Kelang / Sungai Ampang.
 - d) Menunjukkan dengan jelas discharge outlet daripada tapak cadangan hingga ke longkang utama.
 - e) Menyediakan dan menunjukkan di dalam pelan simpanan parit di dalam kawasan perumahan.
 - f) Mengemukakan cadangan bagi menaiktaraf longkang sedia ada.
 - g) Mengemukakan cadangan menambahbaik jajaran laluan air dari tapak pembangunan yang melalui Lot 2345 dan tanah milik Zoo Negara perlu direzabkan sebagai rezab parit. Rezab parit perlu bersambung dengan sistem perparitan dari tapak pembangunan sehingga ke rezab parit / sungai yang berhampiran.

- x) Mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina iaitu:
 - a) Adakah fasa yang dinyatakan di dalam pelan kebenaran merancang merujuk kepada pembinaan kerana rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan kos sederhana dibina di dalam fasa yang terakhir.
 - b) Membuat pembetulan kerana Blok Perumahan 2 yang dinyatakan di pelan merujuk kepada 'tennis court'.
 - c) Mengasingkan hakmilik tanah dan keperluan tempat letak kereta untuk setiap jenis rumah pangsa.
 - d) Memaklumkan siapa yang akan membina surau, dewan dan tadika kerana tapak tersebut tidak diserahkan.
- xi) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.1.3 TETUAN CADS VOCATIONAL CENTRE

- Pemohon : **Tetuan CADS Vocational Centre**
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Menukar Kegunaan Bangunan Daripada Kediaman Kepada Pusat Jagaan Secara Sementara Di Lot Pt 281 Beralamat Di No. 281 Jalan B9, Taman Melawati Fasa 1, 53100 Kuala Lumpur
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/4-13 (2013)
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.72.13
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib
(DUN Hulu Kelang)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Mengemukakan permohonan pelan tambahan bangunan kepada Jabatan Bangunan dan Senibina MPAJ untuk kelulusan.
 - ii) Kelulusan tukar guna bangunan ini diberikan secara sementara dan lesen akan dikeluarkan

secara tahunan iaitu dari tahun ke tahun. Sekiranya terdapat bantahan awam atau penyalahgunaan kelulusan atau perancangan pihak Majlis pada masa hadapan, kelulusan akan ditarik balik atau dikaji semula.

- iii) Menyediakan kemudahan dan infrastruktur di tapak cadangan mengikut keperluan semasa.
- iv) Tidak menghalang lalulintas sekitar dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
- v) Mengemukakan permohonan lesen perniagaan kepada Jabatan Perlesenan, MPAJ.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

Dua (2) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.2.1(i) TETUAN VERTILOT DEVELOPMENT SDN. BHD.(PELAN KERJA TANAH)

Pemohon : **Tetuan Vertilot Dev. Sdn. Bhd**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02-169A
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/59/12
Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan 3 Blok Pembangunan Yang Mengandungi:-
Tower 1 – 1 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Setinggi 23 Tingkat Yang Berjumlah 140 Unit Jenis A1,A2,A3,B & D.
Tower 2 – 1 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Setinggi 23 Tingkat Yang Berjumlah 141 Unit Jenis A1,A2,A3,B & D.
Tower 3 – 1 Blok Soho Setinggi 31 Tingkat Yang Berjumlah 158 Unit Jenis C, C1 & C2 Beserta 8 Tingkat Podium:
12 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat, 7 Unit Kedai Mampu Milik Dan 2 Unit Pencawang Elektrik (Aras 1)
Tempat Letak Kereta Dan Motosikal (Aras 1 – Aras 6a)
Surau, Gmnasium Dan Spa, Tadika, Kolam Renang, Multipurpose Hall, Unit-Unit Komersial Dan 11 Unit Pangsapuri Perkhidmatan Jenis D (Aras 7-7a)
Pangsapuri Perkhidmatan Jenis A1,A2,A3,A4,B,C,C1,C2 & D (Aras 8-Aras 30)
Tangki Air Dan Perkhidmatan (Aras 15 & Aras 31)
Diatas Lot Pt 4587 (Hsd 78337), Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Perunding Rekacekap Sdn. Bhd
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Kassim B. Abd Aziz. (Dun Lembah Jaya)
Ulasan & : **Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan

Beliau memaklumkan pemohon masih tidak mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Beliau juga memaklumkan permohonan masih belum mendapat sokongan jabatan teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Ulasan-ulasan jabatan kejuruteraan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut : -

- a) Kerja-kerja pemotongan dan penambahan yang melibatkan tanah persendirian / tanah kerajaan hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis dari pemilik lot tersebut terlebih dahulu. Sesalinan surat kebenaran tersebut hendaklah dikemukakan.
- b) Kerja-kerja pembinaan yang melebihi sempadan tapak pembangunan adalah tidak dibenarkan.
- c) Mengemukakan cadangan pemasangan 'hoarding' di sepanjang sempadan kawasan pembangunan dan 'sign board' projek bagi kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.
- d) Saluran keluar bagi 'wash trough' hendaklah melalui silt trap.
- e) Mengemukakan cadangan fasa pembangunan serta jadual pelaksanaan projek.
- f) Mengemukakan cadangan pembinaan ESCP dan jadual penyelenggaraan di sepanjang proses pembangunan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** sehingga pemohon mematuhi ulasan jabatan kejuruteraan dan mendapat sokongan jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,
Jabatan Kerja Raya (JKR),
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.2.1(ii) **TETUAN VERTILOT DEVELOPMENT SDN. BHD. (PELAN INFRASTRUKTUR)**

Pemohon : **Tetuan Vertilot Dev. Sdn. Bhd**
 No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-03-180A
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/59/12
 Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan 3 Blok Pembangunan Yang Mengandungi:-
 Tower 1 – 1 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Setinggi 23 Tingkat Yang Berjumlah 140 Unit Jenis A1,A2,A3,B & D.
 Tower 2 – 1 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Setinggi 23 Tingkat Yang Berjumlah 141 Unit Jenis A1,A2,A3,B & D.
 Tower 3 – 1 Blok Soho Setinggi 31 Tingkat Yang Berjumlah 158 Unit Jenis C, C1 & C2 Beserta 8 Tingkat Podium:
 12 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat, 7 Unit Kedai Mampu Milik Dan 2 Unit Pencawang Elektrik (Aras 1)
 Tempat Letak Kereta Dan Motosikal (Aras 1 – Aras 6a)
 Surau, Gmnasium Dan Spa, Tadika, Kolam Renang, Multipurpose Hall, Unit-Unit Komersial Dan 11 Unit Pangsapuri Perkhidmatan Jenis D (Aras 7-7a)
 Pangsapuri Perkhidmatan Jenis A1,A2,A3,A4,B,C,C1,C2 & D (Aras 8-Aras 30)
 Tangki Air Dan Perkhidmatan (Aras 15 & Aras 31)
 Diatas Lot Pt 4587 (Hsd 78337), Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Perunding Rekacekap Sdn. Bhd
 ADUN : Y.B. Tuan Hj. Kassim B. Abd Aziz. (Dun Lembah Jaya)
 Ulasan & : **Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
 Pertanyaan

Beliau memaklumkan pemohon masih tidak mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Beliau juga memaklumkan pihak pemohon juga masih belum mematuhi ulsan jabatan teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Ulasan-ulasan jabatan kejuruteraan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut : -

a) Menyediakan 'temporary heavy duty interlocking concrete paver' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.

b) Menyediakan 'temporary I beam wash trough' yang

dilengkapi dengan 'water jet' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.

- c) Kerja-kerja pembinaan yang melebihi sempadan pembangunan adalah tidak dibenarkan.
- d) Tembok longkang yang melebihi 915mm dari 'invert level' hendaklah dibina 100mm x 100mm 'strut' dengan 2 R 12 at 3 m c/c.
- e) Saiz 'culvert' yang digunakan hendaklah tidak kurang dari 900mm diameter.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** selaras dengan penangguhan Pelan Kerja Tanah sehingga pemohon mematuhi ulasan jabatan kejuruteraan dan mendapat sokongan jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,
Jabatan Kerja Raya (JKR) ,
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.2.1(iii) TETUAN VERTILOT DEVELOPMENT SDN. BHD. (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Tetuan Vertilot Development Sdn. Bhd.**
 No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/2-14/13
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/59/12
 Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan 3 Blok Pembangunan Yang Mengandungi :-
 Tower 1 - 1 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Setinggi 23 Tingkat Yang Berjumlah 140 Unit Jenis A1, A2, A4 B & D
 Tower 2 - 1 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Setinggi 23 Tingkat Yang Berjumlah 141 Unit Jenis A1, A2, A3, B & D
 Tower 3 - 1 Blok Soho Setinggi 31 Tingkat Yang Berjumlah 158 Unit Jenis C, C1 & C2 Beserta 8 Tingkat Podium :
 12 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat, 7 Unit Kedai Mampu Milik Dan 2 Unit Pencawang Elektrik (Aras 1)
 Tempat Letak Kereta Dan Motorsikal (Aras 1 – Aras 6a)

Surau, Gimnasium dan Spa, Tadika, Kolam Renang, Multi Purpose Hall, Unit-Unit Commercial Dan 11 Unit Pangsapuri Perkhidmatan Jenis D (Aras 7 – Aras 7a) Pangsapuri Perkhidmatan Jenis A1, A2, A3, A4, B, C, C1, C2 & D (Aras 7 Hingga 30) Tangki Air Dan Perkhidmatan (Aras 15 & Aras 31) Di Atas Lot Pt 4587 (HSD 78337), Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding ADUN : KW Associate Architects Sdn. Bhd.
Y. B. Khasim Bin Abdul Aziz
(DUN Lembah Jaya)

Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.17/2013 bertarikh 11 September 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditangguhkan** selaras penangguhan Pelan Kerja Tanah, Pelan Infrastruktur dan pemohon dikehendaki mematuhi ulasan seperti surat bil (2) MPAJ.BS.KB 740-1/2-14/13 bertarikh 31/7/2013.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

2.2.2(i) TETUAN VERTILOT DEVELOPMENT SDN. BHD. (PELAN INFRASTRUKTUR)

Pemohon : **Tetuan Vertilot Development Sdn.Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ .KEJ.KB.720-03181A
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/60/12
Tajuk : Cadangan Kerja Tanah Untuk Tujuan Mendirikan 1 Blok 144 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah 20 Tingkat Termasuk Tingkat Satu Untuk Kemudahan, Kedai Dan Tempat Letak Kereta Di Atas Lot Pt 4586(Hsd 76459), Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding ADUN : Perunding Rekacekap Sdn. Bhd.
Y.B. Tuan Hj. Khasim Bin Abd Aziz (Dun Lembah Jaya).

Ulasan & Pertanyaan : **Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

Beliau memaklumkan hasil semakan pihak jabatan mendapati pihak pemohon belum mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan serta masih belum mendapat sokongan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Ulasan-ulasan Jabatan Kejuruteraan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut : -

- a) Pelan infrastruktur yang dikemukakan hendaklah selaras dengan pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- b) Mengemukakan pelan ukur keseluruhan kawasan dan sekitar termasuk menunjukkan rizab jalan dan parit yang bersambung ke jalan utama dan parit utama. Pelan ukur hendaklah disertakan dengan pelan kontur serta 'platform level' bagi kawasan pembangunan dan sekitarnya.
- c) Menyediakan 'temporary heavy duty interlocking concrete paver' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.
- d) Menyediakan 'temporary I beam wash trough' yang dilengkapi dengan 'water jet' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.
- e) Mengemukakan cadangan membina pagar agar tembok di sepanjang sempadan kawasan pembangunan. Pelan Butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan. (rumah pangsapuri dan rumah pangsa kos rendah)

Tuan Pengerusi

Beliau bertanya adakah keperluan dan ulasan jabatan yang belum dipatuhi melibatkan perubahan pada teknikal atau hanya untuk keperluan dokumentasi.

Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ

Beliau memaklumkan ulasan hanya melibatkan perubahan di atas pelan dan tidak melibatkan perubahan pada teknikal.

Tuan Pengerusi

Beliau meminta supaya permohonan dipertimbangkan untuk diluluskan dengan syarat pemohon perlu mengemukakan semula pelan mengikut ulsan jabatan sebelum pihak jabatan memberi kelulusan muktamat.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon perlu mengemukakan semula pelan selaras dengan ulsan jabatan kejuruteraan dan pemohon perlu menadapatkan sokongan jabatan teknikal yang berkaitan.

Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.

2.2.2(ii) TETUAN VERTILOT DEVELOPMENT SDN. BHD. (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Tetuan Vertilot Development Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/2-15/13
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/60/12
Tajuk : Cadangan Membina Satu Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 144 Unit 20 Tingkat Termasuk :-
Satu Tingkat Tempat Letak Kereta Di Aras 1
Satu Tingkat Untuk Kemudahan Di Aras 2
Dan Tangki Air Di Aras Lift Motor Room
Di Atas Lot P.T 4586 (Hsd 76459), Bandar Ampang,
Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : KW Associate Architects Sdn. Bhd.
ADUN : Y. B. Khasim Bin Abdul Aziz
(DUN Lembah Jaya)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.17/2013 bertarikh 11 September 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki mematuhi ulsan Jabatan Bangunan dan Senibina, MPAJ seperti surat bil. (2) MPAJ. BS. KB 740-1/2-14/2013 bertarikh 31/07/2013.

Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.3.1 TETUAN FORWARD ESTEEM

- Pemohon : **Tetuan Forward Esteem**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membina 3 Blok 'Servis Apartment 32-33 Tingkat Terdiri Daripada 24-25 Tingkat 'Servis Apartment', 7 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta, 1 Tingkat Kemudahan Dan 1 Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Melalui Serah Balik Dan Bermilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204A Kanun Tanah Negara Di Atas Lot 847, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-30/2013
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.66.13
- ADUN : Y.B. Tuan Hj. Mohamed Azmin B. Ali
(DUN Bukit Antarabangsa)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini ditangguhkan terlebih dahulu kerana pemohon masih belum mematuhi keperluan teknikal berkaitan dan Manual Garis Panduan Perancangan Negeri Selangor.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:
i) Meminda pelan susunatur dengan menyediakan perniagaan ruang tempatan berasingan yang mengandungi laundrette, salon, mini market dan memperuntukkan 10% daripada jumlah ruang lantai perniagaan sebagai ruang niaga mampu milik bagi mematuhi manual garis panduan.
ii) Meminda tajuk permohonan kepada 'Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membina 3 Blok ' Service Apartment 29-32 Tingkat Terdiri Daripada 21-24 Tingkat' Service Apartment', 7 Tingkat Podium Tik Dan 1 Tingkat

Kemudahan Serentak Dengan Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204B KTN Di Atas Lot 847, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

- iii) Menyediakan anjakan bangunan yang mencukupi bagi tapak pembangunan yang bersebelahan dengan lot 3382 (PT 9), lot 3381 (PT 8), lot 3366 (PT 5), lot 3365 (PT 10), lot 1403 (PT 6) dan lot 2238 (PT 45) iaitu minimum sudut 60 darjah.
- iv) Perlu menjelaskan bayaran caj pemajuan mengikut Kaedah-kaedah Caj Pemajuan 2010, Negeri Selangor.
- v) Memberi maklumat tambahan di dalam Laporan TIA berkaitan dengan kajian lalulintas (LOS) Jalan Lingkaran Tengah 2.
- vi) Mematuhi keputusan mesyuarat taklimat pembangunan bertarikh 28/08/2013 iaitu:
 - a) Pemaju diberi tempoh 1 bulan untuk menyediakan semua dokumen dan maklumat yang diperlukan oleh penduduk dan menyerahkan kepada pihak MPAJ untuk diedarkan kepada penduduk.
 - b) Penduduk diberi tempoh masa selama 60 hari dari tarikh penerimaan semua dokumen yang diperlukan untuk menjalankan kajian terhadap cadangan pembangunan tersebut bersama semua penduduk yang terlibat.
 - c) Pihak Perunding Trafik diminta meneliti semula kajian lalulintas yang dijalankan dan mengemukakan cadangan bagi mengatasi masalah lalulintas di tapak cadangan pembangunan dan sekitarnya.
 - d) Pihak pemaju juga perlu menitikberatkan isu-isu keselamatan penduduk demi menjaga kepentingan bersama.
 - e) Pemohon perlu menamakan nama cadangan ini, nama taman atau nama pembangunan selaras dengan Garispanduan Cadangan Menamakan Taman, MPAJ.
 - f) Menyediakan kawasan lapang 60% merangkumi 10% di atas tanah.

- vi) Mengemukakan dokumen yang lengkap kepada pihak IWK dan JKR Negeri untuk mendapatkan ulasan.
- vii) Mematuhi ulasan dan syarat serta keperluan daripada jabatan-jabatan teknikal yang terlibat

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.3.2 TETUAN FC CHOO & FAMILY SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan FC Choo & Family Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Kilang Sesebuah 1 ½ Tingkat Di Atas Lot PT 13088 (Plot 11), Jalan Kencana, Taman Kencana, Mukim Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-31/2013
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.69.13
- ADUN : Y.B. Tiew Way Keng (DUN Teratai)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini ditangguhkan terlebih dahulu kerana kerana perlu mematuhi keperluan teknikal berkaitan.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:
- i) Mengemukakan maklumat terperinci berkenaan pembinaan jalan keluar masuk ke tapak dari Jalan Kencana 20 dan membina jalan tersebut.
 - ii) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ iaitu:
 - a) Mengemukakan cadangan pembinaan jalan masuk serta sistem perparitan ke pembangunan sehingga bersambung ke jalan utama sedia ada.
 - b) Menunjukkan dengan jelas 'discharge outlet' daripada tapak cadangan hingga ke longkang utama.
 - c) Mengemukakan cadangan bagi menaiktaraf

longkang sedia ada.

- d) Pihak pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan dan sokongan dari pihak Jabatan Pengairan dan saliran (JPS)
- iii) Mematuhi ulasan Jabatan Belia dan Masyarakat iaitu pihak pemaju perlu menyediakan sekurang-kurangnya 5% kawasan lapang daripada keseluruhan pembangunan tersebut.
- iv) Mematuhi ulasan JAS iaitu permohonan hanya untuk menjalankan industri ringan aktiviti gudang untuk menyimpan tong/silinder gas LPG sahaja. Sebarang aktiviti memproses adalah tidak dibenarkan tanpa merujuk ke jabatan terlebih dahulu.
- v) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada pihak PTD Hulu Langat, SYABAS, JKR Hulu Langat, JPS, SKMM dan TNB.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Sesebuah) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.4.1 TETUAN SYABAS TIARA SDN. BHD.

Pemohon	:	Tetuan Syabas Tiara Sdn. Bhd.
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Rumah Sesebuah 2 Tingkat Berserta Kolam Renang, Di Atas Lot 4820, No.4 Jalan 7, Taman Tun Abdul Razak, Ampang, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
No. Fail PBT	:	MPAJ.PB.KP/3-35/(2013)
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.DEV.74.13
Perunding ADUN	:	Land Design Sdn. Bhd. Y.B. Tuan Hj. Khasim Bin Abd Aziz (DUN Lembah Jaya)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini diluluskan dengan syarat berikut: i) Mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar iaitu: a) Mengemukakan surat akujanji kepada Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Bangunan & Senibina bahawa bangunan cadangan adalah sebagai kediaman. ii) Mematuhi ulasan Jabatan Bangunan & Senibina iaitu: a) Mengemukakan permohonan permit meroboh beserta "Method Statement" oleh Jurutera bertanggungjawab sebelum bangunan sedia ada dirobuhkan. iii) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Jabatan Pengairan & Saliran

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.4.2 PN. SAFITRI MULYANA

Pemohon	:	Pn. Safitri Mulyana
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Rumah Sesebuah 3 Tingkat Di Atas PT 8603 Lot 93912, Jalan 4, Taman Ampang Utama, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
Perunding	:	Urban Acres Consultant
No. Fail PBT	:	MPAJ.PB.KP/3-36 (2013)
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.DEV.76.13
ADUN	:	Y.B. Tn. Haji Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut: i) Mengemukakan surat akujanji kepada Jabatan Perancang Bandar bahawa bangunan cadangan adalah sebagai kediaman. ii) Menambah satu lagi nama di dalam pelan susunatur iaitu Neni Martini Binti Mulawarman kerana terdapat 2 nama di dalam carian rasmi yang dikemukakan. iii) Mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ.**

2.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.5.1 TASKA SANG KANCIL

- Pemohon : **Taska Sang Kancil**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Menukar Kegunaan Bangunan Daripada Kediaman Kepada Tadika Secara Sementara Beralamat Di No. 1 Jalan Cahaya 19, Ampang Mewah, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : MPAJ PB.KP/4-12 (2012)
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.71.13
- ADUN : Y.B. Khasim Bin Abd Aziz
(DUN Lembah Jaya)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat seperti berikut:
- i) Mematuhi ulasan Jabatan Bangunan & Senibina iaitu:
 - a) Mengemukakan permit memasang 'awning' di hadapan bangunan dan permit sementara bagi binaan tepi serta menjelaskan gandaan 10 kali jumlah permit tersebut sebelum mengemukakan permohonan lesen di MPAJ.
 - ii) Kelulusan tukar guna bangunan ini diberikan secara sementara dan lesen akan dikeluarkan secara tahunan iaitu dari tahun ke tahun. Sekiranya terdapat bantahan awam atau penyalahgunaan kelulusan atau perancangan pihak Majlis pada masa hadapan, kelulusan akan ditarik balik atau dikaji semula.
 - iii) Menyediakan kemudahan dan infrastruktur di tapak cadangan mengikut keperluan semasa.
 - iv) Tidak menghalang lalulintas sekitar dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
 - v) Mengemukakan permohonan lesen perniagaan kepada Jabatan Perlesenan, MPAJ.

- vi) Mematuhi ulasan dan syarat serta keperluan daripada jabatan-jabatan teknikal yang terlibat.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.5.2 TASKA MAJU BISTARI

- Pemohon : **Taska Maju Bistari**
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Menukar Kegunaan Bangunan Daripada Kediaman Kepada Taska Secara Sementara Di Lot PT 11117 Beralamat Di No. 2 Jalan Enggang Timur 6, Taman Keramat Permai, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
- No. Fail PBT : MPAJ KP/4-14/2013
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.73.13
ADUN : Y.B. Tn. Haji Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Kelulusan tukar guna bangunan ini diberikan secara sementara dan lesen akan dikeluarkan secara tahun ke tahun. Sekiranya terdapat bantahan awam atau penyalahgunaan kelulusan atau perancangan pihak Majlis pada masa hadapan, kelulusan akan ditarik balik atau dikaji semula.
 - ii) Menyediakan kemudahan dan infrastruktur di tapak cadangan mengikut keperluan semasa.
 - iii) Tidak menghalang lalulintas sekitar dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
 - iv) Mengemukakan permohonan lesen perniagaan kepada Jabatan Perlesenan, MPAJ.
 - v) Mematuhi ulasan dan syarat serta keperluan daripada jabatan-jabatan teknikal yang terlibat.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ.**

2.6 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (BILLBOARD)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Billboard) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.6.1 TETUAN BIG TREE OUTDOOR SDN. BHD.

Pemohon	:	Tetuan Big Tree Outdoor Sdn. Bhd.
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan Satu Unit Papan Iklan Berukuran 60' X 40' Jenis V Shape Uni Pole Dengan Paparan 2 Muka Di Tapak Tempat Letak Kereta Stesen LRT Pandan Indah, Jalan Pandan Indah 22, Pandan Indah, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
Perunding	:	Urban Scale
No. Fail PBT	:	MPAJ PB.KP/7-6/2013
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.BB.06.13
ADUN	:	Y.B. Iskandar B. Abd Samad (DUN Cempaka)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini ditangguhkan sehingga pemohon mematuhi perkara-perkara berikut: i) Ulasan Kebenaran Merancang bertarikh 12 Ogos 2013 bagi mematuhi perkara-perkara berikut: a) Memberi penjelasan lokasi sebenar tapak perletakan billboard. b) Memberi penjelasan sama ada tapak cadangan terletak di atas Tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembentukan atau tapak yang dimiliki oleh Kumpulan Prasarana Negeri Berhad.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.7 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Pelbagai) bagi mendapatkan kebenaran membina pondok rondaan/pengawal sementara untuk rumah Ketua Polis Negara dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.7.1 ACP AMIRUDDIN B. JAMALUDDIN (KETUA POLIS DAERAH AMPANG JAYA)

Pemohon	:	ACP Amiruddin B. Jamaluddin (Ketua Polis Daerah Ampang Jaya)
Tajuk	:	Kebenaran Membina Pondok Rondaan/Pengawal Sementara Rumah Ketua Polis Negara.
No. Fail PBT ADUN	:	MPAJ PB.KP/8-6/2013 Y.B. Tiew Way keng (DUN Teratai)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat berikut: <ul style="list-style-type: none">i) Mendapatkan persetujuan daripada 2 pemilik rumah bersebelahan lorong tepi iaitu di alamat no.113 dan no.115, Jalan Teratai 2/7G.ii) Mendapatkan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (Temporary Occupation Licence-TOL) dalam tempoh 6 bulan daripada PTD Hulu Langat kerana lokasi perletakan di bahu jalan. Sekiranya gagal kelulusan akan ditarik balik.iii) Mengemukakan permit dan pelan rekabentuk bangunan pondok pengawal tersebut kepada Jabatan Bangunan MPAJ dalam tempoh 6 bulan serta mematuhi rekabentuk yang ditetapkan oleh Jabatan Bangunan, MPAJ. Sekiranya gagal kelulusan akan ditarik balik.iv) Pondok pengawal yang dibina perlu mendapatkan permit secara tahunan daripada Jabatan Bangunan MPAJ.v) Mematuhi saiz pondok pengawal yang dibenarkan iaitu 6 kaki x 8 kaki.vi) Pembinaan pondok pengawal hendaklah tidak menghalang lalulintas.vii) Tidak dibenarkan menghalang kenderaan

- keluar/masuk ke kawasan berkenaan.
- viii) Kebersihan pondok pengawal dan persekitarannya adalah di bawah tanggungjawab pihak pemohon dan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas.
 - ix) Perlantikan dan tugas Pengawal Keselamatan wajib mematuhi Akta Ejen Persendirian 1971 (Akta 27) dan keperluan Kementerian Dalam Negeri (KDN).
 - x) Sekiranya terdapat bantahan atau isu yang berbangkit berkenaan dengan pembinaan pondok pengawal dan cara beroperasi, pihak MPAJ berhak untuk menarik balik permit tersebut pada bila-bila masa.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ.**

2.8 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (RUMAH SESEBUAH)

Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.8.1 WONG MOK SAN & YAP KIM FOONG

Pemohon	:	Wong Mok San & Yap Kim Foong
No. Fail PBT	:	MPAJ BS.KB.740-1/1-33/13
No. Fail OSC	:	MPAJ/OSC/DEV/156/12
Tajuk	:	Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Rumah Banglo 2 Tingkat Sediaada Kepada 3 Tingkat Di Atas Lot 44599 Hs (D) 82474, No 21, Jalan Ch 10 Taman Cheras Hartamas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding ADUN	:	Perkhidmatan Arkitek Y. B. Tiew Way Keng (DUN Teratai)
Keputusan	:	Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.17/2013 bertarikh 11 September 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini diluluskan .

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

2.9 HAL-HAL LAIN

2.9.1 Makluman Kelulusan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai), Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalamam.

- a. Sebanyak 38 permohonan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai) telah diproses dan diluluskan.
- b. Sebanyak 39 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalamam telah diproses dan diluluskan.

2.9.2 Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur

Sebanyak dua (2) Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infra telah diproses. Satu (1) permohonan telah diluluskan dan satu (1) permohonan telah dibatalkan.

2.9.3 Makluman Permohonan Pelan Lampu Jalan

Sebanyak satu (1) Permohonan Pelan Lampu Jalan telah diproses dan telah dibatalkan.

2.9.4 Makluman Permohonan Pelan Landskap

Sebanyak satu (1) Permohonan Pelan Landskap telah diproses dan telah diluluskan.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.05 tengahari.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

4.7.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL.18/2013

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 18/2013**

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 20 HB SEPT 2013 (JUMAAT)

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
ARAS 16, MPAJ**

KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT

BIL	HADIR	JABATAN / AGENSI
1.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua (Pengerusi)
2.	Tn. Razali B. Ramly	Ahli Majlis MPAJ
3.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
5.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
6.	En. Mohd Mushawwir B. Mohd Sam	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
7.	En. Mohammad Said B. Timon	JPBD Selangor
8.	En. Muhammad Ezwan B. Dahlan	Jab. Mineral & Geosains Selangor
9.	En. Mohd Firdaus B. Ismail	Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
10.	En. Nik Mohd Dzarrin B. Ghifari	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
11.	ASP Mohd Saidi Ab. Rashid	PDRM (Daerah Ampang)
12.	Cik. Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
13.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
14.	Pn. Hazian Bt. Yaakob	Jab. Alam Sekitar Selangor
15.	En. Mohd Fauzi B. Embong	POS Malaysia Berhad
16.	En. Muhammad Wafiy B. Md Wazir	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
17.	Pn. Asiah Bt. Borhan	SKMM Wilayah Tengah
18.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
19.	En. Hasrolnizam B. Shaari	Jab. Kejuruteraan MPAJ
20.	En. Yazid B. Sarkom	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
21.	En. Johari B. Atli	Jab. Undang-Undang MPAJ
22.	En. Khairulazmi B. Abd Rahman	Jab. Penilaian & Pengurusan Harta
23.	Pn. Rohana Bt. Mohd Nor	Ketua Bahagian OSC
24.	En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim	Urusetia OSC Pembangunan
25.	Pn. Rozita Bt. Razali	Urusetia OSC Pembangunan
26.	Pn. Rahah Bt. Jalaludin	Urusetia OSC Pembangunan

- | | |
|------------------------------------|------------------------------|
| 27. Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad | Peg. Perhubungan Awam |
| 28. Pn. Yasmin B. Hadi | Jab. Perbandaran & Kesihatan |
| 29. Pn. Noor Ismezah Bt. Ismail | Jab. Belia Masyarakat |
| 30. En. Azam B. Husni | Jab. Penguatkuasa |

TURUT HADIR

- | | |
|---------------------------------------|------------------------|
| 1. En. Mohd Azli B. Othman | Jab. Perancang Bandar |
| 2. En. Kamarulnizam B. A. Ghani | Jab. Perancang Bandar |
| 3. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari | Jab. Perancang Bandar |
| 4. Pn. Norliza Bt. Masri | Jab. Perancang Bandar |
| 5. Pn. Norizan Bt. Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 6. Pn. Juhaida Bt. Kassim | Jab. Perancang Bandar |
| 7. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah | Jab. Perancang Bandar |
| 8. En. Bahari B. Sulleman | Jab. Perancang Bandar |
| 9. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf | Jab. Bangunan Senibina |
| 10. Pn. Norlina Bt. Abu Hassan | Jab. Bangunan Senibina |
| 11. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid | Jab. Bangunan Senibina |
| 12. En. Mohd Faizal B. Arshad | Jab. Bangunan Senibina |
| 13. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak | Jab. Kejuruteraan |
| 14. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil | Jab. Kejuruteraan |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | |
|--------------------------------------|--------------------|
| 1. Pej. Tanah & Daerah Gombak | TIDAK HADIR |
| 2. Jab. Kerja Raya Hulu Langat | TIDAK HADIR |
| 3. Jab. Kerja Raya Gombak | TIDAK HADIR |
| 4. Jab. Pengairan & Saliran Selangor | TIDAK HADIR |
| 5. Indah Water Konsortium (IWK) | TIDAK HADIR |
| 6. SYABAS | TIDAK HADIR |
| 7. TNB Distribution Sdn. Bhd. | TIDAK HADIR |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.09/2013**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2013 telah diadakan pada 20 Sept 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan diluluskan dengan syarat .

2.1.2 Dua (2) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan satu (1) diluluskan dengan syarat dan satu (1) ditangguhkan.

2.1.3 Satu(1) Permohonan Pelan Bangunan (Rumah Sesebuah) yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan diluluskan dengan syarat .

(LAMPIRAN 1)

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 2)

2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG

Satu (1) cadangan Permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan, dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 3)

2.4 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (SESEBUAH)

Satu (1) cadangan Permohonan Kebenaran Merancang (Sesebuah) telah dikemukakan, dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 4)

2.5 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

(LAMPIRAN 5)

2.6 **PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (LANJUT TEMPOH)**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Lanjut Tempoh) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

(LAMPIRAN 6)

2.7 **PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (CAD. ALAMAT)**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Cad. Alamat) telah dikemukakan dan telah diluluskan.

(LAMPIRAN 7)

2.8 **PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (PERUMAHAN)**

Satu (1) cadangan Pelan Bangunan (Perumahan) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

(LAMPIRAN 8)

2.9 **HAL-HAL LAIN**

2.9.1 Sebanyak 6 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 29 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2013.

- 2.9.2 Sebanyak 2 Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah Dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2013.
- 2.9.3 Sebanyak 1 Permohonan Pelan Lampu Jalan telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2013.
- 2.9.4 Sebanyak 2 Permohonan Pelan Landskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2013.
- 2.9.5 Sebanyak 1 Permohonan Pindaan Pelan Bangunan telah diproses dan diluluskan dengan syarat. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2013.

(LAMPIRAN 9)

2.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.1 (a) TETUAN HOW YOK CHU, LEE KWAI HENG @ SEK SAU DAN QUAK GEEK BEE @ SEK KAI MUN (PELAN KERJA TANAH)

- Pemohon : **Tetuan How Yok Chu, Lee Kwai Heng @ Sek Sau Dan Quak Geek Bee @ Sek Kai Mun**
- No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02/168A
- No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/34/12
- Tajuk : Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Bangunan Tokong 'Sam Poh Thong' 3 Tingkat Beserta 1 Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Di Atas Lot Pt 12202 Jalan 9a, Kg. Baru Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- Perunding : AE Consult
- ADUN : Y.B. Tuan Hj. Khasim Bin Abd Aziz (Dun Lembah Jaya).
- Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
- Pertanyaan : Beliau memaklumkan hasil semakan pihak jabatan mendapati pihak pemohon telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan. Walau bagaimanapun permohonan belum mendapat ulasan serta sokongan daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).
- Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon perlu mendapatkan sokongan daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.

**2.1.1 (b) TETUAN HOW YOK CHU, LEE KWAI HENG @ SEK SAU DAN
QUAK GEEK BEE @ SEK KAI MUN (PELAN INFRASTRUKTUR)**

- Pemohon : **Tetuan How Yok Chu, Lee Kwai Heng @ Sek Sau Dan
Quak Geek Bee @ Sek Kai Mun**
- No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02/168A
- No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/34/12
- Tajuk : Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah
Bangunan Tokong 'Sam Poh Thong' 3 Tingkat Beserta 1
Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Di Atas Lot
Pt 12202 Jalan 9a, Kg. Baru Ampang, Daerah
Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- Perunding : AE Consult
- ADUN : Y.B. Tuan Hj. Khasim Bin Abd Aziz (Dun Lembah Jaya).
- Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan
- Beliau memaklumkan selaras dengan Pelan Kerja Tanah
pihak jabatan mendapati pihak pemohon talah
mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis
panduan dan spesifikasi yang ditetapkan. Walau
bagaimanapun permohonan belum mendapat ulasan
serta sokongan daripada Jabatan Pengairan Dan
Saliran (JPS).
- Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan
dengan syarat** selaras dengan kelulusan Pelan Kerja
Tanah pemohon perlu mendapatkan sokongan
daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

**2.1.1 (c) TETUAN HOW YOK CHU, LEE KWAI HENG @ SEK SAU DAN
QUAK GEEK BEE @ SEK KAI MUN (PELAN BANGUNAN)**

- Pemohon : **Tetuan How Yok Chu, Lee Kwai Heng @ Sek Sau Dan Quak Geek Bee @ Sek Kai Mun.**
- No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/5-48/13
- No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/34/12
- Tajuk : Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Bangunan Tokong Sam Poh Thong 3 Tingkat Beserta 1 Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Di Atas Lot Pt 12202, Jalan 9a, Kampung Baru Ampang, Seksyen 15, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- Perunding ADUN : Ng Poh Kwang Chartered Architect
: Y. B. Khasim Bin Abdul Aziz
: (DUN Lembah Jaya)
- Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.18/2013 bertarikh 20 September 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki :
- i. Mengemukakan surat dan pelan kelulusan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur dari Jabatan Kejuruteraan.
 - ii. Mengemukakan surat sokongan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

Dua (2) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.2 TETUAN SPECTACULAR HEIGHTS SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Spectacular Heights Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Tujuan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Dibawah Seksyen 204B, Kanun Tanah Negara (KTN) Bagi Pembangunan Skim "Gated Community" Dibawah Seksyen 6 (1A) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985), 70 Unit Kondominium 17 Tingkat (Termasuk 3 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta Dan Kemudahan-Kemudahan Berkaitan) Di Atas Lot

- 5, Seksyen 2, Jalan 2, Taman Sri Ukay, Mukim Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : MPAJ 11/2/2/38/2012
- No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/93/12
- Perunding : CK Dev. Consultants
ADUN : Y.B Mohamed Azmin Bin Ali
(DUN Bukit Antarabangsa)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 18/2012 pada 21/9/2012 berkeputusan ditangguhkan kerana belum mematuhi ulasan-ulasan teknikal berkaitan.
 - ii) Berkaitan dengan langkah penstabilan cerun di lot 6873 dan lot 541 (tanah kerajaan), Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) kali ke 22 /2013 pada 31 /7/2013 telah bersetuju dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemohon.
 - iii) Walau bagaimanapun, permohonan ini disyorkan untuk ditangguhkan terlebih dahulu kerana perbincangan yang lebih terperinci perlu diadakan bersama pihak pemaju bagi membincangkan perkara-perkara teknikal yang tertumpu untuk lot 5 sahaja dan tidak melibatkan lot-lot lain.

Ulasan JMG & IKRAM

- i) Pihak JMG dan pihak IKRAM memaklumkan bersama di dalam mesyuarat bahawa pemohon perlu membuat penstabilan cerun di lot 541 dan lot 6873 terlebih dahulu sebelum kelulusan diberikan selaras dengan keputusan MMKN

Ulasan Tn. Razali B. Ramly, Ahli Majlis MPAJ

- i) Tn. Razali mencadangkan kepada MPAJ untuk membuat rayuan tentang pinjaman RM 16.5 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan cerun adalah lebih baik diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan bukan sebagai pinjaman kepada MPAJ.

Ulasan Tuan Pengerusi

- ii) Tuan Pengerusi bersetuju dengan pandangan Tuan Razali dan perlu dibincangkan lebih lanjut dengan pihak-pihak yang berkaitan.
- iii) Tuan pengerusi memaklumkan permohonan ini telah tertangguh di OSC hampir 3 tahun dan masih tiada keputusan yang dapat diberikan walaupun permohonan ini telah mendapat perakuan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JKTPKSAS) Negeri Selangor.
- iv) Permohonan ini disyorkan untuk ditangguhkan dan minta pihak jabatan mengadakan perbincangan lanjut dengan pemaju dengan mengambilkira aspek-aspek teknikal dan keadaan isu semasa.

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:

- xiii) Satu perbincangan yang lebih terperinci akan diadakan bersama pihak pemaju bagi membincangkan perkara-perkara teknikal yang tertumpu untuk lot 5 sahaja dan tidak melibatkan lot-lot lain dalam masa terdekat.
- xiv) Perlu meminda pelan susunatur mengikut ulasan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan iaitu:
 - a) Meminda bilangan tingkat daripada 17 tingkat kepada pembangunan bertanah (landed property) selaras dengan Rancangan Tempatan MPAJ.
 - b) perlu membuat penstabilan cerun di lot 541 dan lot 6873 terlebih dahulu sebelum kelulusan diberikan selaras dengan keputusan MMKN Bil. 22/2013 pada 31/7/2013.
 - c) Menyediakan perimeter planting berukuran 10 kaki disekeliling tapak pembangunan.
 - d) Meminda dan menyediakan garis anjakan bangunan mengikut Manual Garispanduan & Piawaian Perancangan Neg. Selangor sepertimana berikut:
 - 1) Anjakan bangunan dengan sempadan menghadap jalan awam dipinda dari 36 kaki kepada 50 kaki.

- 2) Anjakan bangunan (hadapan dengan hadapan) dipinda dari 30 kaki kepada 80 kaki.
 - 3) Anjakan bangunan (tepi dengan hadapan) dipinda dari 30 kaki kepada 40 kaki.
 - 4) Anjakan bangunan (belakang dengan belakang) dipinda dari 20 kaki kepada 40 kaki.
 - e) Menyediakan anjakan bangunan yang mencukupi bagi tapak pembangunan bersebelahan iaitu jarak anjakan bangunan diukur berdasarkan sudut Tan 60° .
 - f) Melabelkan jalan dalaman dua hala dari berukuran 20 kaki kepada 24 kaki.
- xv) Mematuhi keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JKTPKSAS) Negeri Selangor Bil. 7/2012 pada 26/6/2012 yang berpandangan dan memutuskan,
- a) Kajian laporan penyiasatan tanah, laporan goteknikal dan lukisan rekabentuk yang terperinci bagi keseluruhan tapak cadangan pemajuan yang melibatkan lot 5 (tapak cadangan) dan tanah kerajaan berhampiran Taman Bukit Utama iaitu lot 6873 dan lot 541 adalah penting bagi menentukan samada cadangan pemajuan ini dapat dilaksanakan atau tidak.
 - b) Pemaju boleh mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang kepada MPAJ dengan syarat:
 - 1) Pihak MPAJ tidak boleh memberi kelulusan terhadap permohonan Kebenaran Merancang tersebut sehingga pihak pemaju mendapat persetujuan daripada pihak JMG Selangor, JKR (Bahagian Geoteknik & Forensik) dan IKRAM Sdn.Bhd bagi laporan penyiasatan tanah, laporan geoteknikal dan lukisan rekabentuk yang terperinci untuk keseluruhan tapak cadangan pemajuan yang melibatkan lot 5 (tapak cadangan) dan tanah kerajaan berhampiran Taman Bukit Utama iaitu di lot 6873 dan lot 541 sepertimana yang

- perlu disediakan selaras dengan keputusan Mesyuarat JKTPKSAS Bil .5/2012.
- 2) Keputusan Kebenaran Merancang oleh MPAJ hendaklah juga tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat lain yang telah ditetapkan dalam Mesyuarat JKTPKSAS Bil.5/2012 pada 25/4/2012
 - iv) Mematuhi keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) kali ke 22 /2013 pada 31 /7/2013 berkaitan levi yang dikenakan terhadap pembangunan berhampiran Bukit Antarabangsa.
 - v) Mengemukakan TIA dan mendapatkan kelulusan dari JKR Selangor berkaitan dengan akses dan persimpangan jalan.
 - vi) Mematuhi ulasan dari JKR Negeri Selangor iaitu dengan memberi perhatian perkara berikut:
 - a) Secara global, keadaan cerun upslope adalah melampaui keperluan yang terkandung dalam Garis Panduan Pembangunan Lereng Bukit, Mac 2010:- Klasifikasi terrain, geometri (ketinggian dan kecuraman) & zon penampakan.
 - b) Laporan dikeluarkan tanpa menjejaskan pandangan serta pendirian oleh Jabatan-jabatan lain, Jawatankuasa Teknikal Sensitif Alam Sekitar (JKTKSAS) mahupun Kerajaan Negeri Selangor.
 - c) Masalah tersebut perlu ditangani oleh pendekatan serta penyelesaian kejuruteraan yang tinggi dan komprehensif, kestabilan cerun memerlukan FOS 1.5. Kawasan perlu dikaji nilai hendaklah mencakupi seluruh kawasan tadahan (catchment area) yang berkenaan.
 - d) Penyelesaian kejuruteraan hendaklah menasaskan pembinaan sistem infra penebatan gelinciran tanah (landslide) terdiri dari gabungan sistem aktif (contoh: retaining wall) dan pasif (contoh: detention pond, cascading drain).
 - vii) Dan syarat cadangan penambahbaikan perlu dipatuhi iaitu;
 - a) Sebahagian penstabilan cerun dicadangkan berada di luar sempadan

- dan melibatkan pihak yang lain. Oleh yang demikian pihak pemaju perlu menyatakan dengan jelas tanggungjawab terhadap jangkaan pogram akan datang dan penyenggaraan cerun tersebut.
- b) Pemaju disyaratkan supaya menyiapkan terlebih dahulu seluruh kerja-kerja infrastruktur penstabilan cerun di luar dan dalam lot pembangunan. Tiada pembangunan super structure boleh dimulakan sebelum kerja infra disiapkan serta diterima sepenuhnya (full acceptance).
 - c) Perincian syarat lain dinyatakan dalam kelulusan pelan infrastruktur dan kerja tanah.
 - viii) Mengambil kira isu bantahan dari penduduk iaitu aspek kesesakan jalan, kebimbangan berlakunya bencana tanah runtuh, keselamatan dan pencemaran alam sekitar.
 - ix) Mematuhi ulasan dan syarat-syarat Jabatan Teknikal berkaitan

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.1.3 BRIG. JEN. (B) DATO' HJ. MOHD ZAKI BIN HJ. WAN MAHMOOD

- Pemohon : Brig. Jen. (B) Dato' Hj. Mohd Zaki Bin Hj. Wan Mahmood
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membina Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 34185, Kg. Tasik Permai, Seksyen 15, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : MPAJ .PB.KP/3-8 (2013)
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.09.13
- Perunding : Neo Urban Consult
ADUN : Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd Aziz
(DUN Lembah Jaya)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini telah dibawa semula ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.12/2013 pada 25/06/2013 dan

ditangguhkan kerana jalan keluar masuk ke tapak cadangan pembangunan masih belum dibina dan terlibat dengan kawasan bercerun. Suatu kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) atau Pelan Induk bagi keseluruhan kawasan tersebut perlu disediakan bagi merancang keperluan kemudahan infrastruktur dan untuk menentukan sama ada kawasan tersebut terlibat dengan tanah bercerun kelas III dan IV atau sebaliknya.

- ii) Pemohon telah mengemukakan rayuan berkaitan Kajian Rancangan Khas (RKK) atau pelan induk bagi keseluruhan kawasan tersebut adalah kurang sesuai dan mengambil masa yang lama serta perlu penglibatan pelbagai pihak.

Ulasan Tuan Pengerusi

- i) Tuan Pengerusi mengesyorkan permohonan ini diluluskan dengan syarat pemohon mengemukakan maklumat terperinci dan membayar kos bagi pembinaan jalan keluar masuk ke tapak dari Lorong Indah 7 sepanjang 130 meter kelak atau perlu membayar sumbangan kepada MPAJ untuk pembinaan jalan tersebut.

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:

- i) Mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar iaitu:
 - a) Cadangan **brick wall** setinggi 1.2 meter di belakang bangunan tidak dibenarkan memasuki anjakan bangunan.
 - b) Mengemukakan surat akujanji kepada Jabatan Perancang Bandar bahawa bangunan cadangan adalah sebagai kediaman.
 - c) Meminda pelan susunatur dengan meminda cadangan balkoni di bahagian hadapan tapak dan tidak dibenarkan memasuki anjakan hadapan bangunan iaitu 20 kaki.

- ii) Mematuhi ulasan jabatan Bangunan & Senibina iaitu:
 - a) Menyediakan anjakan 20 kaki bagi ' terrace garden' selaras dengan Manual Garispanduan Piawaian perancangan Selangor.
- iii) Mengemukakan maklumat terperinci dan membayar kos bagi pembinaan jalan keluar masuk ke tapak dari Lorong Indah 7 sepanjang 130 meter kelak atau perlu membayar sumbangan kepada MPAJ untuk pembinaan jalan tersebut.
- xvi) Jalan keluar masuk sementara melalui surau berhampiran hendaklah bersifat sementara dan mendapat kebenaran daripada pihak surau tersebut.
- xvii) Segala urusan serta perbincangan antara pemohon dan pihak surau bagi pembinaan jalan sementara yang melalui surau adalah diluar tanggungjawab MPAJ.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

Satu (1) Permohonan Pelan bangunan (Rumah Sesebuah) yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.4 PUAN LUM MUN YEE

Pemohon : **Puan Lum Mun Yee**
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/1-13/12
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/42/12
Tajuk : Cadangan Pembangunan Satu Unit Rumah Banglo 2 Tingkat Dan 1 Aras Bawah (Basement) Beserta 1 Unit Pondok Pengawal Di Atas Lot 16700 Dan Lot 16701, Taman Melawati, Bandar Ulu Kelang, Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Nesa Arkitek
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib
(DUN Hulu Kelang)
Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.18/2013 bertarikh
Keputusan : 20 September 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki membuat bayaran premium berkaitan proses penyatuan tanah di Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.(a) TETUAN TIMBUNAN TUNAS DEVELOPMENT SDN. BHD (PELAN KERJA TANAH)

Pemohon : **Tetuan Timbunan Tunas Development Sdn. Bhd**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02-290B
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/130/12
Tajuk : Cadangan Bagi Merobohkan Rumah Kelab Sediada (Lot 1332) Dan Membina Pangsapuri Kos Tinggi 31 Unit, 6 Tingkat Dan 2 Aras Tempat Letak Kereta Separa Bawah Tanah Serentak Dengan Serah Balik Dan Bermilik Semula Tanah Lot Pt 1332 Dan Pt 4157 Di Bawah Seksyen 204b Ktn, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan

Perunding : Hacent Consultant
ADUN : Y.B. Tuan Mohamed Azmin B. Ali
(Dun Bukit Antarabangsa)

Ulasan & : **Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan

Beliau memaklumkan maklumat terkini hasil semakan pihak pemohon telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Pihak jabatan meminta untuk membuat pertukaran syor daripada ditangguhkan kepada diluluskan dengan syarat.

Beliau memaklumkan permohonan juga telah mendapat kelulusan serta sokongan daripada pihak :-

- a) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).
- b) Jabatan Mineral & Geosains Selangor.

Selain itu beliau memaklumkan kelulusan muktamad hanya akan dikeluarkan oleh Jabatan Kejuruteraan setelah pihak pemohon menyelesaikan isu serahbalik dan bermilik semula tanah .

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon perlu menyelesaikan isu serahbalik dan bermilik semula tanah .

Tindakan : Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.

**2.1.(a) TETUAN TIMBUNAN TUNAS DEVELOPMENT SDN. BHD
(PELAN INFRASTRUKTUR)**

Pemohon : **Tetuan Timbunan Tunas Development Sdn. Bhd**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-03-194B
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/130/12
Tajuk : Cadangan Bagi Merobohkan Rumah Kelab Sediada (Lot 1332) Dan Membina Pangsapuri Kos Tinggi 31 Unit, 6 Tingkat Dan 2 Aras Tempat Letak Kereta Separa Bawah Tanah Serentak Dengan Serah Balik Dan Bermilik Semula Tanah Lot Pt 1332 Dan Pt 4157 Di Bawah Seksyen 204b Ktn, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan

Perunding : Hacent Consultant
ADUN : Y.B. Tuan Mohamed Azmin B. Ali
(Dun Bukit Antarabangsa)

Ulasan & : **Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan

Beliau memaklumkan hasil semakan pihak pemohon telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Selaras dengan Pelan Kerja Tanah pihak jabatan membuat pertukaran syor daripada tangguh kepada diluluskan dengan syarat.

Beliau memaklumkan permohonan juga telah mendapat kelulusan serta sokongan daripada pihak :-

- c) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).
- d) Jabatan Mineral & Geosains Selangor.

Selain itu beliau memaklumkan kelulusan muktamad hanya akan dikeluarkan oleh Jabatan Kejuruteraan setelah pihak pemohon menyelesaikan isu serahbalik dan bermilik semula tanah .

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** selaras dengan kelulusan Pelan Kerja Tanah, pemohon perlu menyelesaikan isu serahbalik dan bermilik semula tanah .

Tindakan : Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.

**2.1(c) TETUAN TIMBUNAN TUNAS DEVELOPMENT SDN. BHD
(PELAN BANGUNAN)**

Pemohon : **Tetuan Timbunan Tunas Development Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/2-13/13
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/130/12
Tajuk : Cadangan Bagi Meroboh Rumah Kelab Sediada (Lot 1332) Dan Membina Pangsapuri Kos Tinggi 31 Unit, 6 Tingkat Dan 2 Aras Tempat Letak Kereta Separa Bawah Tanah Serentak Dengan Sereah Balik Dan Bermilik Semula Tanah Lot Pt 1332 Dan Pt 4157 Di Bawah Seksyen 204b KTN, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding ADUN : Look Design Architect
: Y. B. Mohamed Azmin Bin Ali
(DUN Bukit Antarabangsa)

Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.18/2013 bertarikh 20 September 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki:

- i. Mengemukakan surat dan pelan kelulusan kerja tanah dan kerja infrastruktur dari Jabatan Kejuruteraan, MPAJ;
- ii. Mengemukakan surat sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- iii. Mengemukakan surat sokongan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan.

Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.3.1 TETUAN GOLDEN ARCHES RESTAURANTS SDN. BHD.

Pemohon	:	Tetuan Golden Arches Restaurants Sdn. Bhd.
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Bagi Cadangan Tambahan Dan Pindaan Kepada Sebuah Stesen Minyak Caltex 1 Tingkat Sediada Yang Melibatkan Tambahan Restoran Makanan Segera Mc Donald's Pandu Lalu (Drive Thru) 2 Tingkat Di Atas Pt 9622 (HSD 113726), Seksyen 14, Jalan Ampang, Taman Kosas, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, , Selangor Darul Ehsan
No. Fail PBT	:	MPAJ.PB.KP/2-33/2013
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.DEV.79.13
ADUN	:	Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd Aziz (DUN Lembah Jaya)
Ulasan	:	<u>Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ</u> i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini disyorkan untuk diluluskan dengan syarat pemohon mematuhi keperluan teknikal berkaitan.
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat berikut: i) Membuat penambahan TLK dengan mengoptimalkan kawasan tapak cadangan. ii) Menyediakan TLK yang mencukupi di lorong belakang tapak cadangan (rezab jalan). iii) Membuat penambahan TLK di atas rezab kawasan lapang bersebelahan tapak cadangan dengan mengambilkira pengindahan lanskap di atas rezab kawasan lapang tersebut. iv) Mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar seperti berikut: a) Menyediakan Tempat Letak Kereta OKU yang mencukupi iaitu 2 petak TLK OKU dengan 'ramp'.

- v) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan iaitu:-
 - a) Menunjukkan dengan jelas jalan sediada dan jalan yang dicadangkan di dalam pelan layout.
- vi) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada JPS, JPBD, TNB, JAS, IWK dan SYABAS.
- viii) Perlu mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

SULIT

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (SESEBUAH)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Sesebuah) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.4.1 TETUAN SHAPERS (M) SDN. BHD.

Pemohon	:	Tetuan Shapers (M) Sdn. Bhd.
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Dan Basement Letak Kereta Kolam Renang Di Atas Hsm 13490 Lot 1745, Jalan Lee Woon, Taman Zoo View, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
No. Fail PBT	:	MPAJ.PB.KP/3-37/(2013)
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.DEV.78.13
Perunding ADUN	:	Land Design Sdn. Bhd. Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
Ulasan	:	<u>Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ</u> i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini disyorkan untuk ditangguhkan kerana masih banyak keperluan teknikal yang masih belum dipatuhi.
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini ditangguhkan berdasarkan perkara-perkara berikut: i) Mematuhi ulasan kebenaran merancang iaitu: a) Meminda keluasan tapak dalam pelan susunatur iaitu 1154.42 mp kepada 1221.8208 mp selaras dengan keluasan dalam suratan hakmilik tanah dan pelan akui. b) Mengemukakan surat kebenaran daripada CIMB Islamic Bank Berhad kerana terdapat gadaian menjamin wang pokok (No perserahan 30528/2012). c) Mengemukakan surat akujanji bahawa pembangunan adalah untuk tujuan kediaman semata-mata.

- ii) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan iaitu:
 - a) Mengemukakan pelan syit dan pelan akui (CP).
 - b) Mengemukakan pelan ukur halus yang disahkan oleh Pejabat Tanah dan Jurukur Berdaftar termasuk menunjukkan jajaran jalan dan parit yang bersambung ke jalan dan parit sedia ada.
 - c) Mengemukakan laporan analisis kecerunan.
 - d) Mengemukakan laporan kestabilan cerun sedia ada.
 - e) Mengemukakan cadangan aras tapak bagi cadangan keseluruhan pembangunan.
 - f) Mengemukakan perincian bagi ketinggian tembok penahan dan jarak dari lot berjiran (sekiranya ada).
 - g) Menunjukkan discharge outlet dari pembangunan ke longkang sedia ada.
 - h) Mendapatkan sokongan dan kelulusan JPS dan JMG.
- iii) Mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina iaitu:
 - a) Meminimalkan ketinggian tembok penahan yang dicadangkan di antara lot berjiran dan aras jalan sedia ada dengan platform level yang dicadangkan.
 - b) Merujuk kepada Jabatan Kejuruteraan dan membuat kajian berkaitan cerun di luar sempadan pada bahagian belakang rumah.
 - c) Menyemak semula kecerunan ramp yang bersebelahan lot 3880.
- iv) Mematuhi ulasan Jabatan Belia dan Masyarakat iaitu:
 - a) Membekalkan sebanyak tiga (3) pokok kepada majlis iaitu pokok Mimusops Elengi (Bunga Tanjung) dengan ketinggian batang pokok 1200 mm dan diameter batang pokok 50 mm.
 - v) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak dan Jabatan Pengairan dan Saliran Gombak.
 - vi) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.5.1 TASKA NURIN BESTARI

Pemohon	:	Taska Nurin Bestari
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Perubahan Matan Kegunaan Bangunan Daripada Rumah Kepada Taska Secara Sementara Di Lot PT 352 Beralamat Di No. 43, Jalan Perdana 10/4, Taman Pandan Perdana, Mukim Ampang Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
No. Fail PBT	:	MPAJ.PB.KP/4-15 (2013)
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.DEV.75.13
ADUN	:	Y.B. Tiew Way Keng (DUN Teratai)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini diluluskan dengan syarat seperti berikut: xi) Kelulusan tukar guna bangunan ini diberikan secara sementara dan lesen akan dikeluarkan secara tahunan iaitu dari tahun ke tahun. Sekiranya terdapat bantahan awam atau penyalahgunaan kelulusan atau perancangan pihak Majlis pada masa hadapan, kelulusan akan ditarik balik atau dikaji semula. xii) Menyediakan kemudahan dan infrastruktur di tapak cadangan mengikut keperluan semasa. xiii) Tidak menghalang lalulintas sekitar dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat. xiv) Mematuhi syarat Jabatan Bangunan Dan Senibina MPAJ iaitu pemohon perlu mengemukakan pelan tambahan tangga keselamatan dan ubahsuai bangunan ke jabatan tersebut. xv) Mengemukakan permohonan lesen perniagaan kepada Jabatan Perlesenan, MPAJ. xvi) Mematuhi ulasan dan syarat serta keperluan daripada jabatan-jabatan teknikal yang terlibat Tindakan : OSC Pembangunan Jab. Perancang Bandar,MPAJ

LAMPIRAN 6

2.6 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (LANJUT TEMPOH)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Lanjut Tempoh) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.6.1 TETUAN S.P.C.A (PERSATUAN MENOLONG HAIWAN)

- Pemohon : **Tetuan S.P.C.A (Persatuan Menolong Haiwan)**
Tajuk : Permohonan Lanjut Tempoh Kebenaran Merancang Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Bangunan S.P.C.A Selangor Yang Mengandungi:
- a. 1 Blok Penyerahan & Pentadbiran 1 Tingkat
 - b. 1 Stor 1 Tingkat
 - c. 1 Rumah Kelab 2 Tingkat
 - d. 1 Rumah Haiwan Berpenyakit 1 Tingkat
 - e. 1 Kandang Anjing 1 Tingkat
 - f. 1 Rumah Sampah 1 Tingkat
 - g. 1 Kandang Kucing Berasingan 1 Tingkat
 - h. 1 Kandang Kucing Berkelompok
- Di Atas Lot PT 4352, Jalan Kerja Ayer Lama, Taman Ampang Jaya,
- Perunding : Hijas Kasturi Associates Sdn. Bhd.
No. Fail PBT : MPAJ 11/2/3/20-2012
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/71/11
ADUN : Y.B Mohamed Azmin Bin Ali
(DUN Bukit Antarabangsa)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- c) Mengekalkan syarat-syarat asal kelulusan kebenaran merancang yang telah diberikan pada 11/09/2013.
 - d) Kelulusan lanjut tempoh diberikan bermula dari tarikh 11/09/2013 hingga 10/09/2014

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.7 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (CAD. ALAMAT)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Cad. Nama Taman & Alamat) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.7.1 TETUAN PLATINUM 88 SDN. BHD.

Pemohon	:	Tetuan Platinum 88 Sdn. Bhd.
Tajuk	:	Cadangan Pindaan Pelan Alamat Bagi Pembangunan Perumahan Di Atas Sebahagian Lot 66, 426 Dan 191 (Pt 14325 HSD 27426) Dan PT 14356 (HSD 27427) Seluas 22.32 Ekar, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
No. Fail PBT	:	MPAJ 11/2/6/123
No. Fail OSC	:	MPAJ/OSC/DEV/38/08
ADUN	:	Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan alamat penuh ini diluluskan dengan contoh alamat seperti berikut: i) No. 2, Jalan UB 12B, Taman Ukay Bistari, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan. ii) No. 13, Jalan UB 12B, Taman Ukay Bistari, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.8 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (PERUMAHAN)

Satu (1) cadangan Pelan Bangunan (Perumahan) telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.8.1 TETUAN VENUS CAPITAL CORPORATION SDN. BHD.

Pemohon	:	Tetuan Venus Capital Corporation Sdn. Bhd.
No. Fail PBT	:	MPAJ BS.KB.740-1/2-16/13
No. Fail OSC	:	MPAJ/OSC/DEV/41/12 JLD.5
Tajuk	:	Cadangan Pembangunan (Fasa 2) 45 Unit Rumah Sesebuah Yang Mengandungi: A) 11 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Jenis F1 Di Atas Lot Pt 17912-Lot Pt 17915, Lot 17919-Lot Pt 17922, Lot 17932-Lot Pt 17934 B) 9 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Jenis F2 Di Atas Lot Pt 17923-Lot Pt 17931 C) 8 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Jenis F3 Di Atas Lot Pt 17903-Lot Pt 17910 D) 3 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Jenis D Di Atas Lot Pt 17916-Lot Pt 17918 E) 14 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Jenis U Di Atas Lot Pt 17889-Lot Pt 17902 F) 1 Unit Pencawang Elektrik Di Bukit Palma Kemensah, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding ADUN	:	Ch & I Architecture Y. B.Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
Keputusan	:	Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.18/2013 bertarikh 20 September 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini diluluskan dengan syarat pemohon dikehendaki mengemukakan surat sokongan dan pelan kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

2.9 HAL-HAL LAIN

2.9.1 Makluman Kelulusan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai), Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalamam.

- c. Sebanyak 6 permohonan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai) telah diproses dan diluluskan.
- d. Sebanyak 29 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalamam telah diproses dan diluluskan.

2.9.2 Makluman Permohonan Pindaan Pelan Bangunan

Sebanyak satu (1) Permohonan Pindaan Pelan Bangunan telah diproses dan telah diluluskan dengan syarat.

2.9.3 Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur

Sebanyak dua (2) Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infra telah diproses dan diluluskan.

2.9.4 Makluman Permohonan Pelan Lampu Jalan

Sebanyak satu (1) Permohonan Pelan Lampu Jalan telah diproses dan telah diluluskan.

2.9.5 Makluman Permohonan Pelan Landskap

Sebanyak dua (2) Permohonan Pelan Landskap telah diproses dan telah diluluskan.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:35 pagi.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*